



KEMENTERIAN KEWANGAN



Belanjawan 2025
**MALAYSIA
MADANI**

TINJAUAN EKONOMI



E K O N O M I M A D A N I : M E M P E R K A S A R A K Y A T

Tinjauan Ekonomi 2025

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Setiausaha Bahagian,
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 9, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

Faks : 03-88823881
e-mel : fed@treasury.gov.my

Tinjauan Ekonomi diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Belanjawan Tahunan.

Edisi 2025 diterbitkan pada 18 Oktober 2024.


Data dan analisis yang terkandung dalam dokumen Tinjauan Ekonomi 2025 disediakan oleh kakitangan Kementerian Kewangan. Usaha telah diambil untuk memastikan garis masa dipatuhi serta ketepatan dan keterangkuman maklumat semasa penyediaan dokumen ini. Sekiranya terdapat ralat, pindaan akan dibuat dalam edisi digital seperti di laman sesawang Kementerian Kewangan.

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.mof.gov.my



Trusted Secure Professional

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-9236 6888



PRAKATA



**MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA**

Tatkala negara menghampiri 2025, ekonomi global terus terbelenggu dalam landskap yang kompleks dan mencabar. Kendatipun inflasi telah beransur mereda dan dasar monetari mula melonggar, kegalauan yang ketara masih berlanjutan. Sungguhpun proses pemulihan ini berterusan, namun ekonomi dunia masih berdepan dengan risiko ketidakstabilan dan kejutan yang membangkitkan kebimbangan terhadap asas ekonomi yang mungkin menjadi semakin suram meskipun terdapat tanda-tanda pemulihan. Sementara itu, dunia terus memerhati dengan penuh kegelisahan kepada ketidaktentuan geopolitik di Eropah dan Timur Tengah yang mampu mencetus kesenjangan ekonomi.

Meskipun dalam persekitaran global yang dinamik, Malaysia masih terkedepan dan muncul sebagai simbol kestabilan dan kemajuan di Asia Tenggara. Asas ekonomi yang kukuh dan pelaksanaan pembaharuan strategik bukan sahaja membantu negara mengharungi rintangan yang mencabar pada 2024, malahan mempamerkan daya tahan negara ketika berdepan dengan tantangan global. Kerangka Ekonomi MADANI memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju negara dengan menggalakkan aktiviti nilai tambah lebih tinggi yang seterusnya mengukuh daya saing ekonomi.

Pada separuh pertama 2024, Malaysia telah membuktikan daya tahan ekonomi melalui kadar pertumbuhan yang menggalakkan yakni 5.1%. Pemerksaan ini dipacu oleh pengukuhan permintaan domestik, pemulihan eksport dan pengembangan pesat sektor pelancongan. Pencapaian ini menggambarkan kedinamikan dan keutuhan ekonomi negara dengan kadar pertumbuhan dijangka stabil antara 4.8% hingga 5.3% pada tahun 2024, lantas menyerlahkan lagi daya tahan dan potensi negara ke arah kemakmuran yang mampan. Meninjau ke hadapan, ekonomi diunjur berkembang antara 4.5% hingga 5.5% bagi tahun 2025.

Kerajaan juga telah mencapai kemajuan yang signifikan dalam melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dengan defisit fiskal dianggarkan berkurang kepada 4.3% daripada KDNK tahun ini dan seterusnya bertambah baik kepada 3% bagi tempoh jangka masa sederhana. Komitmen Kerajaan terhadap pengurusan hutang secara berhemat dan peralihan kepada subsidi bersasar adalah teras kepada pembaharuan fiskal demi kemampanan dan keutuhan kedudukan kewangan negara, seterusnya memberikan jaminan asas kepada pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan.

Guna tenaga penuh disokong oleh ketersediaan dan peluang pekerjaan mencerminkan keadaan pasaran buruh yang bertambah baik, sekali gus memberikan harapan dan keyakinan dalam ekonomi. Sementelahan, dedikasi Kerajaan untuk terus melaksanakan dasar yang menyokong pertumbuhan gaji dan memastikan kemakmuran ekonomi yang dapat dikongsi secara saksama dalam kalangan rakyat merupakan bukti komitmen Kerajaan kepada masa depan yang lebih cerah.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan beriltizam untuk merealisasikan wawasan jangka masa panjang bagi pertumbuhan yang mampan dan terangkum. Kerangka Ekonomi MADANI akan kekal menjadi panduan rangka tindakan bagi dasar dan reformasi ekonomi. Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan masa depan yang makmur kepada semua rakyat Malaysia dengan memupuk ekonomi berdaya saing dan inovatif, meningkatkan kecekapan sektor awam dan memastikan kesaksamaan sosial. Arakian, usaha kolektif antara Kerajaan, sektor swasta dan rakyat adalah penting dalam merealisasikan wawasan ini. Menerusi kelebihan sedia ada dan tawaran nilai, semua pelabur dialu-alukan untuk mengambil bahagian dalam pertumbuhan iktisad negara. Kerajaan yakin bahawa Belanjawan 2025 akan membawa Malaysia selangkah lebih dekat ke arah merealisasikan wawasan Ekonomi MADANI yang bertunjangkan pendekatan seluruh negara.


Tahun 2025 menjanjikan harapan tinggi untuk Malaysia memandangkan negara masih mempertahankan asas pembangunan yang telah dibina selama ini. Menerusi pelaksanaan kerangka Ekonomi MADANI seiring dengan dasar-dasar di bawahnya, Malaysia bersedia untuk memperkukuh kedudukan sebagai ekonomi terkemuka di rantau ini. Sungguhpun masih terdapat cabaran, namun daya tahan kita semua akan menyatukan negara berlandaskan semangat perpaduan untuk menerima setiap perubahan yang berlaku dan kekal komited terhadap pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Bersama-sama, kita akan melakar masa hadapan yang sejahtera, memastikan mahsul negara dapat dikongsi secara saksama dengan semua, demi menjamin hari esok yang lebih cerah untuk negara kita, *Insyaa-Allah*.



ANWAR IBRAHIM
18 Oktober 2024

EKONOMI NEGARA 2025

pada harga malar 2015
(bahagian kepada jumlah dalam %)



¹Termasuk perubahan dalam stok
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN

LUAS KAWASAN 2020 (kilometer persegi)						
Malaysia	Semenanjung Malaysia		Sarawak	Sabah	Wilayah Persekutuan ¹	
330,241	131,786		124,450	73,621	384	
	2023 ⁹		2024 ¹⁰		2025 ¹¹	
PENDUDUK² (juta)	33.4		34.1		34.3	
PENGELUARAN DALAM NEGERI	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2015)	1,567,974	3.6	1,645,080	4.8 – 5.3	1,724,041	4.5 – 5.5
Pertanian	100,812	0.7	102,780	2.0	104,769	1.9
Perlombongan dan pengkuarian	97,513	0.5	99,706	2.2	98,671	-1.0
Pembuatan	366,694	0.7	381,881	4.1	399,089	4.5
Pembinaan	56,659	6.1	64,672	14.1	70,770	9.4
Perkhidmatan	927,904	5.1	976,966	5.3	1,030,826	5.5
Duti import	18,392	9.6	19,076	3.7	19,916	4.4
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa)	1,822,904	1.6	1,946,636	6.7 – 7.2	2,082,431	6.7 – 7.7
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam	217,824	4.8	228,671	5.0	243,238	6.4
Swasta	1,102,511	6.7	1,184,843	7.5	1,293,070	9.1
Pembentukan modal tetap kasar: Awam ³	80,022	10.5	89,256	11.5	96,151	7.7
Swasta	270,711	6.5	306,267	13.1	343,418	12.1
Perubahan inventori dan barangan berharga	58,878	-	42,864	-	-2,205	-
Eksport barangan dan perkhidmatan	1,250,183	-9.3	1,383,792	10.7	1,454,847	5.1
Import barangan dan perkhidmatan	1,157,224	-7.4	1,289,057	11.4	1,346,087	4.4
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA						
Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2015)	1,543,076	4.0	1,622,546	5.2	1,698,450	4.7
Pendapatan Negara Kasar (harga semasa)	1,769,983	1.9	1,897,886	7.2	2,025,919	6.7
Tabungan Negara Kasar (harga semasa)	437,814	-8.9	481,766	10.0	486,463	1.0
Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM)	52,991	-0.2	55,724	5.2	59,011	5.9
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN						
	2023		2024 ¹²		2025 ¹³	
Hasil	314,959	7.0	322,050	2.3	339,706	5.5
Perbelanjaan mengurus	311,267	6.3	321,500	3.3	335,000	4.2
Baki semasa	3,692		550		4,706	
Perbelanjaan pembangunan (bersih)	95,084	35.5	84,846	-10.8	84,679	-0.2
Baki keseluruhan	-91,392		-84,296		-79,973	
% KDNK	-5.0		-4.3		-3.8	
Pinjaman dalam negeri (bersih)	92,806		84,980		-	
Pinjaman luar pesisir (bersih)	-248		-300		-	
Perubahan aset ⁴	-1,166		-384		-	

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

	2023		2024 ¹²		2025 ¹³	
	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK
Hutang Kerajaan Persekutuan⁵	1,172,509	64.3	1,227,488	63.1	-	-
Hutang dalam negeri	1,142,658	62.7	1,198,158	61.6	-	-
Bil Perbendaharaan	20,000	1.1	20,500	1.1	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	527,300	28.9	564,300	29.0	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	589,858	32.4	613,358	31.5	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan	5,500	0.3	-	-	-	-
Pinjaman luar pesisir	29,851	1.6	29,330	1.5	-	-
Pinjaman pasaran	26,224	1.4	26,157	1.3	-	-
Pinjaman projek	3,627	0.2	3,173	0.2	-	-
	2023⁹		2024¹⁰		2025¹¹	
IMBANGAN PEMBAYARAN (BERSIH)	RM juta		RM juta		RM juta	
Imbangan akaun semasa	28,203		43,378		49,098	
Barangan	136,157		115,105		125,604	
Perkhidmatan	-43,199		-20,370		-16,844	
Pendapatan primer	-52,921		-48,750		-56,512	
Pendapatan sekunder	-11,835		-2,606		-3,149	
Imbangan akaun modal dan kewangan	-15,722		-		-	
Kesilapan dan ketinggalan bersih	-32,981		-		-	
Imbangan keseluruhan	-20,500		-		-	
PERDAGANGAN LUAR NEGERI	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Eksport kasar	1,426,199	-8.0	1,506,666	5.6	1,565,515	3.9
<i>antaranya:</i>						
Barangan pembuatan	1,216,283	-6.8	1,288,943	6.0	1,340,882	4.0
Barangan pertanian	94,818	-21.6	98,624	4.0	101,875	3.3
Barangan perlombongan	106,078	-9.6	109,084	2.8	111,426	2.1
Import kasar	1,211,044	-6.4	1,377,675	13.8	1,434,526	4.1
<i>antaranya:</i>						
Barangan perantaraan	620,607	-12.2	764,547	23.2	791,734	3.6
Barangan modal	128,743	7.1	160,435	24.6	166,570	3.8
Barangan penggunaan	104,118	0.1	118,293	13.6	122,257	3.4
Jumlah dagangan	2,637,243	-7.3	2,884,341	9.4	3,000,041	4.0
Imbangan dagangan	215,155	-16.0	128,991	-40.0	130,989	1.5
HARGA	Indeks	perubahan (%)	Indeks	perubahan (%)	Indeks	perubahan (%)
Indeks Harga Pengguna (2010 = 100)	130.4	2.5	-	1.5 - 2.5	-	2.0 - 3.5
BURUH	Ribu	perubahan (%)	Ribu	perubahan (%)	Ribu	perubahan (%)
Tenaga buruh	16,366.8	3.8	16,837.7	2.9	17,180.0	2.0
Pengangguran ⁶	553.4	(3.4)	534.4	(3.2)	533.5	(3.1)

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

PASARAN KEWANGAN DAN MODAL	2023 Akhir Julai		2024 Akhir Julai	
	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Bekalan wang				
M1	594,211	-1.3	636,762	7.2
M2	2,291,248	3.5	2,412,973	5.3
M3	2,300,317	3.5	2,423,037	5.3
Sistem perbankan (termasuk bank Islam)				
Dana ⁷	2,312,953	3.5	2,434,499	5.3
Pinjaman	1,897,777	3.3	2,020,815	6.5
Nisbah pinjaman kepada dana (%)	82.0		83.0	
Kadar faedah (kadar purata, %)	Julai		Julai	
Antara bank 3 bulan	3.50		3.54	
Bank perdagangan				
Deposit tetap: 3-bulan	2.71		2.63	
12-bulan	2.89		2.79	
Deposit tabungan	0.96		0.87	
Kadar asas (BR) purata berwajaran	3.67		3.66	
Kadar pinjaman asas (BLR)	6.68		6.68	
Bil Perbendaharaan (3-bulan)	-		-	
Sekuriti Kerajaan Malaysia ⁸				
1-tahun	3.24		3.22	
5-tahun	3.60		3.53	
Pergerakan ringgit	Akhir Ogos		Akhir Ogos	
	RM bagi seunit	perubahan ¹⁴ (%)	RM bagi seunit	perubahan ¹⁴ (%)
Hak Pengeluaran Khas (SDR)	6.1499	-5.1	5.8166	5.7
Dolar AS	4.6380	-3.3	4.3155	7.5
Euro	5.0410	-11.1	4.7788	5.5
100 yen Jepun	3.1731	2.0	2.9804	6.5
Paun sterling	5.8580	-10.4	5.6811	3.1
Bursa Malaysia				
FBM KLCI	1,451.94		1,678.80	
Nilai permodalan pasaran (RM bilion)	1,776.33		2,035.63	

¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya

² Anggaran penduduk semasa berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan 2020

³ Termasuk pelaburan oleh syarikat awam

⁴ (+) menunjukkan penggunaan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

⁵ Pada 2024, data adalah sehingga akhir Jun 2024

⁶ Angka dalam kurungan menunjukkan kadar pengangguran

⁷ Dana terdiri daripada deposit (tidak termasuk deposit yang diterima daripada institusi perbankan dan Bank Negara Malaysia) dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk yang diterbitkan, kertas komersial dan nota berstruktur)

⁸ Hasil indikatif pasaran

⁹ Awal

¹⁰ Anggaran

¹¹ Unjuran

¹² Anggaran disemak

¹³ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2025

¹⁴ Kadar tahunan penambahan nilai (+) atau penyusutan nilai (-) bagi ringgit

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

KANDUNGAN

PRAKATA	iii
AKRONIM DAN SINGKATAN	xiv
BAB 1	PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI
Ekonomi MADANI: Ekonomi Makmur, Rakyat Sejahtera	3
Tinjauan	6
Kedudukan Semasa Belanjawan 2024	7
Rencana 1.1 – Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR): Memacu Negara, Memperkasakan Masa Hadapan	8
Pengurusan Ekonomi	16
Peluang dan Cabaran	16
Sisipan 1.1 – Biochar: Kesan Limpahan ke Arah Kemampanan	18
Inisiatif Strategik – Belanjawan 2025	22
Sisipan 1.2 – Meningkatkan Daya Saing bagi Persekitaran Perniagaan yang Menggalakkan	24
Sisipan 1.3 – Menaikkan Lantai: Keperluan Gaji yang Lebih Bermakna	33
Rencana 1.2 – Memperkasakan Inisiatif Bantuan Sosial Malaysia: Kajian Kes Penerima Sumbangan Tunai Rahmah 2024	44
Kesimpulan	53
Rujukan	54
BAB 2	TINJAUAN MAKROEKONOMI
Perspektif Keseluruhan	61
Ekonomi 2024	62
Ekonomi Global	62
Rencana 2.1 – Malaysia sebagai Gerbang Kemakmuran ASEAN	63
Ekonomi Domestik	66
Sisipan 2.1 – Pelan Tindakan KL20: Memperkasakan Kuala Lumpur sebagai Hub Syarikat Pemula Global	69
Sisipan 2.2 – Pengukuhan Industri Semikonduktor melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030	74

Rencana 2.2 – Analisis Sensitiviti Perdagangan Malaysia terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar dan Impak Senario Ekonomi di China dan AS terhadap Eksport Kasar Malaysia	89
Tinjauan 2025	100
Tinjauan Global	100
Tinjauan Domestik	101
Rencana 2.3 – Menggalakkan Mobiliti Hijau dalam Memacu Negara ke Hadapan	102
Sisipan 2.3 – Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura: Memperkukuh Kerjasama Dua Hala ke Arah Meningkatkan Potensi Pertumbuhan	110
Rencana 2.4 – Memperkasakan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan Malaysia: Membuka Peluang Pelaburan untuk Memacu Pertumbuhan dan Pembangunan Sosial	113
Kesimpulan	121
Rujukan	123

BAB 3 PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Perspektif Keseluruhan	129
Perkembangan Monetari	129
Prestasi Ringgit	130
Prestasi Sektor Perbankan	131
Prestasi Pasaran Modal	134
Prestasi FBM KLCI	137
Sisipan 3.1 – Inisiatif Utama Pasaran Modal	139
Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam	140
Sisipan 3.2 – Perkembangan Terkini Kewangan Islam: Forum Global mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam	141
Kesimpulan	143
Rujukan	144

JADUAL PERANGKAAN 147

ORGANISASI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA 211

RAJAH

Ekonomi Negara 2025

Rajah 1.1.	Tujuh Penunjuk Prestasi Utama	3
Rajah 2.1.	Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar, Perdagangan dan Inflasi Global	63
Rajah 2.2.	Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan	67
Rajah 2.3.	Output Sektor Pembuatan	72
Rajah 2.4.	Jurang Tabungan-Pelaburan	81
Rajah 2.5.	Rakan Dagang 10 Teratas	85
Rajah 2.6.	Rizab Antarabangsa	88
Rajah 2.7.	Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar	98
Rajah 3.1.	Paras Kadar Dasar Semalaman	129
Rajah 3.2.	Perbandingan Kadar Dasar Bank Pusat Terpilih	130
Rajah 3.3.	Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih	131
Rajah 3.4.	Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar	132
Rajah 3.5.	Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia	136
Rajah 3.6.	Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia Terkumpul	136
Rajah 3.7.	Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun	137
Rajah 3.8.	Prestasi Bursa Malaysia	138
Rajah 3.9.	Prestasi Pasaran Saham Terpilih	138
Rajah 3.10.	Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara	142

JADUAL

Jadual 2.1.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor	66
Jadual 2.2.	Prestasi Sektor Perkhidmatan	66
Jadual 2.3.	Indeks Pembuatan mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik	73
Jadual 2.4.	Prestasi Sektor Pertanian	78
Jadual 2.5.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat	80
Jadual 2.6.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan	82
Jadual 2.7.	Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan bagi Negara Terpilih	82
Jadual 2.8.	Perdagangan Luar Negeri	84
Jadual 2.9.	Eksport Kasar	84
Jadual 2.10.	Eksport Barangan Pembuatan	85
Jadual 2.11.	Import Kasar mengikut Penggunaan Akhir	86
Jadual 2.12.	Akaun Semasa Imbangan Pembayaran	87
Jadual 2.13.	Indeks Harga Pengguna	97
Jadual 2.14.	Indeks Harga Pengeluar	98
Jadual 2.15.	Penunjuk Pasaran Buruh	99
Jadual 2.16.	Guna Tenaga mengikut Sektor	100
Jadual 3.1.	Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman	132
Jadual 3.2.	Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor	133
Jadual 3.3.	Pemerolehan Dana oleh Pasaran Modal	135
Jadual 3.4.	Bon Korporat Baharu mengikut Sektor	135
Jadual 3.5.	Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih	137
Jadual 3.6.	Perbankan Islam: Penunjuk Utama	140

AKRONIM DAN SINGKATAN

4IR	Dasar Revolusi Perindustrian Keempat	bps	mata asas
5G	generasi kelima	BR1M	Bantuan Rakyat 1 Malaysia
ADO	Tinjauan Pembangunan ASEAN	BRI	Inisiatif Jalur dan Laluan
AFTA	Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN	BSH	Bantuan Sara Hidup
AI	kecerdasan buatan	BTS	buah tandan segar
AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit	CCUS	pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon
ALR	kadar pinjaman purata	CET1	Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1
AMRO	ASEAN+3 Macroeconomic Research Office	CMI	Pengantara Pasaran Modal
APM	Mekanisme Harga Automatik	CO ₂	karbon dioksida
AS	Amerika Syarikat	COICOP	Klasifikasi Penggunaan Individu mengikut Tujuan
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara	COVID-19	Penyakit Coronavirus 2019
ASEAN-ISE	ASEAN-Interconnected Sustainability Ecosystem	CPI	Indeks Persepsi Rasuah
AUM	aset di bawah pengurusan	CPTPP	Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik
B2B	perniagaan ke perniagaan	CRESS	Skim Bekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat
B2C	perniagaan ke pengguna	CSI	Perisikan Kelestarian Berpusat
B40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah	DDI	pelaburan langsung domestik
BAP	Bantuan Awal Persekolahan	DFI	institusi kewangan pembangunan
BCR	Biochar Carbon Removal	DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
BEC	kategori ekonomi umum	DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
BIMP-EAGA	Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur	DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
BKM	Bantuan Keluarga Malaysia	DSR	nisbah khidmat hutang
BLR	kadar pinjaman asas	DSTIN	Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021 – 2030
BNM	Bank Negara Malaysia	DTN	Dasar Tenaga Negara 2022 – 2040
BPN	Bantuan Prihatin Nasional	E&E	elektrik dan elektronik

ECF	pendanaan awam ekuiti	GMV	Nilai Dagangan Kasar
ECRL	Laluan Rel Pantai Timur	GovTech	Teknologi Kerajaan
EFB	tandan buah kosong	GPB	Gudang Pengilangan Berlesen
EMDE	pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun	GRP	Amalan Baik Peraturan
EMS	perkhidmatan pembuatan elektronik	HDI	Indeks Pembangunan Manusia
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus	HGHV	pertumbuhan dan nilai tinggi
EU	Kesatuan Eropah	HIES	Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah
EV	kenderaan elektrik	ICE	enjin pembakaran dalaman
FBM KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia	ICM	Pasaran Modal Islam
FDI	pelaburan langsung asing	ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Fed	Rizab Persekutuan Amerika Syarikat	IDR	nisbah kebergantungan import
FiT	tarif galakan	i-ESG	Rangka Kerja Kebangsaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Industri
FOMC	Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan	IFSB	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam
Forest City	Forest City SFZ	IHP	Indeks Harga Pengguna
FTA	perjanjian perdagangan bebas	IHPR	Indeks Harga Pengeluar
GEAR-uP	Program Pengaktifan dan Reformasi Badan Berkaitan Kerajaan	IILM	Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa
GERD	Perbelanjaan Dalam Negeri Kasar untuk R&D	IMD	International Institute for Management Development
GFIEF	Forum Global mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam	IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
GHG	gas rumah kaca	IMFC	Pusat Memudahkan Pelaburan Malaysia
GII	Indeks Inovasi Global	IMT-GT	Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand
GLC	syarikat berkaitan kerajaan	IO	input-output
GLCT	Program Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan	IoT	Internet benda
GLIC	syarikat pelaburan berkaitan kerajaan	IPG	Insentif Pengeluaran Getah
		IPL	Insentif Pengeluaran Lateks

AKRONIM DAN SINGKATAN

IPO	Tawaran Awam Permulaan	M40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan
IPR	Inisiatif Pendapatan Rakyat		
IsDB	Bank Pembangunan Islam	MAVCAP	Malaysia Venture Capital Management Berhad
ISES	Sidang Kemuncak Tenaga Lestari Antarabangsa	MEVnet	Rangkaian Pengecasan Kenderaan Elektrik Malaysia
JCI	Joint Commission International	MGII	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia
JKKTN	Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional	MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
JS-SEZ	Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura	MHTC	Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar	MICE	mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran
KFL	Kulai Fast Lane		
Khazanah	Khazanah Nasional Berhad	MIFC	Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia
KIGIP	Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian	MKD	Menteri Kewangan (Diperbadankan)
KL20	Pelan Tindakan KL20	MLC	Majlis Kepimpinan MIFC
KRI	Khazanah Research Institute	MM2H	Malaysia Rumah Kedua Ku
KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	MNC	perbadanan multinasional
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	MoC	Memorandum Kerjasama
		MoF	Kementerian Kewangan Malaysia
LCR	Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	MPC	Jawatankuasa Dasar Monetari
LDR	nisbah pinjaman kepada deposit	MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia
LED	diod pemancar cahaya	MRI	Pengimejan Resonans Magnetik
LFSA	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	MSM	minyak sawit mentah
		MTC	syarikat peringkat pertengahan
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri	MtCO ₂ eq.	mega tan bersamaan karbon dioksida
LKK	lembah kendalian kasar		
LNG	gas asli cecair	MTUC	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
LPPSA	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	MW	megawatt
LRT3	Transit Aliran Ringan 3	MyCIF	Malaysia Co-Investment Fund
LTAT	Lembaga Tabung Angkatan Tentera	MyDIGITAL	Pelan Induk Ekonomi Digital Malaysia

NACS	Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional	PIKAS 2030	Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030
NACSA	Agensi Keselamatan Siber Negara	PKS	perusahaan kecil dan sederhana
NETF	Kemudahan Peralihan Tenaga Negara	PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana
NETR	Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara	PMR	Penilaian Menengah Rendah
NGO	Organisasi Bukan Kerajaan	PNB	Permodalan Nasional Berhad
NIMP 2030	Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030	PNK	pendapatan negara kasar
NPGRP	Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan	PP	pampasan pekerja
NSFR	Nisbah Pendanaan Stabil Bersih	PPP	kerjasama awam-swasta
NSS	Strategi Semikonduktor Nasional	ppt	mata peratusan
OECD	Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan	PRIBUMI	Persatuan Remisier Bumiputera Malaysia
OKU	orang kurang upaya	PSA	Akta Perkhidmatan Parlimen
OPEC	Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum	PuTERA35	Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035
OPR	Kadar Dasar Semalaman	PV	solar fotovoltai
P2P	antara rakan setara	PyCCS	Pyrogenic Carbon Capture and Storage
PADU	Pangkalan Data Utama	R&D	penyelidikan dan pembangunan
PBMZI	Indeks Zakat PRIBUMI Bursa Malaysia	R&D&C&I	penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan	RCEP	Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau
PDPA	Akta Perlindungan Data Peribadi 2010	RM	Ringgit Malaysia
PDPS	Pangkalan Data Perlindungan Sosial	RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025
PE	Ekuiti Swasta	RMO	Pengendali Pasaran Diiktiraf
PEMUDAH	Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan	RTS Link	Rapid Transit System Link
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial	SABK	modal syarikat awam bukan kewangan
PERKUKUH	Program Perkukuh Pelaburan Rakyat	SARA	Sumbangan Asas Rahmah
PETRA	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
		SDG	Matlamat Pembangunan Mampan

AKRONIM DAN SINGKATAN

SejaTi MADANI	Program Sejahtera Komuniti MADANI	t.t.t.l.	tidak terkelas di tempat lain
SEZ	Zon Ekonomi Khas	T20	kumpulan isi rumah berpendapatan 20% teratas
SFZ	Zon Kewangan Khas	TBB	tenaga boleh baharu
SILK	Sistem Lingkaran Lebuhraya Kajang	TEU	unit bersamaan dua puluh kaki
SJKP	Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad	TH	Lembaga Tabung Haji
SJPP	Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad	TNB	Tenaga Nasional Berhad
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia	TNK	tabungan negara kasar
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia	TPA	Akses Pihak Ketiga
SRI	Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab	TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
SRP	Sijil Rendah Pelajaran	UK	United Kingdom
SSA	syarikat senaraian awam	UNFCCC – COP28	Persidangan Ke-28 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia	USD	Dolar Amerika Syarikat
SSPA	Sistem Saraan Perkhidmatan Awam	VBI	Pengantaraan Berasaskan Nilai
SSR	kadar sara diri	VC	Modal Teroka
STAR	Pasukan Petugas Khas Pembaharuan Agensi	VM 2026	Kempen Melawat Malaysia 2026
STI	sains, teknologi dan inovasi	WBG	Kumpulan Bank Dunia
STR	Sumbangan Tunai Rahmah	WCE	Lebuhraya Pantai Barat
		WCR	World Competitiveness Ranking

BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

03 EKONOMI MADANI: EKONOMI MAKMUR, RAKYAT SEJAHTERA

06 TINJAUAN

07 KEDUDUKAN SEMASA BELANJAWAN 2024

Rencana 1.1 – Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR): Memacu Negara, Memperkasakan Masa Hadapan

16 PENGURUSAN EKONOMI

Sisipan 1.1 – Biochar: Kesan Limpahan ke Arah Kemampanan

22 INISIATIF STRATEGIK - BELANJAWAN 2025

Sisipan 1.2 – Meningkatkan Daya Saing bagi Persekitaran Perniagaan yang Menggalakkan

Sisipan 1.3 – Menaikkan Lantai: Keperluan Gaji yang Lebih Bermakna

Rencana 1.2 – Memperkasakan Inisiatif Bantuan Sosial Malaysia: Kajian Kes Penerima Sumbangan Tunai Rahmah 2024

53 KESIMPULAN

54 RUJUKAN

BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

Ekonomi MADANI: Ekonomi Makmur, Rakyat Sejahtera

Kerangka Ekonomi MADANI merupakan pemangkin kepada pembaharuan inisiatif yang menyediakan hala tuju dasar bagi tujuan menangani isu struktural ekonomi, meningkatkan kemampuan ekonomi dan fiskal seterusnya menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan hidup rakyat. Pelaksanaan Kerangka ini disokong oleh strategi yang digariskan dalam dokumen dasar terutamanya Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030). Dasar tersebut sekali gus membentuk pelan tindakan yang bersepadu untuk meningkatkan

daya saing dan daya tahan ekonomi Malaysia bagi mencapai pertumbuhan yang mampan dan inklusif ke arah mencapai negara berpendapatan tinggi.

Belanjawan 2024 memperuntukkan sumber secara strategik ke arah mencapai tujuh sasaran penunjuk prestasi utama Kerangka seperti dalam Rajah 1.1 yang dibahagikan kepada tiga fokus utama iaitu ‘Tadbir Urus Yang Baik’ bagi ketangkasan perkhidmatan; ‘Menaikkan Siling’ bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi; dan ‘Menaikkan Lantai’ bagi meningkatkan taraf hidup rakyat. Usaha padu di bawah Kerangka ini untuk menstruktur semula ekonomi termasuk langkah yang diumumkan semasa Belanjawan telah memudah cara pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berterusan meskipun berhadapan dengan cabaran global. Secara keseluruhan, usaha ini telah menetapkan asas yang kukuh

RAJAH 1.1. Tujuh Penunjuk Prestasi Utama



Sumber: Pejabat Perdana Menteri Malaysia

bagi pertumbuhan dan pembangunan yang berterusan seterusnya meletakkan Malaysia pada landasan menuju masa hadapan yang lebih berdaya tahan dan mampan.

Tujuh Penunjuk Prestasi Utama

Kedudukan antara 30 Ekonomi Terbesar Dunia

Pada 2024, Malaysia berada pada kedudukan ke-36 ekonomi terbesar dunia dengan KDNK nominal USD415.6 bilion berbanding Emiriah Arab Bersatu (USD504.2 bilion) pada kedudukan ke-30 (IMF, 2024). Malaysia berhasrat mencapai kemajuan ketara untuk menjadi antara 30 ekonomi terbesar dengan memberikan tumpuan kepada pembangunan wilayah yang bermakna, mengutamakan kompleksiti ekonomi dan meningkatkan rantai nilai. Pada masa yang sama, pembaharuan struktural ekonomi juga giat dilaksanakan bagi mempercepat peralihan ke arah mencapai matlamat negara menjadi ekonomi berpendapatan tinggi.

Bagi mencapai hasrat ini, Malaysia melabur dalam modal insan, infrastruktur dan teknologi di samping meningkatkan daya saing dan memodenkan institusi. Antara keutamaan termasuk menggalakkan pelaburan berterusan dalam teknologi termaju seperti *blockchain*, kecerdasan buatan (AI) dan analitik data raya yang bertujuan untuk memajukan industri bernilai tinggi serta mewujudkan pekerjaan mahir dan berpendapatan tinggi. Sehingga kini, negara telah berjaya menarik FDI yang tinggi daripada syarikat teknologi asing seperti Microsoft, ByteDance dan Google yang bertumpu kepada perkembangan AI pada peringkat global. Selain itu, tumpuan juga diberikan untuk memperkukuh pelaburan langsung domestik (DDI) seperti Program Pengaktifan dan Reformasi Badan Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) dengan RM120 bilion akan dilaburkan oleh syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Tangga 12 Teratas dalam Daya Saing Global

Malaysia pernah menduduki tangga ke-10 pada 2010 berdasarkan World Competitiveness Ranking (WCR) oleh International Institute for Management Development (IMD). Sejak itu, kedudukan negara semakin merosot dan jatuh ke tangga 34 pada 2024. Justeru, Malaysia perlu menilai semula strategi dan tumpuan ke arah mempelbagaikan ekonomi serta meningkatkan inovasi melalui pelaburan R&D bagi mencapai sasaran kedudukan 12 teratas dalam daya saing global. Ke arah menyokong persekitaran perniagaan yang menggalakkan, terdapat keperluan memperkemas peraturan perniagaan dan meningkatkan infrastruktur digital bagi memudah cara perniagaan untuk mendapat manfaat daripada akses pasaran yang lebih luas. Di samping itu, penglibatan sektor swasta yang berterusan penting untuk membentuk pembaharuan peraturan yang berkesan khususnya dalam menyediakan maklum balas berterusan terhadap dasar yang praktikal dan relevan bagi keperluan perniagaan dan masyarakat.

Tangga 25 Teratas dalam Indeks Pembangunan Manusia

Indeks Pembangunan Manusia (HDI) menilai dan membandingkan keseluruhan pembangunan dan kesejahteraan negara yang memberikan gambaran menyeluruh tentang pembangunan insan. Indeks ini merangkumi dimensi utama seperti jangka hayat yang panjang dan kehidupan sihat, berpengetahuan dan mempunyai taraf hidup yang wajar. Malaysia menduduki tempat ke-63 daripada 191 negara dalam HDI 2023/2024 dengan skor 0.807 dan dikategorikan sebagai 'Pembangunan Insan Sangat Tinggi' (HDI 0.800 dan ke atas) yang lazimnya menunjukkan standard tinggi dalam jangka hayat, pendidikan dan pendapatan. Walaupun Malaysia berada dalam kumpulan yang sama dengan negara yang menduduki tempat teratas seperti Jerman, Singapura, Australia, Republik Korea dan Jepun, namun negara tersebut memperoleh

skor melebihi 0.920 yang secara umumnya mempunyai sistem penjagaan kesihatan yang maju, kualiti hidup tinggi dan ekonomi berpendapatan tinggi. Justeru, negara tersebut menjadi penanda aras kepada Malaysia dalam usaha untuk menambah baik indikator pembangunan insan sehingga mencapai kedudukan 25 teratas dalam HDI.

Meningkatkan Bahagian Pendapatan Pekerja kepada 45%

Kerangka Ekonomi MADANI bermatlamat untuk meningkatkan bahagian pendapatan buruh kepada 45% daripada KDNK menjelang 2033 bagi mencapai agihan ekonomi yang lebih saksama. Bahagian pendapatan buruh mencatat 33.1% pada 2023 mencerminkan jurang ketara antara janaan kekayaan ekonomi dengan agihan saksama kepada pekerja. Justeru, Malaysia terus melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan pendapatan dan kebajikan pekerja termasuk menggalakkan pekerjaan bergaji tinggi dan memperkukuh hak buruh untuk pampasan yang adil. Selain itu, pelaburan dalam pendidikan dan pembangunan kemahiran akan membantu pekerja mengakses peluang pekerjaan yang lebih baik dan kemajuan kerjaya. Dengan menumpukan kepada langkah tersebut, Kerangka ini bukan sahaja akan meningkatkan bahagian pendapatan buruh tetapi juga memacu trajektori pertumbuhan ekonomi yang lebih inklusif.

Meningkatkan Kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah kepada Tangga ke-25 Teratas

Malaysia mempamerkan prestasi yang baik dalam memerangi rasuah dengan peningkatan kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) daripada tangga ke-61 pada 2022 kepada tangga ke-57 pada 2023 daripada 180 negara. Bagi mencapai sasaran Malaysia untuk menjadi antara 25 negara teratas dalam penarafan CPI, Kerajaan memperkenalkan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024 – 2028 sebagai kesinambungan kepada Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023.

Pelan ini menyediakan rangka kerja terperinci dan trajektori bagi memerangi rasuah yang bertujuan memperkukuh integriti dan akauntabiliti negara. Usaha ini juga menunjukkan komitmen Kerajaan dalam menangani impak rasuah dengan matlamat utama untuk menggalakkan keadilan dan ketelusan dalam tata kelola.

Ke Arah Kemampunan Fiskal, Sasaran Defisit Fiskal 3% atau Lebih Baik

Kerajaan perlu menilai semula keutamaan negara bagi mencapai kemampunan fiskal terutamanya dengan memberikan tumpuan terhadap mekanisme peningkatan hasil dan meningkatkan kecekapan perbelanjaan. Pada 2023, defisit negara mencatat 5% daripada KDNK dan dijangka berkurang kepada 4.3% pada 2024. Paras defisit ini dijangka terus berkurang kepada 3% atau lebih rendah dalam jangka masa sederhana melalui pelaksanaan beberapa langkah utama selaras dengan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] untuk meningkatkan disiplin fiskal dan memastikan kewangan awam yang mampan. Akta ini akan memastikan konsolidasi fiskal dengan peningkatan hasil dan pengagihan sumber yang saksama, peluasan asas hasil dan pelaksanaan rasionalisasi subsidi untuk mengurangkan ketirisan. Kerajaan juga memberikan tumpuan kepada pengurusan hutang awam dengan mematuhi peraturan dan sasaran fiskal yang telah ditetapkan.

Meningkatkan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Wanita kepada 60%

Kerangka ini bertujuan untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita kepada 60% menjelang 2033 yang kini mencatat 56.2% pada 2023. Kadar penyertaan yang lebih rendah ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti akses terhadap penjagaan kanak-kanak, upah yang tidak menarik serta sokongan yang tidak mencukupi dalam menyeimbangkan antara kehidupan berkeluarga dengan pekerjaan. Bagi merapatkan jurang ini, langkah

komprehensif perlu diperkukuh termasuk memperluas perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti tinggi dan berpatutan, menginstitusikan aturan kerja fleksibel dan menguatkuasakan dasar yang menggalakkan upah lebih baik. Selain itu, inisiatif untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam peluang pembangunan profesional kekal menjadi keutamaan.

Tinjauan

Ekonomi Global

Pada 2024, pihak IMF mengunjurkan pertumbuhan global pada 3.2% meskipun berada dalam ketegangan geopolitik yang berpanjangan dan persekitaran kadar faedah yang tinggi. Pertumbuhan ini dijangka kekal stabil dan mencatat 3.3% pada 2025 didorong oleh pertumbuhan sederhana dalam perdagangan dan pelaburan. Aktiviti ekonomi lebih seimbang apabila faktor kitaran balas berkurangan dan aktiviti menjadi lebih sejajar dengan potensi ekonomi setiap negara. Perdagangan global mengukuh pada separuh pertama 2024 dan dijangka berterusan menjelang akhir tahun dan berkembang pada 2025. Sementara itu, inflasi global diunjur sederhana dengan purata 5.9% pada 2024 dan bertambah baik kepada 4.4% pada 2025. Keadaan tekanan inflasi yang berterusan memerlukan bank pusat kekal berwaspada dalam menyelaraskan dasar monetari.

Ekonomi Domestik

Ekonomi Malaysia diunjur berkembang antara 4.8% hingga 5.3% pada 2024 didorong oleh permintaan domestik yang teguh dan pemulihan dalam eksport. Perbelanjaan pengguna dijangka kekal berdaya tahan disokong oleh pengukuhan pasaran buruh dan aktiviti berkaitan pelancongan yang rancak. Pelaburan akan dipacu oleh projek baharu dan sedia ada oleh sektor swasta dan awam yang disokong oleh pelaksanaan dasar dan inisiatif utama negara termasuk NETR dan NIMP 2030.

Dari perspektif sektoral, sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai enjin utama pertumbuhan. Sementara itu, prestasi sektor pembinaan diunjur mengukuh disumbangkan oleh pengembangan menyeluruh dalam semua subsektor.

Pertumbuhan ekonomi pada 2025 diunjur antara 4.5% hingga 5.5% disokong oleh sektor luar negeri yang berdaya tahan berikutan perdagangan global yang bertambah baik dan permintaan lebih kukuh bagi produk E&E yang dimanfaatkan daripada kedudukan strategik negara dalam rantai bekalan semikonduktor. Selain itu, permintaan domestik yang teguh didorong oleh perbelanjaan sektor swasta yang kukuh akan menyokong pertumbuhan melalui pelaksanaan berterusan pelan induk utama negara dan inisiatif sedia ada. Inisiatif penting iaitu GEAR-uP akan menyepadukan usaha merentasi entiti berkaitan kerajaan untuk memangkin pertumbuhan dalam sektor pertumbuhan tinggi yang merangkumi peralihan tenaga, pembuatan termaju, keterjaminan makanan, penjagaan kesihatan, kewangan Islam dan biofarmaseutikal. Potensi pelaburan daripada inisiatif ini berjumlah RM120 bilion untuk tempoh lima tahun. Dari segi pengeluaran, kebanyakan sektor dijangka berkembang seterusnya mencerminkan daya tahan dan ketangkasan ekonomi Malaysia.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan ekonomi di samping memastikan kestabilan harga. Bank Negara Malaysia telah mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.00% sejak Mei 2023. Pasaran kewangan domestik disokong oleh sistem perbankan yang kukuh dan pasaran modal yang cergas akan terus memainkan peranan penting sebagai pengantara kewangan bagi menyokong momentum pertumbuhan. Sementara itu, ringgit kembali mengukuh mencerminkan peningkatan keyakinan pelabur terhadap ekonomi domestik disumbang oleh dasar Kerajaan di bawah kerangka Ekonomi MADANI.

Melangkah ke hadapan, usaha bersepadu oleh pengawal selia kewangan dan pemain industri dalam menawarkan pelbagai produk inovatif termasuk pembiayaan campuran, platform baharu seperti pertukaran impak sosial dan pasaran karbon sukarela serta mempertingkatkan peraturan dan penyeliaan akan terus menyumbang kepada daya tahan pasaran kewangan Malaysia.

Kedudukan Semasa Belanjawan 2024

Belanjawan 2024 yang bertemakan 'Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat' merupakan Belanjawan MADANI kedua yang dibentangkan sebagai kesinambungan kerangka Ekonomi MADANI yang diluncurkan pada 23 Julai 2023. Inisiatif di bawah Belanjawan ini sejajar dengan tujuh penunjuk prestasi dan tiga bidang fokus utama dalam Kerangka ini. Kerajaan memperuntukkan RM393.8 bilion dengan RM303.8 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM90 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Prestasi keseluruhan Belanjawan yang merangkumi 376 inisiatif strategik dengan anggaran peruntukan RM100.2 bilion termasuk RM30 bilion di bawah jaminan kewangan, dipantau oleh Kementerian Kewangan melalui Unit Pantau MADANI. Sehingga akhir Julai 2024, sebanyak RM20.1 bilion telah dibelanja untuk melaksanakan 305 inisiatif dengan RM16.9 bilion bagi pelaksanaan 50 inisiatif berimpak tinggi yang memberikan manfaat kepada rakyat.

Fokus 1: Tata Kelola Terbaik Demi Ketangkasan Perkhidmatan

Penilaian impak pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi tujuan pembaharuan institusi untuk menangani cabaran utama termasuk kajian semakan semula perbelanjaan awam dan pembaharuan cukai serta menangani ketidaksaksamaan di Malaysia. Skop kajian tersebut antaranya berkaitan

peningkatan kemampuan hasil, pengukuhan perlindungan sosial, penambahbaikan tadbir urus GLC dan pengurusan hutang negara. Usaha berterusan sedang dijalankan untuk membendung ketirisan hasil melalui rasionalisasi insentif cukai dan kutipan duti setem yang optimum. Selain itu, pentadbiran cukai diperkukuh melalui proses penyerahan borang cukai yang lebih mudah dan kutipan berpusat. Usaha juga sedang dijalankan untuk menambah baik sistem perlindungan sosial dengan memperluas liputan kepada pekerja sektor tidak formal dan warga emas. Usaha meningkatkan mobilisasi pembiayaan dan kecekapan institusi pembangunan kewangan (DFI) sedang dilaksanakan melalui penggabungan Bank Pembangunan Malaysia Berhad, SME Bank dan EXIM Bank bagi tujuan penyelarasan fungsi. Di samping itu, ekosistem modal teroka telah diperkukuh dengan penyatuan Penjana Kapital dan Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) di bawah Khazanah Nasional Berhad.

Kerajaan melaksanakan rasionalisasi subsidi secara berperingkat termasuk subsidi ayam, telur dan elektrik sebagai usaha meningkatkan kecekapan dalam perbelanjaan. Sementara itu, harga diesel bersubsidi telah digantikan dengan Mekanisme Harga Automatik (APM). Pada masa yang sama, Kerajaan telah memperkenalkan program BUDI MADANI bagi menyalurkan semula subsidi diesel kepada golongan yang layak di Semenanjung Malaysia. Sehingga akhir Julai, sekitar 120,000 permohonan telah diluluskan yang menyediakan bantuan tunai bulanan sebanyak RM200 atau RM2,400 setahun kepada rakyat yang memiliki kenderaan diesel persendirian serta petani, penternak dan pekebun kecil komoditi berdaftar. Penyasaran subsidi diesel dan tarif elektrik dijangka memberikan penjimatan RM8 bilion kepada Kerajaan pada 2024.

Kerajaan sentiasa memperbaharui usaha tata kelola termasuk penambahbaikan dalam proses perolehan untuk mempercepat pelaksanaan projek. Sebagai contoh, had

nilai untuk pelantikan terus dan sebut harga telah dinaikkan kepada RM200,000 dan RM1 juta bagi perolehan kerja penyelenggaraan dan pembaikan untuk menaik taraf klinik dan fasiliti kerajaan yang daif. Penambahbaikan ini memberi kuasa kepada kementerian untuk menguruskan perolehan dalam had yang disemak semula.

Kerajaan juga komited untuk mengurangkan birokrasi dan mempercepat penyediaan projek. Sehubungan itu, Pasukan Petugas Khas Pembaharuan Agensi (STAR) yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara telah menyegerakan pelaksanaan projek bertujuan menangani isu kesesakan di hospital dan menambah baik kemudahan di sekolah dan klinik. Pada 2024, mandat STAR diperluaskan kepada penyegeraan projek menyelenggara lif dan membaik pulih kuarters penjawat awam.

Fokus 2: Penstrukturan Semula Ekonomi bagi Melonjak Pertumbuhan

Antara dasar utama yang memacu ekonomi negara ialah NIMP 2030 bertujuan untuk meningkatkan sektor pembuatan dan

industri perkhidmatan berkaitan pembuatan. Belanjawan 2024 memperuntukkan RM200 juta sebagai dana permulaan bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan nilai ditambah sektor pembuatan sebanyak 6.5% setiap tahun atau RM587.5 bilion menjelang 2030. Peruntukan ini bertujuan untuk memangkin aliran masuk pelaburan berjumlah RM95 bilion menjelang 2030. Sehingga kini, industri bernilai tinggi khususnya semikonduktor, pusat data dan pengkomputeran awan telah menarik pelaburan yang besar.

Sementara itu, NETR menggariskan hala tuju Malaysia untuk mempercepat usaha peralihan tenaga negara dengan menumpukan kepada enam bidang utama dan 10 projek rintis perdana seperti Solar Terapung Hidro Hibrid, Zon Tenaga Boleh Baharu Bersepadu dan Pembakaran Bersama Biojisim. Kerajaan telah menubuhkan Kemudahan Peralihan Tenaga Negara (NETF) dengan peruntukan RM2 bilion bagi memangkin projek peralihan tenaga. Kemudahan ini menyasarkan tarikan pelaburan yang akan mengalihkan industri tenaga Malaysia ke arah ekonomi hijau bernilai tinggi seterusnya menyumbang kepada pewujudan pekerjaan dan pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG).

RENCANA 1.1

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR): Memacu Negara, Memperkasakan Masa Hadapan

(Dengan kerjasama Kementerian Ekonomi Malaysia)

Pengenalan

Pada Januari 2023, YAB Perdana Menteri telah melancarkan enam nilai teras aspirasi MADANI iaitu keMampanan; kesejAhteraan; Daya cipta; hormAt; keyakiNan; dan Ihsan. Aspirasi ini disokong oleh pelaksanaan kerangka Ekonomi MADANI, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030). Dasar dan pelan hala tuju tersebut dirangka bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang mampan dan berkembang maju dengan memelihara dan menghormati keseimbangan hak individu, masyarakat dan alam sekitar.

Dari perspektif kemampanan alam sekitar, Malaysia komited dalam mempromosikan dasar rendah karbon dan iklim yang berdaya tahan melalui peralihan tenaga yang berperanan sebagai pemacu penting bagi mempercepat usaha tersebut. Peralihan tenaga merupakan anjakan struktur sektor tenaga ke arah sumber yang lebih bersih, peningkatan penggunaan tenaga boleh baharu (TBB) dan pengurangan pelepasan karbon yang ketara. Usaha peralihan yang sedang dilaksanakan ini dijangka lebih rancak didorong oleh kepesatan kemajuan teknologi dan pelaksanaan dasar perubahan iklim yang lebih tegas. Kerajaan memperkenalkan NETR pada Ogos 2023 bagi menangani kerumitan dalam peralihan tenaga serta keperluan untuk mengimbangi jaminan bekalan tenaga, akses kepada tenaga pada harga yang berpatutan dan kelestarian alam sekitar. Pelan ini dilaksanakan sejajar dengan inisiatif di bawah Dasar Tenaga Negara (DTN) 2022 – 2040 dan NIMP 2030 yang bermatlamat mengukuhkan lagi komitmen Malaysia dalam mencapai aspirasi sifar bersih menjelang 2050.

Pembangunan NETR bertujuan untuk mendorong peralihan Malaysia ke arah ekonomi hijau bernilai tinggi yang dizahirkan melalui 10 projek rintis perdana dan 50 inisiatif awam di bawah enam pemacu peralihan tenaga bagi membuka peluang ekonomi di samping mengurangkan pelepasan karbon. Enam pemacu peralihan tenaga terdiri daripada kecekapan tenaga (EE), TBB, hidrogen, biotenaga, mobiliti hijau serta pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS). Projek rintis perdana diterajui oleh pelbagai entiti termasuk PETRONAS, TNB, Khazanah dan SEDC Energy. Kejayaan pelaksanaan NETR dijangka meningkatkan sumbangan kepada KDNK daripada RM25 bilion pada 2023 kepada RM220 bilion pada 2050 dengan penjanaan 310,000 peluang pekerjaan. Pelepasan gas rumah kaca (GHG) dalam sektor tenaga juga dijangka dapat dikurangkan sebanyak 32% daripada 259 mega tan bersamaan karbon dioksida (MtCO₂eq.) yang dicatat pada 2019. Pelan ini turut menggariskan langkah pengurangan secara berperingkat penggunaan arang batu sebagai sumber tenaga menjelang 2050 dengan gas asli menjadi penyumbang utama kepada campuran jumlah bekalan tenaga utama pada 56%, manakala TBB yang terdiri daripada solar, hidro dan biotenaga menyumbang sebanyak 23%.

Kemajuan Semasa

Projek dan inisiatif rintis perdana NETR yang diterajui oleh pelbagai entiti daripada sektor awam dan swasta menunjukkan kepelbagaian dan keunikan pendekatan dalam memacu peralihan tenaga Malaysia. Pelaksanaan 10 projek dan inisiatif rintis perdana berfungsi sebagai *pathfinders* bagi meneroka peluang ekonomi baharu dalam menyokong pertumbuhan hijau negara untuk daya tahan iklim melalui peralihan tenaga. Projek dan inisiatif tersebut seperti dalam Rajah 1.1.1.

RAJAH 1.1.1. Projek dan Inisiatif Rintis Perdana



Sumber: Kementerian Ekonomi Malaysia

Sebahagian besar daripada 10 projek dan inisiatif rintis perdana telah dilaksanakan mengikut jadual. Akta Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga 2023 telah diluluskan, manakala pembentangan rang undang-undang berkaitan CCUS dijadualkan pada akhir 2024. Kemajuan ketara juga dapat dilihat dengan penyiapan pembinaan dan pemasangan sistem 2% pembakaran bersama biojisim di Loji Janakuasa Tanjung Bin. Inisiatif pembakaran bersama biojisim dengan kapasiti sasaran sekurang-kurangnya 15% biojisim menjelang 2027 dijangka dapat mengurangkan pelepasan CO₂ dengan ketara iaitu bersamaan dengan penanaman kira-kira 141 juta pokok matang. Pada Julai 2024, Skim Bekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS) telah diperkenalkan bagi membolehkan syarikat membekal atau memperoleh elektrik hijau melalui sistem rangkaian grid nasional. Skim ini merupakan pemboleh daya penting iaitu sebagai mekanisme *off-take* bagi beberapa projek NETR.

Pembangunan Loji Fotovoltai (PV) Solar Berskala Besar – Pusingan Pembidaan Kompetitif Kelima yang ditawarkan oleh Suruhanjaya Tenaga pada April 2024 merupakan satu lagi kemajuan signifikan di bawah NETR. Loji kuasa solar tersebut dengan jumlah kapasiti 2,000 megawatt (MW) dijadual memulakan operasi pada 2026. Selain itu, TNB memajukan inisiatif TBB dengan memulakan projek PV Solar Terapung Hidro Hibrid dengan perancangan jumlah kapasiti sebanyak 2,500MW. Projek tersebut yang dimulakan di Empangan Chenderoh, Perak dengan kapasiti sebanyak 30MW akan diperluas ke lokasi lain termasuk Empangan Temenggor di Perak dan Kenyir di Terengganu menjelang 2027.

Di samping itu, YAB Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof telah mengumumkan peruntukan kuota mekanisme tarif galakan (FiT) sehingga 190MW untuk biogas, biojisim dan projek hidro mini bagi mempelbagaikan sumber penjanaan TBB semasa Sidang Kemuncak Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) keenam pada Ogos 2024.

Selaras dengan NETR, Kerajaan melalui Belanjawan 2024 telah mengumumkan inisiatif fiskal dan bukan fiskal. Inisiatif yang diumumkan dan status kemajuan seperti dalam Jadual 1.1.1.

JADUAL 1.1.1. *Inisiatif NETR dan Status Kemajuan*

Bil.	Inisiatif	Status Kemajuan
1.	Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM2 bilion di bawah Kemudahan Peralihan Tenaga Negara (NETF) melalui institusi kewangan untuk memudah cara inisiatif peralihan tenaga negara.	Kementerian Ekonomi sedang memuktamadkan terma dengan rakan institusi kewangan strategik yang akan dimuktamadkan menjelang akhir 2024.
2.	Menambah baik pelaksanaan Program Tenaga Hijau Korporat sebagai antara kaedah pelaksanaan model Akses Pihak Ketiga (TPA).	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah mengumumkan CRESS pada Julai 2024 untuk meningkatkan akses syarikat korporat kepada TBB. Melalui konsep akses grid terbuka, syarikat korporat boleh mendapatkan TBB secara terus daripada penjana yang dikenal pasti di bawah TPA. Penjana TBB ini juga dibenarkan untuk membekalkan tenaga elektrik boleh baharu kepada pengguna korporat melalui rangkaian grid TNB dengan caj akses sistem yang ditetapkan.
3.	Pelaburan melebihi RM170 juta oleh syarikat terkemuka seperti TNB dan Gentari untuk memasang 180 stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV).	Sehingga akhir Julai 2024, 148 lokasi di seluruh negara telah dilengkapi dengan stesen pengecasan EV awam. Sebanyak 481 ruang pengecasan EV telah dipasang oleh TNB dan Gentari.
4.	Memperkenalkan Skim Galakan Penggunaan Motosikal Elektrik kepada rakyat dengan pendapatan tahunan di bawah RM120,000 bagi menggalakkan penggunaan motosikal elektrik. Skim ini memberikan rebat sehingga RM2,400 kepada pembeli melalui peruntukan sebanyak RM20 juta.	Permohonan untuk Skim ini dibuka secara dalam talian sejak 8 Disember 2023 hingga 31 Disember 2024 atau sehingga semua peruntukan RM20 juta untuk rebat motosikal EV telah ditebus.
5.	Putrajaya akan menjadi sebagai model bandar rendah karbon Malaysia. Pemasangan panel solar di bumbung bangunan Kerajaan akan dimulakan melalui kerjasama TNB dan Gentari.	Proses pemasangan dan operasi solar dijangka bermula pada suku keempat 2024. Sehingga kini, 11 lokasi untuk pemasangan sistem solar PV telah dikenal pasti.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Selain itu, beberapa dasar dan inisiatif baharu telah diperkenalkan bagi menyokong agenda peralihan tenaga negara termasuk Pelan Tindakan Biojisim Negara 2023 – 2030. Pelan ini memberi tumpuan kepada model perniagaan biojisim; mekanisme pembiayaan dan insentif pelaburan; dan strategi pengkomersialan yang bertujuan memanfaatkan limpahan sumber biojisim untuk ditukarkan kepada biobahan api dan biotenaga. Inisiatif lain adalah penubuhan Energy


Exchange Malaysia yang bertindak sebagai pusat pasaran untuk membolehkan perdagangan dan pengeksporan tenaga elektrik hijau ke negara jiran melalui mekanisme pembidaan. Kewujudan pusat pasaran ini akan meningkatkan lagi pembangunan TBB dan kerjasama serantau dalam perdagangan tenaga merentas sempadan. Secara keseluruhannya, semua inisiatif tersebut membuktikan komitmen Malaysia untuk beralih ke arah TBB yang memberi manfaat kepada alam sekitar dan ekonomi.

Isu dan Cabaran

Visi pembangunan NETR dilihat sebagai pemangkin untuk memacu agenda pertumbuhan hijau dan mampan Malaysia. Walau bagaimanapun, usaha merealisasikan visi ini berdepan dengan beberapa cabaran utama seperti kos peralihan tenaga yang tinggi, kekurangan kesedaran dan permintaan, isu kebolehlaksanaan teknikal dan daya maju komersial, kesan sampingan berkaitan kempen peralihan bahan api fosil ke atas ekonomi Malaysia serta ketidaktentuan global.

Kos peralihan tenaga yang tinggi memerlukan pembiayaan sekurang-kurangnya RM1.2 trilion merupakan antara cabaran utama dalam mencapai sasaran yang digariskan dalam NETR menjelang 2050. Sekitar 63% daripada pembiayaan ini diperlukan terutamanya untuk TBB dan mobiliti hijau.¹ Pelaburan dalam TBB yang merangkumi penjanaan kuasa dan rangkaian grid akan melibatkan peluasan penggunaan PV solar dan kuasa hidro serta meningkatkan infrastruktur grid. Sementara itu, pembiayaan mobiliti hijau memberi fokus untuk memajukan pengangkutan awam, menggiatkan pengeluaran EV domestik serta meningkatkan infrastruktur pengecasan EV. Pelaburan yang besar juga diperlukan untuk meningkatkan teknologi hidrogen dan CCUS di samping komitmen untuk meningkatkan kecekapan tenaga, memajukan kemampuan pengangkutan udara dan air serta membangunkan program kemahiran hijau. Jumlah pembiayaan peralihan tenaga yang diperlukan adalah terlalu besar dan membebankan negara membangun seperti Malaysia. Keperluan pembiayaan peralihan tenaga seperti dalam Rajah 1.1.2.

RAJAH 1.1.2. Keperluan Pembiayaan Peralihan Tenaga Malaysia mengikut Kategori, 2023 – 2050



Sumber: Kementerian Ekonomi Malaysia

¹ MoF mengklasifikasikan TBB-Rangkaian Grid dan TBB-Penjanaan Tenaga di bawah TBB. Manakala, Pengangkutan (Udara), Pengangkutan (Air) dan Pengangkutan (Darat) di bawah mobiliti hijau.

Cabaran utama lain adalah kurangnya kesedaran dan permintaan berikutan salah tanggapan terhadap faedah peralihan kepada tenaga mampan. Tenaga mampan sering dianggap mahal dan kurang diyakini pengguna berbanding penggunaan sumber konvensional. Faktor tersebut telah menyebabkan pihak industri, perniagaan dan isi rumah enggan melabur dan mendapatkan teknologi serta produk yang cekap tenaga.

Kebolehlaksanaan teknikal dan daya maju komersial juga menimbulkan cabaran besar kepada peralihan tenaga. Kekurangan kepakaran terutamanya dalam teknologi hijau dan perbelanjaan modal yang tinggi serta kekurangan sumber akan meningkatkan kekangan ke arah mencapai sifar bersih. Sebagai contoh, ketersediaan mesin elektrolisis yang merupakan komponen penting bagi penguraian air dalam pengeluaran hidrogen masih terhad dalam pasaran global. Selain itu, pembangunan CCUS di Malaysia masih belum mencapai skala komersial berikutan cabaran teknologi yang masih dalam peringkat awalan dan kos yang tinggi.

Komitmen antarabangsa untuk beralih daripada penggunaan bahan api fosil seperti yang dimuktamadkan dalam Persidangan Ke-28 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC – COP28) merupakan antara cabaran lain yang perlu dihadapi. Ketetapan penting ini telah menggesa semua pihak untuk mengurangkan pelaburan dalam industri bahan api fosil terutamanya dalam sektor tenaga. Walaupun ketetapan ini menyokong peralihan ke arah sifar bersih, namun Malaysia berdepan cabaran dalam memastikan aktiviti ekonomi tidak terjejas berikutan gesaan tersebut memandangkan tenaga merupakan antara penggerak utama pertumbuhan ekonomi negara.

Kejayaan pelaksanaan NETR boleh terhalang oleh ketidaktentuan global termasuk konflik geopolitik yang mungkin mengganggu rantaian bekalan dan memperlahankan usaha peralihan. Ketidaktentuan tersebut juga boleh menjejaskan minat pelabur terhadap pelaburan berisiko tinggi dan berintensif modal dalam pembiayaan peralihan tenaga.

Melangkah ke Hadapan

Kos peralihan tenaga yang tinggi mungkin memerlukan Malaysia untuk mempertimbangkan pendekatan pembiayaan campuran yang merangkumi pendanaan ekuiti awam, modal teroka, sumbangan filantropi dan dana pembangunan multilateral. Pada Ogos 2023, NETF telah diumumkan di bawah Fasa 2 NETR yang direka bentuk sebagai platform pemangkin kewangan campuran bertujuan mempercepat penajaan dan penempatan modal. Kemudahan ini akan meningkatkan kebolehcapaian dana, memperkemas proses pelaburan dan memastikan aliran kewangan yang lancar untuk membiayai projek peralihan tenaga. Platform ini juga membuktikan komitmen Kerajaan untuk membantu dan menyokong projek yang sukar mendapat pembiayaan atau memperoleh hasil pulangan di bawah nilai pasaran berikutan pelbagai halangan. Inisiatif ini dapat mengurangkan risiko dan meningkatkan daya tarikan pelaburan.

Platform NETF mewujudkan kerjasama rakan kongsi strategik untuk menyokong perkara berikut:

- i. Menambah baik kualiti projek, mengurangkan kos dan meningkatkan potensi kejayaan projek atau inisiatif;
- ii. Meningkatkan kerjasama awam-swasta (PPP) dan menghasilkan potensi manfaat seperti perolehan yang cekap, penyelenggaraan terancang dan kualiti perkhidmatan yang baik;

- iii. Memudahkan akses kepada pembiayaan swasta untuk mengurangkan beban modal pembiayaan kepada pemilik projek; dan
- iv. Memperluas peluang kepada pihak yang berminat untuk mengambil bahagian dalam pelaksanaan peralihan tenaga Malaysia termasuk pemberi pinjaman tempatan, pelabur dan peserta baharu.

Malaysia menekankan kepentingan sokongan kewangan yang besar dan akses kepada teknologi yang berkaitan dalam usaha peralihan tenaga dan transformasi ekonomi negara. Artikel 4.7 UNFCCC menyatakan bahawa keupayaan negara membangun untuk memenuhi komitmen tersebut bergantung kepada penyediaan sumber kewangan dan pemindahan teknologi dari negara maju berdasarkan kewajipan yang telah dimeterai. Oleh itu, Malaysia konsisten dalam pendiriannya bahawa negara maju mempunyai kewajipan untuk menyediakan pembiayaan dan pemindahan teknologi untuk menyokong peralihan Malaysia.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, daya maju komersial projek peralihan tenaga kurang diyakini disebabkan teknologi yang masih belum matang atau belum mencapai skala komersial. Walau bagaimanapun, memandangkan projek berkenaan berpotensi mencapai skala komersial maka sokongan kerajaan dari segi kewangan dan bukan kewangan penting bagi memacu penggunaan dan pengkomersialan teknologi hijau seterusnya menyumbang kepada masa hadapan negara yang mampan.

Malaysia terus berpegang teguh kepada komitmen iklim untuk mengurangkan pelepasan karbon tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi atau sebaliknya. Justeru, negara akan memanfaatkan setiap peluang dan terus melibatkan semua pihak berkepentingan bagi memastikan setiap tindakan termasuk penggunaan teknologi rendah karbon dapat menyokong pembangunan mampan serta peralihan adil dan saksama.

Kesimpulan

Kerajaan komited dalam memastikan peralihan tenaga yang adil, inklusif dan saksama di samping mengimbangi cabaran trilema tenaga iaitu jaminan bekalan tenaga, mampu milik dan kelestarian alam sekitar. NETR menggariskan matlamat Malaysia dalam meneroka sumber tenaga baharu, membangunkan keupayaan masa hadapan dan mewujudkan permintaan pasaran dalam ekonomi hijau. Pelan ini seterusnya menyokong komitmen Malaysia kepada peralihan tenaga secara adil dan saksama demi memanfaatkan rakyat, mewujudkan peluang perniagaan dan menyokong inovasi teknologi melalui pendekatan seluruh negara.

Selaras dengan inisiatif Bandar Hijau Karbon Rendah Putrajaya, 11 kawasan telah dipilih untuk pemasangan bumbung solar melalui kerjasama antara TNB dengan Gentari. Bumbung solar tersebut membantu mengurangkan pelepasan GHG, mengurangkan jejak karbon, menyokong usaha mitigasi perubahan iklim sekali gus mengurangkan kos operasi. Kerajaan juga menggalakkan ekonomi hijau melalui pembangunan hab berteknologi tinggi dengan penubuhan

Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP). Taman perindustrian ini akan menyediakan peluang untuk memperluas kluster E&E dengan mewujudkan sinergi di wilayah utara. Selain itu, KIGIP yang merupakan model industri hijau dan pintar dijana oleh tenaga boleh baharu akan membangunkan ladang solar seluas 700 ekar seterusnya menyumbang kepada aspirasi Malaysia untuk mencapai sifar bersih menjelang 2050.

Sementara itu, Kerajaan memperuntukkan RM59 bilion dalam bentuk geran, pinjaman dan jaminan pembiayaan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) bagi meningkatkan kapasiti perniagaan dan memacu pertumbuhan pendapatan. Sehingga akhir Julai 2024, sejumlah RM2.9 bilion telah diluluskan kepada lebih 20,800 peminjam. Selain itu, skim pinjaman mikro di bawah Bank Simpanan Nasional telah menyediakan RM245.7 juta kepada lebih 6,500 peminjam meliputi penjaja, peniaga, usahawan mikro, pekerja gig dan graduan baharu. Manakala, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) telah menjamin pembiayaan perniagaan sejumlah RM10.9 bilion kepada 10,153 PKS. Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) telah meluluskan RM2.8 bilion sebagai jaminan kredit pembiayaan perumahan yang memanfaatkan 8,644 individu.

Fokus 3: Peningkatan Darjat Hidup Rakyat

Pelbagai langkah telah dirangka bagi meningkatkan taraf hidup rakyat ke tahap yang lebih bermakna melalui bantuan tunai, kemudahan pembiayaan serta penyediaan infrastruktur dan infostruktur komunikasi yang lancar. Kerajaan juga menambah baik pemberian bantuan tunai untuk program Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM8 bilion dan memanfaatkan 8.5 juta penerima pada 2024. Sehingga akhir September 2024, sebanyak RM5.3 bilion telah diagihkan dalam tiga fasa. Selain itu, peruntukan untuk Sumbangan Asas Rahmah (SARA) meningkat kepada RM740 juta daripada RM130 juta yang memanfaatkan sekitar 810,000 penerima. Pada masa yang sama, Kerajaan telah memperluas Bantuan Awal Persekolahan (BAP) kepada semua pelajar dengan peruntukan sebanyak RM788.1 juta yang memberikan manfaat kepada lebih 5 juta pelajar melibatkan

jumlah perbelanjaan sebanyak RM775.6 juta untuk meringankan perbelanjaan berkaitan persekolahan.

Selain itu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memperkenalkan Akaun Fleksibel pada Mei 2024 bagi menyediakan fleksibiliti untuk keperluan kewangan yang membolehkan ahli membuat pengeluaran mengikut keperluan. Sehingga akhir Julai 2024, KWSP telah meluluskan 3.28 juta permohonan pengeluaran berjumlah RM8 bilion iaitu 66.9% daripada jumlah baki Akaun Fleksibel. Selain itu, bagi memastikan kedudukan kewangan ahli terjamin selepas persaraan, sumbangan kepada Akaun 1 telah dinaikkan daripada 70% kepada 75%. Sementara itu, Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) menerima peruntukan tambahan RM500 juta pada tahun ini. Sehingga akhir Julai 2024, sekitar 4,500 individu telah menyertai program ini dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM337.3 juta.

Kerajaan melancarkan inisiatif Kampung Angkat MADANI yang meliputi penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas bagi merapatkan jurang antara bandar dengan luar bandar serta mempercepat pelaksanaan projek penting di kampung. Inisiatif ini bertujuan untuk menambah baik kehidupan di luar bandar melalui pendekatan seluruh negara dengan peruntukan RM100 juta atau sehingga RM2.5 juta bagi setiap kampung. Sehingga akhir Julai 2024, sebanyak RM86.3 juta telah disalurkan kepada kementerian dan agensi berkaitan untuk pelaksanaan projek di 43 kampung. Kerajaan telah memperuntukkan RM1 bilion untuk Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) bagi komuniti menjana pendapatan dalam bidang pertanian dan makanan, jahitan dan kraftangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta bidang hijau dan kitar semula. Geran antara RM50,000 hingga RM100,000 disediakan untuk memperkasa 10,000 komuniti melalui bidang yang telah dikenal pasti di bawah program ini.

Pengurusan Ekonomi

Ekonomi Malaysia akan kekal pada trajektori pertumbuhan positif pada 2024 didorong oleh prestasi ekonomi yang kukuh meskipun dalam ketidakpastian persekitaran luaran yang berterusan. Bagi menangani cabaran tersebut, Kerajaan komited untuk menyokong ekonomi ke arah menjadi negara yang makmur melalui dasar fiskal yang berhemat, menggalakkan pelaburan berasaskan nilai dan memastikan daya tahan ekosistem pertanian. Kerajaan juga terus meningkatkan daya saing negara dengan menggalakkan kemajuan teknologi, mengguna pakai prinsip kitaran ekonomi bagi kecekapan sumber dan menambah baik kualiti tata kelola yang memacu daya saing yang diterajui inovasi. Selain itu, Kerajaan terus komited dalam memastikan rakyat mendapat manfaat daripada kekayaan dan kemakmuran negara melalui pertumbuhan yang mampan dan inklusif dengan menangani struktur gaji rendah, melabur dalam infrastruktur berkualiti dan mengurus peningkatan kos sara hidup yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan kestabilan sosial. Justeru, usaha tersebut mewujudkan asas yang kukuh untuk pembangunan mampan dan kemakmuran negara.

Peluang dan Cabaran

Negara Sejahtera

Kemampuan Fiskal

Kerajaan terus memberikan penekanan terhadap dasar fiskal yang berhemat di samping mengekalkan momentum pembangunan negara ke arah merealisasikan objektif di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Walau bagaimanapun, prospek ekonomi global yang diselubungi konflik geopolitik, peningkatan risiko ke atas perdagangan dan aliran pelaburan global serta ketidakpastian pasaran kewangan

dan harga komoditi akan memberikan cabaran kepada usaha memperkukuh semula penampungan fiskal dan memastikan kemampuan fiskal. Sehubungan itu, Kerajaan telah menggariskan langkah dasar yang komprehensif bagi meningkatkan akauntabiliti fiskal terutamanya penguatkuasaan Akta 850 dalam pengurusan kewangan awam yang lebih bertanggungjawab dan telus. Pada masa yang sama, pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh daripada jangkaan serta persekitaran inflasi yang stabil membolehkan Kerajaan mempergiat usaha secara berperingkat dalam menjana sumber hasil yang mampan dan meningkatkan kecekapan perbelanjaan. Usaha tersebut menzahirkan komitmen ke arah mengekalkan trajektori konsolidasi fiskal seterusnya menambah baik kemampuan fiskal dan pengurusan hutang.

Pelaburan Berasaskan Nilai

Kelebihan ekonomi yang pelbagai, sektor pembuatan yang dinamik, hubungan lancar dengan rangkaian perdagangan global dan rantai bekalan serta lokasi strategik dalam ASEAN menyediakan peluang pelaburan yang menarik kepada negara. Keadaan ini diperkukuh lagi dengan kedudukan Malaysia yang terunggul dalam kewangan Islam serta peningkatan permintaan untuk pembiayaan berkaitan projek hijau, sosial dan kelestarian selaras dengan pelaburan berasaskan nilai seterusnya menjana pulangan kewangan jangka masa panjang serta memberikan kesan positif kepada masyarakat dan alam sekitar.

Keterjaminan Makanan

Subsektor agromakanan masih bergantung kepada import dengan nilai yang meningkat dua kali ganda daripada RM38.8 bilion pada 2013 kepada RM78.7 bilion pada 2023. Keadaan ini menimbulkan cabaran kepada keterjaminan makanan Malaysia yang terdedah kepada risiko pasaran global dan seterusnya

menyukarkan usaha ke arah mencapai sasaran kadar sara diri (SSR). Sebagai contoh, pengeluaran beras berkurang daripada 1.6 juta tan pada 2022 kepada 1.4 juta tan pada 2023 manakala import beras melonjak kepada 1.3 juta tan. Selain itu, daging kambing menunjukkan nisbah kebergantungan import (IDR) tertinggi iaitu 89.6% pada 2023 dengan pengeluaran domestik sebanyak 4,368 tan dan import mencapai 36,852 tan. Prestasi SSR yang belum mencapai sasaran diburukkan lagi antara lain oleh sistem pengairan yang tidak sempurna, pemandaran yang pesat di samping amalan pertanian yang tidak mampan telah menyebabkan degradasi tanah. Cabaran ekonomi seperti peningkatan kos, ketidaktentuan pasaran dan akses terhad kepada teknologi telah mengurangkan keuntungan daripada aktiviti pertanian. Justeru, Malaysia perlu memanfaatkan potensi inisiatif pertumbuhan dan nilai tinggi (HGHV) untuk merencanakan semula sektor pertanian melalui amalan pertanian moden yang rendah karbon serta peningkatan penyertaan golongan petani muda.

Daya Saing Negara

Peningkatan Teknologi

Peningkatan teknologi telah meluaskan lagi jurang digital merentas wilayah dan kumpulan sosioekonomi. Sehubungan itu, Kerajaan melancarkan infrastruktur generasi kelima (5G) dan ketersambungan internet serta terus menambah baik liputan bagi merapatkan ketidaksamaan. Ekosistem teknologi yang berkembang pesat memerlukan pengukuhan tadbir urus dan pengawasan pengurusan

risiko termasuk kerahsiaan data, ancaman keselamatan siber dan isu etika. Teknologi mewujudkan peluang baharu dalam pekerjaan seperti usahawan teknologi muda dan nomad digital meskipun memberikan kesan kepada pekerjaan sedia ada dan menggantikan pekerjaan tradisional. Oleh itu, peningkatan kemahiran dan latihan semula yang berterusan penting untuk menyediakan ekosistem yang seimbang dalam memastikan daya saing.

Ekonomi Kitaran

Ekonomi kitaran bukan sahaja menawarkan peluang yang besar tetapi turut diiringi dengan cabaran yang ketara. Malaysia mampu mengurangkan penjana sisa dengan mengamalkan amalan kitaran seperti kitar semula, penggunaan semula dan pembuatan semula. Kerajaan telah melancarkan dasar ekonomi kitaran bagi pengurusan sisa dan sektor pembuatan dengan matlamat untuk mengatasi cabaran dalam pengurusan sisa serta menggalakkan amalan perindustrian hijau merentasi rantai nilai. Penggunaan model perniagaan kitaran menggalakkan inovasi bagi memastikan perniagaan kekal berdaya saing dalam pasaran global untuk mengurangkan kos pengeluaran dan menawarkan produk mampan yang memenuhi permintaan antarabangsa terhadap penyelesaian mesra alam selaras dengan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030. Walau bagaimanapun, rangka kerja kawal selia yang komprehensif perlu diwujudkan untuk menyokong ekosistem ekonomi kitaran. Oleh itu, usaha bersepadu daripada pelbagai agensi kerajaan, pemain industri dan masyarakat sivil penting untuk mewujudkan strategi yang kukuh.

SISIPAN 1.1

Biochar: Kesan Limpahan ke Arah Kemampanan

(Dengan kerjasama EXIM Bank)


Malaysia komited untuk mencapai pelepasan gas rumah kaca (GHG) sifar bersih menjelang 2050 melalui pelbagai usaha mengurangkan kepekatan karbon di ruang udara. Biochar telah muncul sebagai antara penyelesaian untuk menangani perubahan iklim dan menggalakkan pembangunan mampan terutamanya dalam menguruskan pelupusan sisa pertanian organik yang sering mengguna pakai kaedah yang memudaratkan alam sekitar. International Biochar Initiative menyatakan bahawa 2.6 gigaton biochar berpotensi menyimpan sehingga 6% daripada pelepasan GHG global setiap tahun. Jumlah tersebut bersamaan dengan anggaran tiga bilion tan karbon dioksida (CO₂) atau jumlah pelepasan GHG tahunan bagi 803 loji jana kuasa arang batu.

Selain itu, Pelan Tindakan Biojisim Negara 2023 – 2030 telah mengenal pasti potensi untuk memaksimumkan produk sampingan pertanian seperti tandan buah kosong (EFB) dan isirung sawit, sekam koko dan pulpa koko, jerami padi, kulit durian serta sisa haiwan untuk ditukarkan kepada biochar. Penggunaan produk sampingan pertanian yang membantu menggalakkan kecekapan sumber dan mengurangkan sisa juga dapat menjana hasil tambahan untuk petani. Oleh itu, industri biochar amat berpotensi untuk diterokai bagi menyokong peralihan ke arah ekonomi berasaskan bio seterusnya mampu menyumbang kepada pencapaian sasaran pelepasan sifar bersih.

Potensi Biochar

Biochar ialah sejenis arang yang dihasilkan melalui pemanasan biojisim organik seperti kayu, sisa tanaman atau sisa haiwan dalam ruang persekitaran tanpa oksigen melalui proses yang dipanggil pirolisis. Proses ini juga dikenali sebagai Biochar Carbon Removal (BCR) atau dalam terma saintifik disebut Pyrogenic Carbon Capture and Storage (PyCCS) seperti dalam Rajah 1.1.1.

RAJAH 1.1.1. Proses Biochar Carbon Removal



Sumber: World Economic Forum

Biochar diperakui berperanan dalam menghalang pelepasan GHG melalui pelbagai cara. Penggunaan biochar di Malaysia berpotensi menyumbang kepada alam sekitar seperti:

Menjana Semula Tanah: Biochar boleh digunakan untuk memulihkan semula tanah yang mengalami degradasi antaranya disebabkan oleh aktiviti penyahhutan. Bahan pelbagai fungsi ini mampu meningkatkan penyerapan air, menggalakkan pertumbuhan mikrob baik serta menguatkan struktur tanah seterusnya meningkatkan pertumbuhan semula tanaman asal dan biodiversiti. Penggunaan biochar boleh menambah kesuburan tanah dan hasil tanaman seterusnya menyumbang kepada kemampanan dan daya tahan industri pertanian. Malaysia menghasilkan sisa pertanian dengan jumlah yang banyak seperti EFB yang boleh diubah menjadi biochar dalam ekonomi kitaran. Tindakan ini lebih memberikan manfaat berbanding dengan pembakaran sisa tersebut yang mengakibatkan pencemaran udara.

Mengguna Semula Tapak Perlombongan Lama: Tapak perlombongan terbiar sering meninggalkan landskap tandus dan tanah yang tercemar. Biochar mampu bertindak sebagai pemulih tanah di kawasan tersebut dan menggalakkan pertumbuhan tanaman sebagaimana penggunaan biochar dalam pemulihan hutan. Peluasan tanaman tutup bumi dapat mengurangkan hakisan tanah dan meningkatkan kualiti udara.

Meningkatkan Biodiversiti: Peningkatan kesuburan tanah hasil penggunaan biochar dapat menggalakkan pertumbuhan pelbagai jenis tumbuhan. Peningkatan biodiversiti akan menarik pelbagai jenis serangga pendebungaan seterusnya mewujudkan ekosistem yang lebih sihat.

Mengurangkan Pencemaran Air: Keupayaan biochar untuk menyerap dan menyimpan nutrien akan mengurangkan sisa pencemaran pertanian daripada memasuki aliran air. Fungsi tersebut boleh meningkatkan kualiti air dan kelestarian ekosistem akuatik.

Memperkuh Daya Tahan Iklim: Tanah yang dipulihkan melalui penggunaan biochar mampu menyimpan air dengan lebih berkesan sekali gus meningkatkan daya tahan terhadap cuaca melampau. Penguatan daya tahan ini penting dalam menghadapi perubahan iklim berikutan jangkaan kekerapan cuaca melampau seperti kemarau.

Pembangunan Biochar Global

Beberapa negara telah meneroka potensi biochar dalam mencapai pelepasan GHG sifar bersih. Pencapaian dan kemajuan beberapa negara terpilih ditunjukkan dalam Jadual 1.1.1.

JADUAL 1.1.1. *Kemajuan Pembangunan Biochar Global Terpilih*

Bil.	Wilayah/Negara	Kemajuan
1.	Kesatuan Eropah	Membangunkan Sijil Biochar Eropah sebagai standard utama sijil pengeluaran biochar.
2.	Amerika Syarikat	Kerajaan membiayai penyelidikan biochar manakala projek pengeluaran dan penggunaan biochar berskala besar dipelopori oleh pelaburan swasta.
3.	Australia	Kerajaan menyokong penyelidikan biochar melalui pelbagai inisiatif pembiayaan dan rangka kerja dasar yang bertujuan untuk menggalakkan pertanian mampan. Australia's Rural Research and Development Corporations menyediakan sokongan pembiayaan bagi projek biochar untuk menangani cabaran utama pertanian.

Bil.	Wilayah/Negara	Kemajuan
4.	Jepun	Mengintegrasikan biochar dalam strategi pengurusan sisa dan perubahan iklim.
5.	Korea Selatan	Menyediakan sokongan dasar dan kewangan dalam penyediaan infrastruktur bagi kemampuhan pasaran biochar berasaskan sisa ternakan.
6.	Thailand	Galakan penghasilan biochar dalam kalangan petani berskala kecil di Chiang Mai telah berjaya menukar sisa makanan kepada biochar.

Sumber: Pelbagai sumber

Peluang Biochar di Malaysia

Malaysia boleh memanfaatkan faedah biochar melalui pembangunan kilang yang diiktiraf bagi menarik pelaburan untuk mewujudkan ekosistem biochar seterusnya memangkin permintaan daripada pemain industri tempatan dan antarabangsa yang berpotensi. Bagi tujuan tersebut, beberapa langkah yang boleh dipertimbangkan termasuk:

1. Memperkenalkan rangka kerja komprehensif bagi industri biochar yang meliputi dasar, amalan kawal selia dan standard industri bagi mempromosikan industri biochar yang mampan selari dengan matlamat alam sekitar dan ekonomi negara;
2. Membangunkan program pensijilan produk dan kemudahan biochar bagi memastikan kawalan kualiti, menilai kesan alam sekitar dan mematuhi peraturan keselamatan;
3. Menggalakkan kerjasama dengan peneraju teknologi biochar bagi memajukan sektor biochar negara. Kerjasama tersebut menyediakan akses kepada teknologi termaju, amalan terbaik dan kepakaran dalam memastikan keberkesanan dan standard yang tinggi dalam pengeluaran biochar; dan
4. Mengukuhkan kerjasama awam-swasta melalui kolaborasi strategik untuk memanfaatkan kepakaran, sumber dan kemajuan teknologi pemain tempatan dan antarabangsa terkemuka termasuk institusi penyelidikan dan pakar industri.

Manfaat yang diperoleh daripada pengetahuan dan pengalaman pihak lain dapat meningkatkan keupayaan Malaysia dalam menyediakan platform yang kondusif kepada pelabur dan pemain utama dalam ekosistem sektor biochar. Usaha tersebut menzahirkan komitmen Malaysia dalam memacu inovasi dan kelestarian.

Kesimpulan

Biochar menawarkan peluang unik untuk memajukan agenda ekonomi hijau negara dan menyumbang kepada komitmen Malaysia terhadap pembangunan mampan. Potensi biochar sebagai sumber baharu pelaburan mampan di Malaysia memerlukan pemahaman mendalam bagi menonjolkan faedah penyimpanan GHG dan pemulihan tanah. Kerjasama pihak berkepentingan yang terdiri daripada kerajaan, industri dan institusi penyelidikan penting dalam memacu agenda ini melalui pendekatan seluruh negara. Justeru, Malaysia boleh mewujudkan kesan limpahan yang bukan sahaja meningkatkan daya tahan alam sekitar negara malahan menjadi contoh pada peringkat global yang membuktikan bahawa usaha bersepadu mampu menghasilkan kemajuan dalam memerangi perubahan iklim.

Kualiti Tata Kelola

Kualiti tata kelola bergantung kepada kepimpinan yang berwawasan, pelaksanaan dasar yang berkesan, birokrasi yang cekap dan ketelusan. Ketika Kerajaan berusaha untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi, tata kelola yang berkualiti penting untuk memastikan kestabilan ekonomi dan kemajuan pembangunan negara. Dalam usaha ini, Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) ditubuhkan untuk membendung rasuah, pembaharuan undang-undang dengan memperbaharui peraturan lapuk dan menambah baik institusi. Amalan rasuah serta akauntabiliti yang lemah mendorong kepada ketidakcekapan dan ketidaksamaaan penguatkuasaan undang-undang, menjejaskan kepercayaan awam dan menghalang kemajuan ekonomi. Justeru, Kerajaan perlu memperkukuh integriti institusi, meningkatkan akauntabiliti sektor awam dan menggalakkan penglibatan yang lebih luas dalam proses tata kelola.

Daya Saing Diterajui Inovasi

Daya saing yang diterajui inovasi memerlukan perniagaan dan negara untuk mengadaptasi dengan kepesatan perkembangan pasaran global. Malaysia telah menduduki tangga ke-33 daripada 133 negara dalam Indeks Inovasi Global (GII) 2024 iaitu kedudukan tertinggi sejak 2016. Malaysia kekal di tangga kedua dalam kalangan negara paling inovatif bagi kategori Negara Berpendapatan Menengah Atas dan menduduki tempat pertama dalam tiga sub-penunjuk kritikal iaitu graduan dalam bidang sains dan kejuruteraan, teknologi tinggi dan eksport produk kreatif. Pelaburan dalam R&D perlu terus ditingkatkan memandangkan Perbelanjaan Dalam Negeri Kasar untuk R&D (GERD) kini hanya mencatat 1% daripada KDNK. Walau bagaimanapun, setiap pelaburan dalam inovasi memerlukan sumber kewangan yang besar terutamanya dalam R&D. Keadaan ini disebabkan oleh kepesatan kadar kemajuan

teknologi yang memerlukan penyesuaian dan pelaburan berterusan demi mengekalkan kelebihan daya saing.

Kesejahteraan Rakyat

Struktur Upah

Malaysia telah mencapai purata pertumbuhan ekonomi yang signifikan sejak beberapa dekad. Selaras dengan pencapaian ini, Kerajaan telah melaksanakan inisiatif peningkatan kemahiran dan latihan semula secara berterusan bagi memenuhi permintaan industri dan menggalakkan kenaikan gaji. Selain itu, projek rintis dasar gaji progresif telah diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan gaji sejajar dengan prestasi pekerja. Walau bagaimanapun, pasaran buruh masih berdepan tahap gaji yang rendah dengan gaji penengah dan purata hanya meningkat sekitar 4% setiap tahun¹. Faedah pertumbuhan tidak diagihkan secara saksama dalam kalangan pekerja seperti dibuktikan melalui bahagian pendapatan buruh yang tidak berubah secara signifikan. Walaupun mekanisme perundingan sosial *tripartite* telah berupaya menyokong pekerja bergaji rendah, namun terdapat segmen tertentu dalam kalangan pekerja yang tidak menerima manfaat daripada kenaikan gaji secara berstruktur² sejak sekian lama. Justeru, pembaharuan institusi penting untuk mewujudkan mekanisme yang lebih menyokong seterusnya dapat meningkatkan struktur gaji secara signifikan.

Kos Sara Hidup

Peningkatan kos makanan, perumahan, pengangkutan, penjagaan kesihatan dan pendidikan telah menyebabkan tekanan kewangan kepada isi rumah. Situasi tersebut boleh membebankan keluarga yang kurang berkemampuan seterusnya menyebabkan isi rumah terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana sukar untuk menyimpan

¹ Dalam tempoh 2010 hingga 2022, pertumbuhan gaji warganegara ialah 4.1% bagi gaji penengah dan 4.3% bagi gaji purata.

² Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pada 17 Ogos 2024 mendesak majikan sektor swasta supaya mewajibkan kenaikan gaji tahunan pekerja.

dan melabur. Keadaan ini telah memburukkan lagi jurang sosioekonomi seterusnya menjejaskan keseluruhan kualiti hidup. Kesan kenaikan kos memerlukan langkah dasar yang komprehensif untuk meningkatkan taraf hidup. Justeru, pelaksanaan inisiatif Kerajaan seperti inisiatif Payung RAHMAH, STR dan program bantuan sosial bersasar akan mengimbangi kesan peningkatan kos sara hidup dalam kalangan kumpulan mudah terjejas.

Infrastruktur Berkualiti

Kerajaan sentiasa memberikan keutamaan kepada penambahbaikan infrastruktur dan peluasan rangkaian yang menjadi tonggak kepada pembangunan negara terutamanya melibatkan projek jalan persekutuan dan negeri serta infrastruktur utama. Walau bagaimanapun, penyediaan infrastruktur berkualiti kekal menjadi cabaran di kawasan luar bandar dan kurang mendapat tumpuan seterusnya meluaskan jurang ketidaksamaan merentasi wilayah di Malaysia. Selain itu, pembangunan seimbang di seluruh negara penting untuk memastikan rakyat mempunyai akses kepada kemudahan asas yang berkualiti dan terjamin seperti air terawat, elektrik, ketersambungan internet dan rangkaian pengangkutan.

Kerajaan beriltizam untuk menambah baik kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang terus menjadi keutamaan dengan purata peruntukan sebanyak 9.9% daripada jumlah peruntukan sepanjang tempoh lima tahun lalu. Walaupun sistem penjagaan kesihatan Malaysia boleh diakses secara meluas dengan kos berpatutan, namun peningkatan kos penjagaan kesihatan, kemunculan penyakit baharu dan lama, masalah kesihatan serta gaya hidup yang tidak aktif telah menjadi cabaran dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan awam yang berpatutan dan berkesan. Keadaan ini memerlukan pembaharuan menyeluruh bagi meningkatkan

kualiti dan akses perkhidmatan, polisi insurans kesihatan serta kesedaran awam tentang gaya hidup sihat.

Sektor pendidikan berhadapan dengan pelbagai isu seperti kemudahan sekolah yang daif dan jurang digital khususnya di kawasan terpencil. Isu tersebut telah menjejaskan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya menyumbang kepada keberhasilan pelajar yang rendah terutamanya di Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, tumpuan telah diberikan dalam Belanjawan 2024 bagi menambah baik infrastruktur sekolah dan memastikan akses pendidikan yang mencukupi di semua peringkat termasuk program TVET.

Inisiatif Strategik - Belanjawan 2025

Kerajaan akan terus melaksanakan strategi dan program bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi di samping memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara bagi mencapai kemampanan dan keterangkuman. Justeru, Belanjawan 2025 akan terus memberikan penekanan terhadap aspek 'Menaikkan Siling' dengan mentransformasikan landskap ekonomi negara dan pada masa yang sama 'Menaikkan Lantai' melalui usaha mempertingkatkan kualiti hidup serta melaksanakan pembaharuan sektor awam.

Menaikkan Siling: Mentransformasikan Ekonomi

Belanjawan 2025 bermatlamat untuk mentransformasikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan berdaya saing dan bertaraf dunia untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan. Negara dapat meningkatkan produktiviti, menggalakkan kemajuan teknologi

serta menarik pelaburan berkualiti tinggi dengan menumpukan kepada ekonomi digital dan industri berasaskan inovasi. Malaysia terus memperkukuh kedudukan sebagai peneraju global dalam kewangan Islam melalui pengembangan ekosistem kewangan serta meneroka peluang dalam sektor ekonomi halal, rendah karbon dan hijau. Pada masa yang sama, usaha memperkasakan PMKS sebagai peneraju serantau dijangka merancakkan lagi pertumbuhan serta meningkatkan daya tahan ekonomi negara. Komitmen terhadap kemampanan ekonomi kekal menjadi tunjang kepada transformasi sekali gus memacu kemajuan Malaysia seiring dengan perubahan persekitaran global yang pesat.

Daya Saing dan Destinasi Pelaburan Bertaraf Dunia

Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk memacu negara ke arah kompleksiti ekonomi dan meningkatkan rantai nilai, insentif dan pembiayaan khusus akan disediakan bagi mempercepat pelaksanaan strategi di bawah NETR dan NIMP 2030. Dasar tersebut sejajar dengan permintaan pasaran global dalam menarik pelaburan HGHV, mewujudkan peluang pekerjaan bergaji tinggi dan mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam rantai bekalan global. Pelaksanaan dasar tersebut membolehkan Malaysia mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pelaburan berasaskan nilai yang bukan sahaja memastikan kemakmuran ekonomi tetapi juga mendukung kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial.

Menerusi Belanjawan 2025, GLIC dan GLC akan menyokong usaha Kerajaan untuk memacu pertumbuhan industri HGHV melalui DDI termasuk modal teroka. Kekuatan kolektif GLIC dan GLC akan digerakkan melalui program GEAR-uP bagi mencapai sinergi dalam memacu pelaburan berimpak tinggi, memupuk inovasi dan meningkatkan tadbir urus korporat di samping menyumbang kepada matlamat pembangunan negara. Pada masa yang sama, libat urus GLIC dan GLC bersama masyarakat akan terus dipergiat dengan menumpukan kepada aktiviti yang berasaskan komuniti serta meningkatkan kesejahteraan pihak berkepentingan.

Kerajaan juga komited untuk meningkatkan daya saing global negara dalam menarik pelaburan berkualiti tinggi. Melalui Belanjawan 2025, beberapa langkah akan diperkenalkan bagi menggalakkan penerimgunaan teknologi dan digital dalam industri di samping memperkukuh penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I). Kerajaan akan mengutamakan langkah bagi menambah baik kemudahan menjalankan perniagaan termasuk menyegerakan proses kelulusan penubuhan perniagaan baharu dan pengembangan pelaburan sedia ada. Bagi merealisasikan matlamat ini, Jawatankuasa Bersama Daya Saing Negara akan merangka pelan komprehensif yang memberikan tumpuan kepada inovasi, penyelarasan rangka kerja kawal selia dan meningkatkan kerjasama antara awam dengan swasta untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang lebih kompetitif dan menarik.

SISIPAN 1.2

Meningkatkan Daya Saing bagi Persekitaran Perniagaan yang Menggalakkan

(Dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia)

Pengenalan

Daya saing negara pada peringkat global bergantung kepada keupayaan dalam mewujudkan persekitaran yang menyokong perniagaan untuk berkembang, berinovasi dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi mampan. Kemudahan menjalankan perniagaan merupakan antara penentu utama kejayaan ekonomi sesebuah negara dalam landskap ekonomi global yang dinamik. Persekitaran perniagaan yang menggalakkan serta proses peraturan yang diperkemas dan telus penting dalam meningkatkan keupayaan negara untuk menarik pelaburan, menggalakkan inovasi dan memacu pertumbuhan produktiviti. Bank Dunia (2021) turut menekankan bahawa peraturan yang rumit dan ketidakcekapan birokrasi boleh menyekat keusahawanan, menyukarkan pelaburan dan memperlambatkan kemajuan ekonomi.

Kepentingan Kemudahan Menjalankan Perniagaan

Persekitaran politik yang stabil serta dasar yang menyokong dan proaktif memainkan peranan penting dalam mewujudkan ekosistem mesra perniagaan. Secara amnya, kemudahan menjalankan perniagaan sesebuah negara dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk ketersediaan infrastruktur, akses yang mudah kepada pembiayaan, kecekapan dan ketelusan proses kawal selia serta kelulusan segera dalam mendapatkan permit dan lesen. Sementara itu, kemajuan teknologi menjadi penyumbang utama dalam menyokong kemudahan menjalankan perniagaan. Digitalisasi proses peraturan membolehkan interaksi yang lebih cekap antara perniagaan dengan agensi kerajaan seterusnya mempercepat masa pemprosesan dan mengurangkan kos pematuhan. Aspek tersebut berkait secara langsung dengan kemudahan menjalankan perniagaan yang mendorong pertumbuhan produktiviti dan menjadi asas kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara dalam jangka masa panjang. Pada dasarnya, pertumbuhan produktiviti penting dalam proses pembangunan kerana dapat meningkatkan output ekonomi, menambah baik taraf hidup dan memperkukuh daya saing global.

Malaysia Melalui Kanta Global

Persekitaran perniagaan global berdepan dengan pelbagai cabaran dan peluang. Sekatan perdagangan, dasar perlindungan dan peralihan dinamik rantai bekalan global boleh mewujudkan halangan kepada perniagaan. Walau bagaimanapun, cabaran tersebut juga membuka peluang kepada negara lain untuk menjadi destinasi yang menarik dalam pelaburan dan perdagangan.

Sementara itu, laporan World Competitiveness Ranking (WCR) 2024 oleh International Institute for Management Development (IMD) menyatakan bahawa pasaran baru muncul seperti Brazil, China, India, Indonesia dan Türkiye telah mengalami pertumbuhan dan pembangunan yang pesat dalam beberapa dekad kebelakangan ini selepas melakukan penambahbaikan pada pelbagai peringkat. Kini, negara tersebut telah menjadi pemain utama global dalam pelaburan, perdagangan dan inovasi serta mematuhi kualiti antarabangsa dan piawai kemampanan, namun pada masa yang sama masih mengekalkan budaya, institusi dan kawal selia yang tersendiri.

Laporan Doing Business in Malaysia 2020 oleh Bank Dunia telah mengenal pasti halangan dalam beberapa bidang dan mencadangkan peluang penambahbaikan berdasarkan amalan terbaik tempatan dan antarabangsa. Antara strategi yang dicadangkan termasuk penyelesaian pelbagai isu rentas sektor yang memerlukan kepimpinan yang berani dan tegas pada peringkat persekutuan dan negeri dalam membuat keputusan dasar. Langkah ini memerlukan penyelarasan yang lebih bersepadu dalam kalangan agensi; pemakaian undang-undang dan peraturan yang konsisten; dan memperluas inisiatif pembaharuan kepada bandar sekunder.¹

Malaysia terus proaktif dalam menangani halangan tersebut dengan menambah baik kemudahan menjalankan perniagaan yang merupakan sebahagian daripada strategi menyeluruh untuk meningkatkan daya saing. Kedudukan negara yang strategik di Asia Tenggara serta disokong oleh infrastruktur yang pesat dan tenaga kerja mahir telah meletakkan Malaysia sebagai destinasi menarik untuk mengembangkan perniagaan di rantau ini. Justeru, negara perlu terus memberikan tumpuan kepada pembaharuan peraturan bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan meningkatkan produktiviti untuk mengekalkan dan mengukuhkan kedudukan ini.

Sebagai negara perdagangan, Malaysia mempunyai peranan penting dalam ekonomi global berikutan keterbukaan dalam perdagangan dan pelaburan. Negara ini memeterai beberapa perjanjian perdagangan dua hala dan serantau seterusnya membuka akses kepada pasaran yang lebih luas. Inisiatif ini akan menyokong usaha berterusan Malaysia untuk menambah baik persekitaran perniagaan sekali gus meningkatkan daya saing global. Kepentingan persekitaran perniagaan yang menggalakkan telah mendorong Kerajaan melaksanakan inisiatif untuk memudahkan peraturan perniagaan, memendekkan masa pemprosesan dan mengurangkan kos pematuhan bagi meningkatkan kecekapan secara keseluruhan. Objektif inisiatif tersebut bukan sahaja untuk meningkatkan kedudukan global malah untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan perniagaan beroperasi dengan lancar dan berdaya saing. Malaysia bermatlamat untuk menjadi ekonomi yang lebih dinamik dan berdaya saing serta responsif terhadap cabaran dan peluang pasaran global melalui usaha yang konsisten dalam memudah cara perniagaan. Negara bertekad untuk mengembalikan semula kedudukan sebagai antara 12 ekonomi paling berdaya saing pada peringkat dunia pada dekad akan datang. Sehubungan itu, Kerajaan terus melaksanakan pembaharuan peraturan bagi memastikan Malaysia menjadi destinasi pilihan pelabur asing dan tempatan.

Inisiatif ke Arah Daya Saing Global

Kedudukan Malaysia dalam Penarafan Daya Saing Global

Laporan WCR 2024 menilai dan meletakkan kedudukan daya saing ekonomi global berdasarkan faktor yang berkaitan dengan prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur. Sepanjang dua dekad yang lalu, Malaysia mencatat prestasi terbaik dari segi daya saing dengan kedudukan negara meningkat daripada tangga ke-26 pada 2005 kepada tangga ke-10 pada 2010. Pencapaian ini terutamanya didorong oleh usaha negara dalam mengukuhkan dasar mesra perniagaan, memperkemas proses kawal selia, mengurangkan halangan birokrasi dan meningkatkan kerjasama sektor awam-swasta. Inisiatif ini diterajui oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang ditubuhkan untuk meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan.

¹ Merujuk kepada bandar di Malaysia selain daripada bandar utama merangkumi Georgetown, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Kuantan dan Kuching.

Kedudukan Malaysia dalam laporan WCR semakin merosot sehingga mencapai kedudukan ke-34 pada 2024 seperti dalam Rajah 1.2.1. Trend penurunan ini disebabkan oleh kejatuhan kedudukan subkomponen seperti produktiviti dan kecekapan, infrastruktur teknologi serta perundangan perniagaan. Antara punca utama kemerosotan ini adalah pengagihan semula sumber ekonomi yang tidak dioptimumkan, pertumbuhan produktiviti yang rendah, penciptaan teknologi yang terhad dan rangka kerja peraturan yang lemah. Isu pasaran buruh seperti jurang kemahiran dan gaji yang rendah juga menyumbang kepada kedudukan daya saing negara. Prestasi ini menekankan keperluan untuk Malaysia menilai semula strategi daya saing bagi mencapai sasaran yang ditetapkan dalam kerangka Ekonomi MADANI.


Inisiatif bagi Penambahbaikan Peraturan Perniagaan

Berdasarkan laporan WCR 2024, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) mengenal pasti lima langkah untuk Malaysia mempertingkatkan daya saing seperti berikut:

- Mengemas kini dasar dan peraturan untuk meningkatkan daya saing global;
- Meningkatkan pelaburan dalam R&D bagi memperkukuh daya tahan perniagaan;
- Mengoptimumkan pasaran buruh untuk memaksimumkan produktiviti tenaga kerja;
- Memanfaatkan kecanggihan teknologi dalam mempercepatkan pertumbuhan produktiviti; dan
- Mengurangkan peningkatan kos melalui peningkatan produktiviti strategik.

Kerjasama MPC dengan pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta telah dilaksanakan untuk membantu Malaysia menambah baik peraturan secara berterusan bagi memastikan peraturan kekal menyokong pertumbuhan perniagaan. Sehubungan itu, Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP)² telah dibangunkan untuk memastikan proses peraturan yang telus dan cekap sejajar dengan keperluan perniagaan. Proses ini melibatkan semakan dan penambahbaikan berterusan oleh organisasi seperti pihak berkuasa tempatan yang melibatkan penilaian dan semakan semula peraturan untuk mengelakkan menjadi penghalang kepada produktiviti dan pertumbuhan yang seterusnya meningkatkan daya saing.

RAJAH 1.2.1. Kedudukan Malaysia dalam Daya Saing Dunia



Sumber: The International Institute for Management Development (2005-2024)

² Garis panduan NPGRP bertindak sebagai instrumen untuk memformalkan proses pembangunan peraturan berkualiti yang menyediakan panduan mengenai pelaksanaan Amalan Baik Peraturan (GRP) untuk institusi kerajaan dalam membangunkan dasar dan peraturan.

Malaysia telah melaksanakan inisiatif utama bagi meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan yang bertujuan untuk mempergiat perdagangan dan pelaburan terutamanya melalui pembaharuan peraturan tertentu termasuk:

- Inisiatif Kulai Fast Lane (KFL) telah memendekkan masa pelaksanaan projek pembangunan mulai permohonan kelulusan pelan pemajuan sehingga syarikat mula beroperasi daripada 24 hingga 36 bulan kepada 14 bulan. Inisiatif ini berjaya menarik pelaburan berjumlah RM40.7 bilion dan mewujudkan 7,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi. Penambahbaikan ini merupakan sebahagian daripada usaha ke arah meletakkan Kulai sebagai hab pelaburan pilihan di Johor.
- Penambahbaikan peraturan pelesenan eksport³ bagi produk batu kapur telah memendekkan proses kelulusan daripada enam bulan kepada dua bulan sahaja. Tempoh sah lesen juga telah dilanjutkan daripada enam kepada 12 bulan. Penambahbaikan ini telah menyumbang kepada peningkatan 50% dalam eksport batu kapur dengan nilai mencecah RM6 bilion pada 2023.
- Pelaksanaan sistem SMARTGPB sebagai platform atas talian telah memodenkan proses pelepasan kastam bagi barangan di Gudang Pengilangan Berlesen (GPB). Sejak pengenalan pendigitalan dan penggunaan pendekatan berasaskan risiko pada 2022, kini 80% permohonan diluluskan secara automatik dalam masa seminit berbanding kelulusan manual yang memerlukan tiga hingga tujuh hari sebelum ini. Inisiatif ini yang mula dilaksanakan sebagai projek rintis di Pulau Pinang telah diperluas ke seluruh negara dan menghasilkan penjimatan kos pematuhan tahunan syarikat GBP sebanyak RM200 juta setiap tahun.
- Xpats Gateway telah mentransformasikan proses kelulusan permohonan ekspatriat dengan mengintegrasikan proses yang melibatkan 25 agensi kawal selia melalui platform 'gerbang tunggal'. Hasilnya, masa kelulusan dipendekkan daripada enam bulan kepada lima hari sahaja untuk proses laluan pantas atau 15 hari untuk laluan biasa. Pemendekan proses ini membolehkan keperluan bakat mahir 18,000 syarikat dipenuhi dengan lebih 120,000 peluang pekerjaan dijangka diwujudkan terutamanya dalam sektor pertumbuhan dan nilai tinggi (HGHV).
- Garis panduan pengiklanan dalam platform digital oleh hospital swasta telah ditambah baik. Hospital swasta kini dibenarkan berkongsi kandungan komprehensif dan berasaskan bukti secara terbuka termasuk testimoni pesakit, kenyataan superlatif berdasarkan bukti dan profil profesional terperinci. Imej profesional boleh dimuatkan sehingga satu pertiga daripada ruang iklan. Perubahan ini telah menghasilkan peningkatan sebanyak 51% dalam pelancongan kesihatan dan penjana pendapatan tambahan sebanyak RM700 juta dalam tempoh 2021 dan 2022.

Kejayaan pembaharuan peraturan tersebut membuktikan komitmen Malaysia untuk mewujudkan persekitaran yang lebih mesra perniagaan, melancarkan operasi perniagaan serta mempromosikan pelaburan domestik dan asing merentas sektor utama.

³ Permit bagi eksport batu kapur memerlukan kelulusan daripada pelbagai agensi termasuk Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan kerajaan negeri.

Melangkah ke Hadapan

Malaysia berpeluang memperoleh manfaat daripada amalan terbaik negara lain berdasarkan analisis menyeluruh bagi mengoptimumkan sumber dan meningkatkan kecekapan seperti dalam laporan WCR. Negara berprestasi tinggi termasuk Singapura, Switzerland dan Ireland menjadi penanda aras terbaik dalam kecekapan pengawalseliaan, ketelusan dan penggunaan digitalisasi dalam memudah cara operasi perniagaan. Pelaksanaan strategi yang sama dan komitmen berterusan untuk melaksanakan inovasi dapat menambah baik kerangka peraturan seterusnya meningkatkan daya saing global negara.

Kerjasama dengan sektor swasta penting dalam melaksanakan pembaharuan peraturan secara berkesan terutamanya dalam menyediakan maklum balas dasar yang praktikal dan relevan dengan keperluan perniagaan dan awam. Pemimpin industri sentiasa menekankan keperluan terhadap persekitaran peraturan yang lebih telus, boleh dijangka dan cekap serta meningkatkan penggunaan platform digital untuk mengurangkan karenah birokrasi dalam proses permohonan dan kelulusan. Usaha ini akan meningkatkan pematuhan dan mengurangkan kos di samping memastikan peraturan adalah telus dan dikuatkuasakan.

Badan pengawalselia memainkan peranan penting dalam memastikan aktiviti ekonomi berfungsi dengan cekap. Dalam hal ini, pendekatan seluruh negara merentasi amalan kawal selia penting dalam memperkemas prosedur dan menyelaras pembaharuan peraturan bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan proses perniagaan. Selain itu, pasukan petugas peringkat tinggi perlu diwujudkan untuk mengkaji semula strategi sedia ada mengikut komponen daya saing dan memantau pelaksanaan strategi yang telah disemak semula untuk mempertingkatkan daya saing. Tambahan pula, MPC akan meneruskan analisis terperinci bagi setiap penunjuk daya saing untuk menilai dan menambah baik amalan peraturan di Malaysia. Analisis tersebut dapat membantu mengurangkan jurang daya saing dan memastikan keberkesanan pembaharuan peraturan dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh perniagaan.

Kesimpulan

Pendekatan holistik penting untuk meningkatkan kedudukan komponen utama daya saing iaitu prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur dalam usaha Malaysia mencapai matlamat menjadi antara 12 negara teratas dalam daya saing global di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Hasrat menjadi ekonomi yang lebih berdaya saing memerlukan usaha berterusan untuk menyelaras peraturan dan mengurangkan karenah birokrasi melalui kerjasama proaktif dengan sektor swasta, penambahbaikan pertumbuhan produktiviti, peningkatan inovasi teknologi dan memperkasakan bakat tempatan. Justeru, usaha komprehensif ini dapat memperkukuh daya saing global Malaysia demi memastikan kedudukan negara sebagai destinasi utama pelaburan dan perdagangan di rantau ASEAN.

Malaysia dijangka meraih manfaat daripada peningkatan ketibaan pelancong antarabangsa selaras dengan pemulihan menyeluruh industri pelancongan dan perjalanan global. Belanjawan 2025 akan memberikan penekanan kepada penambahbaikan kemudahan dan sistem

di semua pintu masuk bagi memperkukuh kesediaan negara dalam memanfaatkan penganjuran pelbagai mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE) pada peringkat antarabangsa dan serantau termasuk Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025

serta program tahun melawat negeri 2025. Kerajaan juga akan meningkatkan usaha untuk mempromosikan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 melalui strategi pengiklanan menyeluruh dan penyertaan aktif dalam Ekspo Dunia. Usaha tersebut dijangka akan mengembalikan jumlah ketibaan pelancong antarabangsa pada tahap prapandemik seterusnya memperkukuh semula status negara sebagai antara destinasi pelancongan utama dunia.

Bagi mempelbagaikan lagi sektor pelancongan negara, Kerajaan akan memanfaatkan program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) dengan menarik minat penyertaan warga asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi menetap di Malaysia bagi tempoh jangka masa panjang. Langkah ini termasuk mempermudah proses kelulusan yang lebih mesra pengguna untuk meningkatkan daya tarikan program kepada pesara, ekspatriat, pelancong perubatan dan pelabur asing. Program MM2H dijangka memberikan kesan limpahan kepada ekonomi domestik terutamanya dalam bidang hartanah, penjagaan kesihatan dan pendidikan seterusnya mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai destinasi kediaman pilihan kedua.

Bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi perniagaan, Belanjawan 2025 akan memperkukuh pelaksanaan amalan pengurusan baik seterusnya menggalakkan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) serta penerimgunaan teknologi termaju dalam kalangan syarikat dan industri. Di samping itu, peraturan sedia ada akan dikaji semula bagi meningkatkan daya saing negara secara keseluruhan. Sehubungan itu, proses birokrasi akan diselaraskan untuk mempercepat pelaksanaan projek. Inisiatif lain seperti penambahbaikan sistem pentadbiran, digitalisasi perkhidmatan awam dan pelaksanaan peraturan yang lebih fleksibel akan diteruskan untuk menambah baik tata kelola demi memperkukuh daya saing negara.

Industri logistik negara akan dipertingkatkan lagi melalui penambahbaikan infrastruktur pengangkutan bagi meningkatkan kecekapan kesalinghubungan dan kebolehcapaian. Belanjawan 2025 akan terus menggalakkan pelaburan bagi menambah baik infrastruktur melalui penerimgunaan teknologi termaju di samping membangunkan bakat mahir dan berdaya saing dalam bidang berkaitan untuk menyokong industri logistik moden. Langkah ini dijangka meletakkan Malaysia sebagai hab logistik yang berdaya saing pada peringkat serantau.

Industri Diterajui Digital dan Inovasi

Belanjawan 2025 akan menjadi asas utama dalam membina ekonomi yang dipacu oleh digital dan inovasi seterusnya meletakkan Malaysia ke arah mencapai negara berpendapatan tinggi. Justeru, Pelan Induk Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) akan memainkan peranan penting dalam menyokong usaha Kerajaan untuk menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital menjelang 2030. Pelan ini akan memberikan manfaat ketara kepada PMKS dengan menggalakkan penerimgunaan digital, menambah baik infrastruktur, memperluas akses pasaran, memperkasakan program peningkatan kemahiran dan latihan semula, memperkukuh keselamatan siber serta mempertingkatkan produktiviti dan daya saing. Seiring dengan usaha tersebut, GEAR-uP akan memberikan tumpuan kepada memperkukuh kerjasama antara industri HGHV dengan PMKS dalam rantai bekalan melalui platform digital.

Kerajaan akan memberikan keutamaan kepada keselamatan siber di seluruh rangkaian infrastruktur digital yang menghubungkan semua pengguna bagi memastikan ekosistem yang selamat dan terjamin ke arah keyakinan pelabur dan perniagaan yang tinggi. Melalui Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Kerajaan akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk menangani ancaman

keselamatan siber dengan memastikan pematuhan terhadap Akta Keselamatan Siber 2024 [Akta 854]. Langkah ini termasuk membina kapasiti dalam jentera kerajaan melalui penilaian risiko siber dan latihan audit untuk memperkukuh ketahanan infrastruktur digital negara.

Ketersambungan yang berterusan dan stabil di seluruh negara menjadi keutamaan melalui perluasan rangkaian komunikasi merangkumi kawasan liputan terhad yang bertujuan terutamanya untuk menggalakkan pelaburan dalam pusat data, pengkomputeran awan dan perkhidmatan dipacu teknologi lain. Usaha ini merangkumi pembangunan infrastruktur internet yang menyeluruh dan stabil bagi memudah cara inovasi dan penerimgunaan teknologi termaju seperti robotik, AI dan internet benda (IoT) seterusnya dapat menarik minat pelabur yang meneroka persekitaran berteknologi tinggi.

Belanjawan 2025 juga menjuruskan usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai antara 20 hab pemula global menjelang 2030 melalui inisiatif KL20. Inisiatif ini akan mewujudkan persekitaran yang kondusif, menggalakkan pelaburan dan peluang untuk modal teroka serta menggalakkan lebih banyak pembiayaan untuk syarikat pemula bagi memacu inovasi di Malaysia.

Secara keseluruhan, Kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap penambahbaikan peraturan supaya selaras dengan kemajuan teknologi bagi memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif dalam menangani jurang akses dan literasi digital.

Peneraju Global dalam Ekonomi Islam

Langkah memperkukuh Malaysia sebagai peneraju global dalam ekonomi Islam merupakan antara inisiatif utama di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Inisiatif ini termasuk menempatkan Malaysia sebagai hab serantau bagi menggalakkan perkembangan kewangan Islam. Sehubungan itu, Kerajaan

terus komited untuk meningkatkan inovasi dengan memberikan tumpuan kepada pembaharuan berasaskan nilai serta menarik pembiayaan sektor swasta dan antarabangsa. Justeru, Belanjawan 2025 akan menyokong usaha pemain utama kewangan Islam termasuk institusi kewangan, pelabur dan cendekiawan untuk memperkukuh pengiktirafan ke atas Malaysia sebagai inovator dan peneraju dalam kewangan dan pembangunan mampan.

Di samping itu, Kerajaan akan memanfaatkan instrumen kewangan sosial Islam dan instrumen perkongsian risiko Islam lain serta instrumen kewangan inovatif seperti wakaf, sedekah dan modal teroka Islam bagi menangani jurang pembiayaan dalam membangunkan perniagaan Islam seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. Bagi meningkatkan pengantaraan kewangan, garis panduan seperti Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) dan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) akan ditambah baik. Inisiatif ini dapat menyokong agenda negara dalam mencapai SDG di samping menggalakkan usaha niaga berpotensi tinggi.

Sebagai peneraju dalam industri halal, Kerajaan akan terus mempermudah proses pensijilan halal dengan menyeragamkan prosedur antara negeri melalui penerimgunaan aplikasi digital bagi memperkemas dokumentasi, menjalankan audit secara cekap serta memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan keselamatan dan pengesanan di sepanjang rantai bekalan. Di samping itu, Kerajaan juga akan menggalakkan industri halal hijau dengan menyepadukan amalan mampan untuk mematuhi konsep *toyyib*. Garis panduan dan sokongan latihan yang jelas akan disediakan melalui kerjasama dengan rakan kongsi industri bagi memperkukuh lagi ekosistem.

PMKS sebagai Juara Serantau

Peranan PMKS dalam ekonomi penting untuk mewujudkan pekerjaan, memupuk inovasi dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Kerajaan melalui Belanjawan 2025 akan terus

menyediakan skim pembiayaan melalui DFI. Selain itu, pendanaan bersama, pendanaan awam ekuiti (ECF), pembiayaan peer-to-peer (P2P) dan skim jaminan akan diteruskan dengan kerjasama institusi kewangan swasta bagi memperkukuh ekosistem dan memudahkan akses kepada pembiayaan pada setiap peringkat kitaran pertumbuhan perniagaan. Langkah ini akan membolehkan PMKS memanfaatkan potensi untuk menyertai rantai bekalan global, mematuhi keperluan ESG, memanfaatkan teknologi dan digitalisasi serta mengekalkan bakat kritikal.

Belanjawan 2025 akan menyediakan pembiayaan mikro untuk PMKS Bumiputera melalui DFI dan agensi berkaitan untuk memacu inisiatif transformasi di bawah Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) bagi mempertingkatkan keusahawanan dalam kalangan Bumiputera. Kerajaan juga akan mempromosikan sumber pembiayaan alternatif terutamanya melalui modal teroka dan pelabur budiman bagi memudahkan inkubator perniagaan serta platform untuk berhubung dengan perniagaan lain dan pelanggan berpotensi. Kerajaan akan menggalakkan syarikat induk yang melaksanakan projek awam untuk mendapatkan bekalan dan bahan mentah daripada syarikat Bumiputera yang kompeten dan berkelayakan bagi memperkukuh pembangunan PMKS Bumiputera. Inisiatif ini boleh diperluas dengan memperkukuh program pembangunan vendor dan melatih lebih ramai usahawan Bumiputera.

Kemampuan Ekonomi

Belanjawan 2025 akan menyokong komitmen untuk meluaskan sumber tenaga boleh baharu, inisiatif kecekapan tenaga serta pemuliharaan dan pengurusan sumber asli yang mampan. Langkah tersebut bertujuan untuk mengurangkan kos operasi, meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga, meningkatkan daya saing dan mengurangkan jejak alam sekitar ke atas pertumbuhan

ekonomi Malaysia. Komponen teras kemampuan akan menjadi tonggak ekonomi kitaran yang beralih daripada model tradisional linear 'ambil-buat-guna-buang' kepada amalan yang lebih inovatif dan cekap. Usaha akan dipergiat untuk meningkatkan kadar kitar semula negara melalui Blueprint Ekonomi Kitaran bagi Sisa Pepejal (2025 – 2035) dan Kerangka Polisi Ekonomi Kitaran untuk Sektor Pembuatan.

Sektor pertanian juga akan diperkukuh melalui inovasi dan rekayasa di sepanjang rantai nilai agromakanan, memaksimumkan kecekapan sumber dan meminimumkan sisa seterusnya menyumbang kepada keterjaminan makanan negara. Kerajaan akan menambah baik struktur pengairan serta menggalakkan penggunaan teknologi dan amalan pertanian mampan bagi meningkatkan hasil dan daya tahan tanaman. Usaha meningkatkan persediaan menghadapi bencana alam akan diteruskan bagi mengurangkan risiko kepada petani. Selain itu, infrastruktur dan rantai bekalan yang cekap seperti jalan raya dan kemudahan penyimpanan yang lebih baik akan meningkatkan pengedaran dan pemasaran produk pertanian. Kerjasama serantau dan antarabangsa juga akan dimanfaatkan untuk meningkatkan perkongsian pengetahuan, sumber dan teknologi, seterusnya menjadikan sektor pertanian lebih kukuh dan kurang terdedah kepada turun naik pasaran global. Usaha tersebut akan membantu Malaysia mencapai kadar keterjaminan makanan dan sara diri yang lebih tinggi.

Menaikkan Lantai: Meningkatkan Kualiti Hidup

Negara yang makmur menyediakan peluang kepada rakyat untuk terus maju dengan merealisasikan potensi unik setiap individu seterusnya menyumbang kepada pengukuhan komuniti. Belanjawan 2025 menumpukan kepada pendekatan tata kelola yang menyeluruh dan inklusif dengan memberikan

penekanan kepada kestabilan sosial, ekonomi dan politik. Langkah ini selaras dengan strategi nasional untuk 'Menaikkan Lantai' bertujuan untuk membina masyarakat yang lebih adil dengan menyokong golongan kurang berkemampuan daripada aspek ekonomi untuk memastikan setiap individu dapat menikmati keterjaminan ekonomi secara bermaruah. Bagi memastikan trajektori pembangunan Malaysia terus mampan dan makmur, Belanjawan ini memberikan keutamaan kepada mewujudkan pekerjaan berkualiti dan taraf hidup yang wajar; memastikan kesaksamaan dan inklusiviti; meningkatkan akses universal kepada pendidikan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti; membangunkan infrastruktur bertaraf dunia berpaksikan rakyat; menambah baik perlindungan sosial; memelihara warisan negara dan muafakat; serta melindungi kedaulatan dan kemaslahatan negara.

Pekerjaan Terhormat dan Taraf Kehidupan yang Wajar

Usaha menarik pelaburan berkualiti dalam industri berteknologi tinggi dan inovatif penting bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan mahir dalam negara. Strategi akan dilaksanakan di bawah Belanjawan 2025 untuk menambah baik persekitaran perniagaan melalui penyelarasan proses peraturan dan insentif secara bersasar untuk memacu pertumbuhan ekonomi melalui guna tenaga yang kompeten dan berdaya tahan.

Kerajaan juga akan terus mempergiat usaha untuk meningkatkan taraf hidup dengan menggalakkan gaji wajar. Bagi mempercepat penyediaan ekosistem gaji yang lebih holistik dan mengurangkan jurang gaji, peranan Majlis Perundingan Gaji Negara akan terus diperkukuh termasuk membuat penanda aras dengan organisasi yang sama di luar negara seperti Fair Work Commission di Australia dan National Wage Council di Singapura.

Di samping itu, Kerajaan akan menambah baik liputan perundingan kolektif melalui kerjasama *tripartite* yang lebih baik untuk meningkatkan struktur gaji dan faedah bukan gaji. Kerajaan sedang mengkaji penyediaan garis panduan gaji permulaan dengan mengambil kira pelbagai aspek termasuk kelayakan pendidikan, pengalaman, kategori kemahiran dan lokasi pekerja bagi pampasan yang lebih baik. Di bawah inisiatif GEAR-uP, entiti GLIC dan GLC juga komited untuk menjadi contoh dalam kalangan sektor korporat bagi memastikan semua pekerja dalam organisasi dan ekosistem syarikat menerima gaji bulanan yang wajar dengan pelarasan kenaikan gaji tahunan sejajar dengan peningkatan produktiviti. Keseluruhan langkah tersebut dapat membantu mewujudkan mekanisme penetapan gaji lebih seimbang yang boleh meningkatkan produktiviti dan pengembangan perniagaan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pampasan pekerja dan menggalakkan pembangunan ekonomi yang inklusif.

SISIPAN 1.3**Menaikkan Lantai: Keperluan Gaji yang Lebih Bermakna****Pendahuluan**

Setiap pekerja berhak mendapat kehidupan yang bermakna dengan memperoleh gaji wajar bagi menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf kehidupan. Gaji wajar merujuk kepada tahap pampasan yang membolehkan pekerja dan keluarga mengekalkan taraf hidup yang munasabah. Gaji wajar merupakan aspek penting untuk mencapai kehidupan wajar yang menjadi teras kepada pembangunan ekonomi dan sosial serta meningkatkan keadilan sosial. Gaji juga memainkan peranan penting untuk mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamaan serta memastikan kehidupan wajar dan bermaruah (International Labour Organisation, 2024).

Gaji merupakan sumber pertumbuhan penting dan telah dikenal pasti sebagai pemangkin dalam menangani isu struktural ekonomi tertentu. Lebih 70% daripada pampasan pekerja (PP)¹ merupakan komponen gaji. Analisis oleh Centre for Future Labour Market Studies pada 2022 dan Khazanah Research Institute (KRI) pada 2023 menunjukkan bahawa PP yang lebih tinggi mempunyai kesan positif dalam meningkatkan produktiviti, penyertaan tenaga buruh wanita, penerimgunaan teknologi serta mengurangkan aktiviti tidak formal, ketidaksamaan, penghijrahan keluar bakat dan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah dalam ekonomi.

Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 dan kerangka Ekonomi MADANI telah menetapkan sasaran bahagian PP daripada KDNK sebanyak 40% menjelang 2025 dan 45% menjelang 2033. Justeru, pelbagai strategi telah dilaksanakan untuk mengukuhkan pembaharuan institusi dan menstruktur semula ekonomi bagi meningkatkan kesejahteraan dan maruah rakyat melalui tahap gaji yang lebih bermakna. Inisiatif untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula pekerja serta meningkatkan produktiviti telah diperkukuh bagi mentransformasikan ekosistem gaji supaya lebih kondusif seterusnya membolehkan pekerja menerima gaji yang lebih progresif dan kompetitif.

Rencana ini memberikan gambaran ringkas mengenai dasar semasa gaji di Malaysia, mekanisme penetapan gaji dan naratif mengenai struktur gaji merentasi pelbagai aspek ekonomi.


Sintesis dan Ringkasan

Di Malaysia, pekerja diberikan pampasan berdasarkan mekanisme penetapan pembayaran gaji yang dipersetujui dengan majikan. Mekanisme tersebut semakin pelbagai dan ditadbir urus melalui akta dan garis panduan yang berbeza. Mekanisme yang paling biasa digunakan adalah berdasarkan kontrak perkhidmatan yang dipersetujui bersama di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265] atau melalui perundingan kolektif antara majikan dengan kesatuan sekerja. Kesatuan yang teguh mampu mewakili pekerja untuk merundingkan peningkatan gaji dan faedah seterusnya menjurus kepada pampasan lebih tinggi dan hasil pekerjaan yang lebih baik. Kajian oleh KRI menganggarkan liputan perundingan kolektif di Malaysia adalah sekitar 0.4% pada 2018 iaitu jauh lebih rendah berbanding purata OECD sebanyak 32.1%.

¹ Merangkumi saraan dalam bentuk tunai dan bukan berbentuk wang serta caruman sosial majikan yang perlu dibayar kepada pekerja.

Mekanisme lain adalah berdasarkan prestasi seperti sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti yang diperkenalkan pada 1990-an bertujuan untuk memadamkan gaji pekerja supaya selaras dengan tahap produktiviti. Sementara itu, dasar gaji minimum berkanun yang dilaksanakan pada Januari 2013 telah diwujudkan untuk membolehkan pampasan yang adil kepada pekerja yang bergaji rendah.

RAJAH 1.3.1. Pampasan Pekerja dan Lebihan Kendalian Kasar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


JADUAL 1.3.1. Pampasan Pekerja mengikut Negara Terpilih

	2020	2021	2022	2023
Malaysia	37.4	35.1	32.3	33.1
Filipina	34.8	36.7	36.4	35.5
Singapura	42.8	37.6	35.1	38.5
Republik Korea	48.2	46.7	47.5	47.9
Australia	48.2	47.7	45.8	45.9
Belanda	50.6	48.2	47.1	47.0
Kanada	52.3	50.4	49.2	51.1
United Kingdom	52.0	50.6	49.2	49.5
Jerman	54.4	53.0	52.2	52.4
Amerika Syarikat	54.6	53.2	52.2	53.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Namun begitu, purata pertumbuhan gaji kekal rendah sepanjang dekad yang lalu. Faedah pertumbuhan yang diukur melalui PP juga kekal menunjukkan perubahan yang tidak ketara serta jauh lebih rendah berbanding negara lain. Masih terdapat jurang dan perbezaan gaji yang ketara dalam kalangan pekerja mengikut kategori kemahiran, lokasi, sektor, pekerjaan dan pencapaian pendidikan. Justeru, keadaan tersebut terus menjadi cabaran dalam usaha untuk 'Menaikkan Lantai' seperti yang dihasratkan menerusi kerangka Ekonomi MADANI.

RAJAH 1.3.2. Purata Gaji Bulanan mengikut Kategori Kemahiran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


RAJAH 1.3.3. Peratus Perubahan Gaji Benar Bulanan Individu mengikut Peratus Penerima Gaji, 2010 – 2019



Sumber: Khazanah Research Institute dan Jabatan Perangkaan Malaysia


... walaupun pekerja mahir telah mendapat manfaat yang lebih besar daripada kemajuan ekonomi dan dasar gaji minimum pula telah meningkatkan tahap gaji pekerja yang bergaji rendah, namun terdapat segmen tertentu dalam kalangan pekerja yang masih kurang menerima manfaat daripada pertumbuhan ekonomi khususnya 'pekerja bergaji pertengahan yang dihimpit' ...

RAJAH 1.3.4. Keluaran Dalam Negeri Kasar dan Inflasi, 2022



Nota: *termasuk Putrajaya
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 1.3.5. Purata Gaji Bulanan, 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

... secara teorinya, aktiviti ekonomi yang lebih rancak sewajarnya diterjemahkan melalui gaji yang lebih tinggi dan seterusnya mempengaruhi secara langsung kuasa beli dan permintaan agregat. Namun begitu, peningkatan permintaan untuk barangan dan perkhidmatan juga boleh menyebabkan peningkatan harga². Keadaan ini dapat dilihat di negeri seperti Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor. Sebaliknya, aktiviti ekonomi yang kurang produktif di negeri kurang maju³ dengan kos sara hidup yang rendah boleh menyebabkan pekerja ditawarkan gaji lebih rendah sekali gus menghalang pencapaian pembangunan yang lebih inklusif dan kualiti hidup lebih baik ...

² Lingkaran upah dan harga (wage-price spiral) ialah teori makroekonomi yang menerangkan hubung kait sebab-dan-akibat antara kenaikan gaji dengan harga atau inflasi. Memandangkan peningkatan gaji juga meningkatkan pendapatan boleh guna, permintaan untuk barangan juga meningkat sekali gus menyebabkan harga barang naik lebih tinggi.


³ Dalam analisis ini, negeri kurang maju merujuk kepada negeri yang mempunyai pertumbuhan KDNK lebih rendah berbanding KDNK sebenar Malaysia (8.9%).

RAJAH 1.3.6. Purata Gaji Pokok Bulanan mengikut Saiz Syarikat, 2022



Sumber: Pengiraan oleh Kementerian Kewangan Malaysia berdasarkan survei Persatuan Majikan-Majikan Malaysia

RAJAH 1.3.7. Purata Julat Gaji Bulanan bagi Eksekutif dan Bukan Eksekutif, 2022




Sumber: Pengiraan oleh Kementerian Kewangan Malaysia berdasarkan survei Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia

... secara purata, tiada perbezaan gaji yang ketara dalam kalangan pekerja mengikut saiz syarikat terutamanya bagi peringkat eksekutif dan eksekutif kanan. Keadaan ini juga mencerminkan bahawa syarikat lebih besar⁴ tidak semestinya mengagihkan peningkatan keuntungan syarikat dalam bentuk gaji yang lebih tinggi. Dari aspek kategori perjawatan, pengurusan atasan menerima gaji 20 kali ganda lebih tinggi berbanding kategori bukan eksekutif dan 10 kali ganda lebih tinggi berbanding kategori eksekutif junior. Sekiranya isu jurang gaji tersebut tidak ditangani, aspirasi untuk ‘Menaikkan Lantai’ di bawah kerangka Ekonomi MADANI sukar untuk dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.


⁴ SME Corp. mendefinisikan PKS sebagai syarikat dengan jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang (pembuatan); atau jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang (perkhidmatan dan sektor lain). Oleh itu, syarikat yang melebihi had ini dianggap sebagai syarikat besar.

RAJAH 1.3.8. Gaji Pokok Bulanan mengikut Sijil Kemahiran Malaysia



Sumber: Kementerian Sumber Manusia dan pengiraan oleh Kementerian Kewangan Malaysia berdasarkan survei Persekutuan Majkan-Majikan Malaysia


RAJAH 1.3.9. Peratusan Graduan TVET mengikut Gaji Permulaan



Sumber: Pengiraan oleh Kementerian Kewangan Malaysia berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia


Dasar Kerajaan dalam mempromosikan pekerjaan berkaitan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) sebagai pilihan kerjaya dalam kalangan belia juga terus mencabar kerana graduan dengan kelayakan TVET atau kemahiran masih menerima gaji yang kurang menarik. Walaupun terdapat peningkatan dalam peratusan graduan TVET yang menerima gaji melebihi RM2,000, namun peratusan yang menerima gaji di bawah RM2,000 masih ketara ...

RAJAH 1.3.10. Gaji Pokok Permulaan untuk Graduan Lantikan Baharu Lulusan Dalam dan Luar Negara, 2021



Sumber: Pengiraan oleh Kementerian Kewangan Malaysia berdasarkan survei Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia

RAJAH 1.3.11. Peratus Graduan mengikut Gaji Permulaan



Sumber: Pengiraan oleh Kementerian Kewangan Malaysia berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

... dari perspektif lain, graduan yang baharu diambil bekerja menerima tahap gaji yang hampir sama tanpa mengira sama ada graduan lepasan institusi tempatan atau luar negara. Namun begitu, lebih 50% daripada graduan yang baru menamatkan pengajian menerima gaji permulaan di bawah RM2,000 sebulan sejak sedekad yang lalu ...

RAJAH 1.3.2. *Perbelanjaan Minimum Bulanan di Bandar Utama, 2022/2023*

BANDAR	BUJANG		PASANGAN BERKAHWIN			IBU/BAPA TUNGGAL		WARGA EMAS	
	PENGGUNA PENGANGKUTAN AWAM	PEMILIK KERETA	0 ANAK	1 ANAK	2 ANAK	1 ANAK	2 ANAK	PASANGAN	INDIVIDU
Lembah Klang	1,930	2,600	4,630	5,980	6,890	4,740	5,650	3,210	2,520
Georgetown	1,830	2,430	4,360	5,640	6,370	4,460	5,190	3,140	2,450
Johor Bahru	1,760	2,290	4,110	5,360	6,100	4,200	4,940	3,020	2,330
Bandar Melaka	1,730	2,270	4,010	5,140	5,850	4,020	4,720	2,830	2,180
Seremban	1,720	2,300	4,170	5,400	6,130	4,250	4,980	2,910	2,250
Kota Kinabalu	1,710	2,230	4,000	5,130	5,840	4,000	4,710	2,930	2,290
Kuantan	1,710	2,230	3,910	5,030	5,740	3,900	4,610	2,780	2,130
Ipoh	1,680	2,270	3,970	5,140	5,850	4,020	4,730	2,840	2,190
Kuching	1,680	2,210	3,920	5,020	5,720	3,890	4,590	2,790	2,160
Kuala Terengganu	1,630	2,160	3,820	4,920	5,610	3,820	4,510	2,730	2,090
Kota Bharu	1,540	2,110	3,750	4,830	5,520	3,720	4,400	2,690	2,050
Alor Setar	1,530	2,060	3,680	4,760	5,430	3,660	4,340	2,630	2,020

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Malaysia

... keadaan tersebut membuktikan bahawa majoriti graduan yang baru menamatkan pengajian memasuki pasaran pekerjaan dengan pendapatan yang tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan minimum bulanan⁵ bagi menikmati kehidupan yang lebih wajar dan bermakna seperti yang dicadangkan dalam Belanjawanku 2022/2023. Menurut KRI (2023), gaji permulaan individu memainkan peranan penting dalam menentukan gaji keseluruhan dan kemajuan kerjaya. Gaji permulaan yang rendah bukan sahaja menyebabkan kadar kenaikan gaji tahunan juga rendah, malah akan menyebabkan individu bekerja mengambil masa yang lebih lama untuk menikmati tahap gaji yang mencukupi.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, struktur gaji sedia ada di Malaysia masih menunjukkan jurang yang ketara merentasi pelbagai aspek meskipun terdapat pelbagai mekanisme penetapan gaji. Terdapat segmen tertentu dalam kalangan pekerja terutamanya graduan tertuari yang terus menerima gaji yang kurang kompetitif seterusnya menimbulkan cabaran bagi individu untuk menjalani kehidupan yang lebih bermakna. Jika matlamat untuk 'Menaikkan Lantai' seperti digariskan dalam kerangka Ekonomi MADANI melalui gaji lebih tinggi ingin direalisasikan, pelaksanaan pembaharuan dasar dan institusi penting untuk mentadbir urus gaji secara cekap dan bersepadu berdasarkan pendekatan seluruh negara. Justeru, terdapat keperluan untuk membangunkan garis panduan penetapan gaji yang standard untuk menambah baik struktur gaji di Malaysia.

⁵ Laporan Belanjawanku 2022/2023 oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menganggarkan perbelanjaan minimum bulanan untuk dewasa bujang yang memiliki kereta dan menetap di bandar utama di Malaysia adalah melebihi RM2,000.

Peluang Kesaksamaan dan Inklusif

Belanjawan 2025 akan memberikan tumpuan sewajarnya kepada komuniti Orang Asli, orang kurang upaya (OKU) dan kumpulan rentan lain untuk mengurangkan ketidaksamaan dan meningkatkan keterangkuman. Kerajaan akan terus menyediakan sistem pendidikan khas dan infrastruktur untuk meningkatkan penyertaan ekonomi komuniti tersebut melalui peluang pekerjaan dan keusahawanan serta kesaksamaan gaji. Belanjawan ini akan menyediakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Justeru, Kerajaan akan memberikan insentif kepada majikan yang menggaji wanita kembali semula berkerjaya, menyediakan perkhidmatan padanan pekerjaan, mempertingkatkan kemudahan perkhidmatan penjagaan mampu milik serta menggalakkan aturan kerja fleksibel untuk menarik dan mengekalkan bakat. Selain itu, langkah meluaskan penglibatan masyarakat sivil dan menyokong inisiatif akar umbi yang memperjuangkan keperluan dan hak komuniti tersebut dapat membantu membina masyarakat yang lebih inklusif dan adil.

Akses Sejagat kepada Pendidikan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Berkualiti

Bagi meningkatkan keberhasilan pembelajaran pendidikan, ekosistem pengajaran dan pembelajaran akan ditambah baik bagi memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran kritikal yang diperlukan untuk pembangunan dan pekerjaan masa hadapan. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus memperuntukkan sumber yang mencukupi melalui Belanjawan 2025 untuk menjamin akses kepada pendidikan berkualiti

bagi semua kanak-kanak. Pendidikan wajib akan diperluas supaya semua murid menamatkan sekurang-kurangnya 11 tahun pendidikan formal. Bagi memperkukuh kualiti pengajaran, Kerajaan akan menambah baik program latihan perguruan. Penekanan juga akan diberikan kepada peningkatan kemahiran literasi dan numerasi asas, menaik taraf kemudahan dan infrastruktur khususnya di sekolah daif, menyediakan ketersambungan internet yang stabil di semua sekolah serta mempercepat pembangunan projek sekolah baharu.

Dalam usaha melahirkan bakat mahir kompetitif yang memenuhi permintaan industri, kurikulum bagi program pengajian tinggi akan diselaraskan dengan keperluan semasa pasaran melalui kerjasama industri yang kukuh. Belanjawan 2025 akan terus mengutamakan inisiatif peningkatan kemahiran dan latihan semula bagi melengkapi pekerja dengan set kemahiran terkini yang diperlukan untuk pasaran pekerjaan semasa. Di samping itu, usaha akan dipergiat untuk memupuk kerjasama strategik antara industri dengan akademia bagi memastikan penawaran program TVET adalah berdasarkan permintaan industri. Sebagai sebahagian daripada strategi berterusan untuk mengiktiraf dan meningkatkan reputasi TVET sebagai pilihan kerjaya, Panduan Gaji Permulaan³ sedia ada wajar dikaji dengan mengambil kira kemajuan ekonomi dan kenaikan kos sara hidup. Panduan ini boleh dijadikan rujukan alternatif kepada industri dalam menetapkan gaji permulaan kepada graduan TVET. Kerajaan juga akan meneruskan libat urus bersama sekolah aliran agama seperti tahfiz bagi menyediakan peluang melanjutkan pelajaran di institusi TVET semasa atau setelah tamat pengajian program tahfiz sebelum memasuki kerjaya profesional.

³ Panduan Gaji Permulaan 2020 diterbitkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Garis panduan ini menyediakan maklumat mengenai gaji pokok permulaan bagi 200 pekerjaan terpilih mengikut kategori kemahiran (SKM 1 hingga SKM 5) yang mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran buruh.

Kerajaan juga komited untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang cepat kepada rakyat dan seterusnya meningkatkan kecekapan sistem penyampaian untuk mencapai akses sejagat kepada perkhidmatan berkualiti. Usaha ini termasuk meluaskan perkhidmatan komuniti bergerak, menaik taraf peralatan dan kemudahan hospital serta klinik di samping memastikan bilangan kakitangan penjagaan kesihatan yang mencukupi untuk mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif di semua pusat kesihatan. Dalam masa yang sama, usaha akan diberikan untuk mentransformasikan sistem penjagaan kesihatan daripada tumpuan rawatan penyakit kepada pencegahan penyakit. Belanjawan 2025 akan memastikan kemampuan sistem penjagaan kesihatan awam melalui pembiayaan inovatif dalam perolehan peralatan perubatan bagi menangani isu peningkatan kos perolehan dan penggantian peralatan berikutan kemajuan teknologi yang pesat.

Infrastruktur Asas Berkualiti

Kerajaan komited dalam menambah baik infrastruktur asas berpaksikan rakyat dengan memperkukuh perancangan bandar, akses jalan raya, air terawat dan bekalan elektrik di kawasan bandar dan luar bandar dengan tumpuan diberikan kepada kawasan yang kurang mendapat liputan perkhidmatan. Di bawah Belanjawan 2025, pelaburan infrastruktur yang memberikan fokus terhadap teknologi yang kos efektif dan inovatif akan terus dilaksanakan terutamanya di kawasan terpencil. Sehubungan itu, peruntukan pembangunan luar bandar akan terus disediakan bagi menangani jurang pembangunan dan menambah baik infrastruktur daif. Kerajaan juga akan menyediakan capaian internet yang stabil dan mampu milik bagi membolehkan rakyat

mendapat manfaat daripada teknologi digital seterusnya meluaskan akses kepada aktiviti sosioekonomi sekali gus memastikan tiada sesiapa yang tercicir.

Dalam membangunkan perumahan mampu milik yang berkualiti untuk rakyat, Belanjawan 2025 akan terus menyediakan kawasan kejiranan yang selamat dengan persekitaran hidup yang sihat seterusnya menyumbang kepada masyarakat yang makmur. Fokus juga akan diberikan bagi menyediakan penyelesaian perumahan secara inklusif untuk manfaat warga emas serta kumpulan terpinggir dan mudah terjejas. Langkah ini termasuk penyediaan kemudahan jaminan kredit yang ditawarkan untuk pembelian rumah yang dibina di atas tanah wakaf. Di samping itu, Kerajaan akan terus memberikan keutamaan dalam menyediakan perumahan yang bersepadu, mampan dan boleh didiami untuk golongan berpendapatan rendah. Belanjawan ini juga akan memudahkan akses pemilikan rumah bagi golongan muda penjawat awam.

Kerajaan juga akan memberikan tumpuan terhadap peningkatan mobiliti antara negeri melalui projek seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Lingkaran Tengah Utama (LTU) dan Lebuhraya Pan Borneo untuk merencanakan aktiviti ekonomi. Lebuhraya sedia ada akan terus diselenggara dan dinaik taraf bagi memastikan pengangkutan yang lancar dan cekap sekali gus menambah baik ketersambungan serta memudah cara perdagangan, menggalakkan pelancongan dan merencanakan ekonomi secara keseluruhan. Kerajaan juga merancang memperluas dan meningkatkan sistem aliran transit sedia ada termasuk kereta api dan bas pengantara bagi masyarakat bandar. Penambahbaikan ini bertujuan untuk menyediakan rangkaian pengangkutan awam yang lebih cekap dan

boleh dipercayai bagi mengurangkan kesesakan dan meningkatkan kesalinghubungan antara bandar. Penambahbaikan sistem aliran transit bandar oleh Kerajaan bertujuan menggalakkan pembangunan bandar secara mampan, mengurangkan pelepasan karbon dan meningkatkan kualiti hidup penduduk bandar dengan mengurangkan masa perjalanan serta meningkatkan keselamatan dan kebolehpercayaan. Langkah tersebut merupakan sebahagian daripada strategi menyeluruh untuk merencanakan aktiviti ekonomi dengan jaringan ketersambungan infrastruktur yang mantap, mampan dan cekap yang memberikan manfaat kepada perniagaan dan rakyat.

Perlindungan Sosial dan Kos Sara Hidup

Peningkatan kesejahteraan rakyat merupakan antara keberhasilan utama yang ditetapkan di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Belanjawan 2025 akan terus menambah baik sistem perlindungan sosial negara khususnya untuk meningkatkan jaringan keselamatan sosial dan insurans sosial. Selain itu, Kerajaan akan terus menambah baik STR, SARA dan BAP serta memperluas Program Payung RAHMAH bagi membantu rakyat mengurangkan beban kos sara hidup. Bagi membasmi kemiskinan, program IPR dan SejaTi MADANI akan

diperluas dalam memperkasakan komuniti melalui pelaksanaan projek yang boleh menjana pendapatan tambahan.

Malaysia kini merupakan negara menua⁴. Justeru, Belanjawan 2025 juga akan terus menambah baik sistem perlindungan sosial untuk warga emas dengan meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan menggalakkan aktiviti sosial secara lebih aktif. Kerajaan juga akan meningkatkan peluang pembelajaran sepanjang hayat dan celik kewangan kepada komuniti warga emas. Langkah tersebut bertujuan untuk memastikan warga emas mendapat akses kepada penjagaan berkualiti, kekal aktif dalam masyarakat dan menjalani kehidupan yang bermakna.

Bagi memastikan kebajikan individu yang bekerja sendiri dan pekerja gig terpelihara, Kerajaan akan memperluas Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan mengukuhkan dasar dan undang-undang berkaitan. Di samping itu, Kerajaan telah mengambil langkah untuk membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan perkhidmatan kesihatan melalui skim insurans mikro dan menggalakkan lebih ramai rakyat memiliki insurans kesihatan swasta.

⁴ Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, 7.7% daripada jumlah penduduk Malaysia berumur 65 tahun dan ke atas pada 2024.

RENCANA 1.2

Memperkasakan Inisiatif Bantuan Sosial Malaysia: Kajian Kes Penerima Sumbangan Tunai Rahmah 2024

Pengenalan

Rangka kerja perlindungan sosial yang komprehensif dan berkesan merupakan inisiatif penting dalam ekonomi yang sedang pesat membangun seperti Malaysia. Sistem perlindungan sosial terdiri daripada tiga teras utama iaitu bantuan sosial, insurans sosial dan intervensi pasaran buruh. Berdasarkan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020, pandemik COVID-19 telah memberikan kesan terhadap isi rumah dan perniagaan yang menunjukkan sekitar 20% daripada kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan (M40) telah jatuh ke dalam kategori kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) yang telah menyebabkan peningkatan besar dalam perbelanjaan Kerajaan untuk mengurangkan kesan krisis (Bank Dunia, 2020). Selain itu, dasar sifar COVID-19 di China, konflik Rusia-Ukraine yang berpanjangan, harga komoditi dunia yang tinggi serta isu global dan serantau yang lain telah mengakibatkan gangguan rantaian bekalan. Senario ini turut memberikan impak yang ketara terhadap peningkatan kos sara hidup termasuk kepada kumpulan M40 serta kumpulan isi rumah berpendapatan 20% teratas (T20) yang memerlukan lebih tumpuan diberikan kepada sistem perlindungan sosial yang lebih komprehensif.

Kerajaan telah menyediakan peruntukan fiskal yang besar bagi program bantuan sosial bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Bantuan tersebut diagihkan dalam bentuk pindahan tunai dan barangan serta subsidi. Antara tahun 2000 dan 2023, Kerajaan membelanjakan lebih RM725 bilion dengan purata tahunan sebanyak RM30 bilion. Perbelanjaan ini meliputi 13.5% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kerajaan bagi tempoh tersebut. Namun begitu, masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk mempertingkatkan keberkesanan program ini bagi meningkatkan daya tahan rakyat terutamanya golongan rentan dan golongan yang memerlukan¹. Sehubungan itu, pemerkasaan dasar bantuan sosial negara terutamanya bantuan tunai penting demi menjaga kesejahteraan rakyat. Pemerkasaan ini termasuk keperluan untuk melihat semula liputan yang lebih inklusif dengan mengambil kira golongan yang tercicir daripada memperoleh manfaat tersebut. Rencana ini bertujuan untuk menilai semula dasar bagi memperkukuh keberkesanan program bantuan sosial ke arah mencapai kemampuan fiskal berdasarkan kajian kes program bantuan tunai khususnya Sumbangan Tunai Rahmah (STR)² yang dilaksanakan.

Kajian Kes Program Bantuan Sosial

Kajian terdahulu mengenai Bantuan Sara Hidup (BSH)³ telah dijalankan dari Mac 2020 hingga Jun 2021 oleh Kementerian Kewangan (MoF). Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan program BSH yang memberikan tumpuan terhadap kecekapan operasi, kaedah penyampaian dan impak kepada penerima. Penemuan kajian mendapati kos operasi untuk BSH pada 2020 jauh lebih efektif berbanding standard antarabangsa (6%) iaitu hanya 0.94% daripada jumlah peruntukan yang dibelanjakan. Kos yang rendah ini didorong oleh kaedah yang cekap dalam mengkreditkan pindahan tunai secara terus ke akaun penerima yang membolehkan pembayaran lebih pantas

¹ Perspektif dan cadangan dasar mengenai perkara ini boleh diperolehi dalam rencana Tinjauan Ekonomi 2024: 'Ke Arah Kesaksamaan Pembangunan: Bantuan Sosial Bersasar'. (MoF, 2023).

² Sebelum ini dikenali sebagai Bantuan Rakyat 1 Malaysia, Bantuan Sara Hidup, Bantuan Prihatin Nasional dan Bantuan Keluarga Malaysia.

³ Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Bantuan Sara Hidup dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Universiti Putra Malaysia.

dan meluas. Walau bagaimanapun, kajian mendapati berlaku sedikit kelewatan dalam proses pengeluaran dan terdapat kesukaran pemohon luar bandar mengakses maklumat dalam talian yang mungkin menyebabkan keciciran penerima yang layak. Selain itu, integrasi data dan keberkesanan sistem yang terhad turut dikenal pasti sebagai isu penting yang menyumbang kepada maklumat pemohon tidak dikemaskini. Pada 2023, kos operasi STR semakin berkurang iaitu hanya 0.88% dibelanjakan daripada jumlah keseluruhan yang diperuntukkan dengan 95% penerima menerima pindahan tunai melalui platform dalam talian.

Meskipun terdapat pelbagai cabaran, kajian mendapati program BSH mendapat sambutan yang baik dan memainkan peranan penting dalam strategi pembasmian kemiskinan tanpa menimbulkan sebarang stigma terhadap penerima bantuan. Bantuan kewangan tersebut dapat meringankan kos sara hidup termasuk perbelanjaan keperluan asas terutamanya makanan, bil utiliti dan perbelanjaan lain isi rumah. Dari perspektif kesihatan, bantuan ini dapat menyumbang kepada kesejahteraan fizikal serta kesihatan mental dan emosi seterusnya membolehkan penerima membuat keputusan yang wajar. Selain itu, program bantuan ini memberikan impak positif kepada hubungan kekeluargaan dan komuniti serta penglibatan dalam aktiviti komuniti.

Susulan daripada kajian fasa 1⁴ sebelum ini, MoF seterusnya melaksanakan kajian kes STR fasa 2⁵ pada 2024 yang bertujuan:

- i mengenal pasti corak perbelanjaan dalam kalangan penerima STR;
- ii menilai keberkesanan STR serta bantuan tunai lain; dan
- iii mengesyorkan langkah untuk mengukuhkan keberkesanan keseluruhan program bantuan sosial tunai melalui intervensi pada peringkat makro bagi mencapai kemamparan fiskal.

Metodologi

Kajian kes telah dilaksanakan dari Februari hingga April 2024 dengan 417 responden telah memberikan maklum balas. Kriteria pemilihan sampel meliputi jantina, strata geografi dan kumpulan umur dalam kalangan isi rumah penerima STR yang dikenal pasti daripada Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2022. Pengumpulan data dilaksanakan melalui survei yang dijalankan secara temu bual telefon dan emel serta data sekunder daripada HIES 2022. Semakan silang antara senarai sampel dengan rekod STR daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah dilaksanakan bagi memastikan data yang tepat dan relevan. Survei ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu demografi, corak perbelanjaan dan bantuan lain yang diterima.


Penemuan Utama

Kajian ini mendapati bahawa 54.9% responden terdiri daripada lelaki dan 45.1% perempuan dengan sebahagian besar (57.6%) tinggal di kawasan bandar berbanding 42.4% di luar bandar. Majoriti responden berada dalam kumpulan umur 30 – 59 tahun (42.4%) diikuti kumpulan berumur 60 tahun dan ke atas (37.6%) manakala sebahagian kecil individu berumur di bawah 30 tahun (19.9%). Taburan demografi responden seperti dalam Rajah 1.2.1.

⁴Kajian Penambahbaikan Bantuan Perlindungan Sosial untuk meningkatkan Kemamparan Fiskal dilaksanakan bermula Mac 2023 terdiri daripada 2 fasa. Fasa 1 melibatkan kajian literatur dan analisis desktop. Penemuan kajian fasa-1 telah diterbitkan dalam rencana Tinjauan Ekonomi 2024: 'Ke Arah Kesaksamaan Pembangunan: Bantuan Sosial Bersasar' (MoF, 2023).

⁵ Kajian Penambahbaikan Bantuan Perlindungan Sosial fasa-2 dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia dan Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial.

RAJAH 1.2.1. Taburan Demografi Responden









Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Penemuan kajian menunjukkan kebanyakan penerima pendapatan yang berumur 59 tahun dan ke bawah adalah pekerja swasta atau bekerja sendiri (tidak berdaftar⁶) seperti dalam Rajah 1.2.2. Sebaliknya, terdapat responden berumur 60 tahun dan ke atas masih mengambil bahagian secara aktif dalam ekonomi iaitu 43.3% manakala 36.9% bergantung kepada STR. Analisis lanjut juga membuktikan purata simpanan untuk kumpulan ini adalah sangat rendah, selari dengan penemuan kajian oleh Abd Samad dan Mansor pada 2013. Selain itu, majoriti daripada golongan ini juga masih dibebani dengan komitmen kewangan seperti perbelanjaan sewa rumah.

Di samping itu, majoriti responden hanya memiliki kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau lebih rendah yang menunjukkan sebahagian besar responden memasuki pasaran buruh dengan tahap pendidikan yang terhad. Keadaan ini boleh mengekang potensi mobiliti dan pendapatan isi rumah. Justeru, terdapat hubung kait yang jelas antara tahap pendidikan dengan pekerjaan berkemahiran rendah dan bergaji rendah dalam kalangan kumpulan ini. Kajian ini juga mendapati kebanyakan responden yang mempunyai pendidikan tertiar bekerja dalam pekerjaan yang hanya memerlukan kelayakan minimum di sektor swasta.

⁶ Merujuk kepada golongan yang bekerja sendiri dalam sektor informal iaitu tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana badan profesional.

RAJAH 1.2.2. Taburan Responden mengikut Umur, Jenis Pekerjaan dan Pendidikan

	Pekerjaan	Bahagian (%)		Sijil Tertinggi	Bahagian (%)
 Bawah 30 tahun	Swasta	73.5	 Bawah 30 tahun	Tertiari ¹	33.7
	Bekerja sendiri (Tidak Berdaftar)	14.5		SPM dan setaraf	47.0
	Bekerja sendiri (Berdaftar)	4.8		PMR/SRP dan ke bawah	19.3
	Kerajaan	3.6			
	Lain-lain	3.6			
 30 - 59 tahun	Swasta	52.0	 30 - 59 tahun	Tertiari ¹	16.9
	Bekerja sendiri (Tidak Berdaftar)	20.3		SPM dan setaraf	45.8
	Bekerja sendiri (Berdaftar)	6.8		PMR/SRP dan ke bawah	37.3
	Kerajaan	10.7			
	Pesara kerajaan/ swasta	1.7			
 60 tahun dan ke atas	Lain-lain	8.5	 60 tahun dan ke atas	Tertiari ¹	10.8
	Swasta	18.5		SPM dan setaraf	16.6
	Bekerja sendiri (Tidak Berdaftar)	15.3		PMR/SRP dan ke bawah	72.6
	Bekerja sendiri (Berdaftar)	7.6			
	Kerajaan	1.9			
	Pesara kerajaan/ swasta	16.6			
Warga emas	36.9				
Lain-lain	3.2				


¹ Merujuk kepada semua pendidikan formal lepasan menengah termasuk universiti awam dan swasta, kolej dan institut latihan teknikal
 Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Analisis lanjut tentang penggunaan STR mendapati sebahagian besar bantuan diperuntukkan untuk perbelanjaan keperluan asas. Perbelanjaan utama bagi semua kumpulan umur ialah makanan dan minuman (terutamanya beras dan ayam segar) serta bayaran sewa rumah dan utiliti. Penemuan tersebut menggambarkan isi rumah terus berdepan dengan tekanan kos sara hidup disebabkan oleh kenaikan harga barang keperluan asas. Analisis corak perbelanjaan mengikut kumpulan umur menunjukkan individu berumur bawah 30 tahun mempunyai kecenderungan berbelanja untuk item berkaitan komunikasi. Perbelanjaan responden berumur 30 hingga 59 tahun pula tertumpu kepada pendidikan dan pakaian. Sementara itu, kajian mendapati perbelanjaan penjagaan kesihatan menjadi semakin signifikan kepada individu berumur 60 tahun ke atas berbanding kumpulan umur lain seperti dalam Rajah 1.2.3. Perbezaan corak perbelanjaan penerima STR mengikut kumpulan umur mencerminkan bahawa bantuan yang diterima diperuntukkan terutamanya untuk keperluan asas yang disesuaikan dengan gaya hidup semasa penerima.

Penemuan kajian juga mendapati jumlah keseluruhan perbelanjaan dan komitmen kewangan⁷ melebihi jumlah pendapatan menyebabkan defisit pendapatan bagi semua kumpulan umur seperti dalam Rajah 1.2.4. Defisit paling ketara adalah dalam kumpulan umur 30 hingga 59 iaitu sebanyak RM245 diikuti oleh kumpulan umur bawah 30 tahun sebanyak RM235. Kumpulan umur 60 tahun ke atas mengalami defisit terendah iaitu RM157. Keadaan ini menunjukkan semua kumpulan umur menghadapi tekanan kewangan setelah mengambil kira komitmen bayaran balik hutang. Penemuan tersebut juga menunjukkan isi rumah terus bergelut untuk mengimbangi antara pendapatan dengan perbelanjaan disebabkan oleh komitmen kewangan yang tinggi dan peningkatan kos sara hidup. Justeru, bantuan tunai penting untuk meringankan beban perbelanjaan isi rumah terutamanya bagi mendapatkan keperluan asas dan mengurangkan kesan kenaikan harga.


⁷ Merujuk kepada perbelanjaan bukan penggunaan isi rumah seperti pinjaman perumahan, kenderaan bermotor dan pinjaman peribadi serta bil tertunggak.

RAJAH 1.2.3. Corak Perbelanjaan Bantuan STR mengikut Kumpulan Umur (% Bahagian)



¹ Lain-lain merujuk kepada antara lain termasuk penyenggaraan rumah, rekreasi dan insurans
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia


RAJAH 1.2.4. Pendapatan dan Perbelanjaan mengikut Kumpulan Umur



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sementara itu, analisis menunjukkan hampir 20% responden yang mempunyai dua atau lebih ahli isi rumah turut menerima STR seperti dalam Rajah 1.2.5. Selain daripada ketua isi rumah, bantuan STR turut diterima oleh ahli isi rumah lain iaitu warga emas dan individu bujang.


RAJAH 1.2.5. Penerima STR dalam Satu Isi Rumah (% Bahagian)



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Selain itu, analisis menunjukkan 36.2% isi rumah mendapat manfaat daripada pelbagai bentuk bantuan selain daripada STR. Secara khususnya, 30.7% isi rumah menerima bantuan sosial daripada pelbagai agensi kerajaan persekutuan⁸ diikuti oleh pertubuhan agama dan kebajikan⁹ (3.8%) dan program sokongan komuniti¹⁰ (1.7%) seperti dalam Rajah 1.2.6. Pelbagai bentuk bantuan tersebut menggambarkan terdapat lapisan jaringan keselamatan sosial untuk memenuhi keperluan isi rumah yang berbeza. Sebaliknya, analisis juga mendedahkan 1.7% isi rumah miskin tegar hanya menerima bantuan STR. Sehubungan itu, penekanan perlu diberikan bagi memastikan liputan menyeluruh dalam pemberian bantuan agar tiada individu layak yang tercicir.

RAJAH 1.2.6. *Bantuan Lain Diterima selain STR*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Syor

Berdasarkan penemuan tersebut, cadangan dasar untuk program bantuan sosial di Malaysia adalah seperti berikut:

- **Penguatan kemahiran:** Program pembangunan kemahiran perlu ditambah baik untuk membolehkan pekerja meningkatkan kelayakan serta menambah baik potensi pendapatan bagi menangani isu pekerja bergaji rendah dengan kelulusan SPM atau lebih rendah. Selain itu, akses kepada program pembangunan keusahawanan, sokongan kewangan dan perlindungan sosial perlu diperkukuh bagi meningkatkan penjana pendapatan individu yang bekerja sendiri. Inisiatif tersebut berpotensi meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan tunai dalam jangka masa panjang. Program yang dikhususkan kepada individu berumur 60 tahun dan ke atas yang masih bekerja termasuk pilihan pekerjaan yang fleksibel dan menawarkan lebih banyak faedah kesihatan penting dalam memastikan kestabilan ekonomi dan kesejahteraan kumpulan ini.

⁸ Termasuk Bantuan Awal Persekolahan dan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

⁹ Termasuk Bantuan Baitulmal dan Zakat.

¹⁰ Termasuk bantuan daripada pertubuhan bukan kerajaan seperti bantuan bakul makanan dan sumbangan lain.

- **Kualiti hidup:** Usaha bersepadu diperlukan bagi menangani isu berkaitan kos sara hidup yang tinggi termasuk dasar yang menyokong gaji kehidupan wajar, rumah mampu milik dan gaya hidup sihat. Di samping itu, inisiatif bagi meningkatkan literasi kewangan penting untuk memperkasa individu dalam pengurusan kewangan yang lebih baik. Tambahan pula, kajian semula dasar yang memberikan tumpuan terhadap pengukuhan mekanisme caruman kepada kumpulan berpendapatan rendah terutamanya dalam kalangan individu bekerja sendiri dapat memupuk budaya menabung dan meningkatkan daya tahan kewangan dalam jangka masa panjang.
- **Penyelarasan semula program bantuan:** Kajian menyeluruh program bantuan sosial sedia ada penting untuk kemampanan fiskal. Penyelarasan dasar melalui rangka kerja kawal selia berpusat boleh mengurangkan pertindihan serta meningkatkan penyelarasan dan kecekapan antara agensi. Undang-undang menyeluruh untuk mentadbir sistem perlindungan sosial yang dikawal selia oleh satu agensi perlu diperkenalkan bagi menyelaraskan program yang bertindih dan meningkatkan jumlah penerima manfaat. Kajian semula secara berkala terhadap bantuan semasa penting untuk memastikan penyaluran sumber yang cekap di samping mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan. Sementara itu, penubuhan pusat sehati untuk maklumat bantuan sosial dan pendaftaran boleh memudahkan lagi akses kepada penerima yang layak.
- **Integrasi pangkalan data:** Penerimaan sistem pengurusan data bersepadu yang mengautomasi dan menyatukan semua maklumat untuk mengurangkan kesilapan yang tidak disengajakan yang menyumbang kepada ralat pemasukan dan penyisihan. Pada masa ini, Pangkalan Data Utama (PADU) telah dibangunkan untuk mewujudkan pangkalan data berpusat dan tepat yang boleh mengintegrasikan maklumat melalui keberkesanan platform sedia ada di bawah pelbagai agensi seperti Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS), eBantuan dan eKasih. Inisiatif ini akan memastikan Kerajaan dapat menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat melalui ekosistem digital yang bersepadu.
- **Pendanaan alternatif:** Kerajaan harus meneroka pembiayaan alternatif untuk bantuan sosial seperti wakaf, sedekah dan sumbangan derma yang boleh disepadukan dalam ekosistem bantuan sosial. Pembiayaan alternatif ini akan menggalakkan masyarakat mengambil bahagian dalam pengumpulan dana sosial.

Penemuan kajian kes ini masih berada pada peringkat awal yang memerlukan pelaksanaan kajian lanjut dan lebih terperinci pada masa hadapan. Kajian yang lebih mendalam tentang tingkah laku penerima STR perlu dilaksanakan bagi memperoleh hasil yang lebih baik untuk memastikan penggubalan dasar Kerajaan yang lebih komprehensif.

Kesimpulan

Kerajaan telah menunjukkan komitmen yang kukuh untuk memastikan kesejahteraan rakyat termasuk melalui pemberian bantuan tunai. Walaupun Kerajaan telah memperuntukkan sumber fiskal yang besar kepada program bantuan tunai, pembaharuan secara berkala penting untuk meningkatkan keberkesanan program. Melangkah ke hadapan, Malaysia akan terus berusaha untuk memastikan pengagihan sumber peruntukan yang lebih saksama dan cekap bagi meningkatkan taraf hidup rakyat terutamanya kepada golongan yang memerlukan. Justeru, tumpuan harus diberikan bagi meningkatkan kemahiran pekerja bergaji rendah dan menyediakan bantuan secara bersasar kepada kumpulan mudah terjejas di samping memastikan kemampanan fiskal.

Memelihara Warisan Negara dan Muafakat

Selaras dengan lima prinsip Rukun Negara, nilai teras MADANI bermatlamat memupuk tatasusila, semangat kesukarelawanan, perpaduan, gaya hidup sihat dan aktif serta menghargai kekayaan warisan negara. Selain itu, agenda untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang budaya harus diberikan keutamaan melalui program yang bertujuan memperkukuh integrasi nasional. Usaha ini selaras dengan prinsip Syiar Islam yang menekankan amalan *tasamuh* (toleransi) dan menolak fahaman melampau serta mengekalkan muafakat dan keharmonian rakyat. Belanjawan 2025 akan terus mempromosikan nilai tersebut khususnya dalam kalangan generasi muda melalui sistem pendidikan dan aktiviti sukan di samping memperkasakan masyarakat dalam memelihara dan mempromosikan kepelbagaian warisan budaya, bahasa dan seni negara. Pendekatan yang mengambil kira pelbagai aspek ini dapat memastikan kekayaan tradisi negara diwarisi generasi masa hadapan di samping memupuk perpaduan dalam kepelbagaian.

Menjaga Kedaulatan Negara dan Maslahat

Usaha memelihara kedaulatan negara dan menegakkan maslahat (kepentingan umum) rakyat merupakan teras dalam memastikan keselamatan dan kestabilan Malaysia. Komitmen Kerajaan dalam memastikan keselamatan tanah air dan pertahanan negara penting bagi menangani ancaman dalaman dan luaran demi mengekalkan keamanan dan ketenteraman. Sehubungan itu, Belanjawan 2025 akan terus meningkatkan keupayaan pasukan pertahanan dan agensi keselamatan untuk melindungi kedaulatan negara di samping memastikan perlindungan dan keselamatan rakyat. Keutamaan juga terus diberikan dalam memperkukuh keselamatan sempadan negara terutamanya dalam menguruskan aktiviti rentas sempadan melalui kerjasama strategik antara agensi

dan melindungi keutuhan wilayah dalam mendepani cabaran serantau dan global. Di samping itu, Kerajaan akan memastikan Malaysia berdaya tahan bagi menghadapi sebarang ancaman luar jangka melalui pelaksanaan kawalan kecemasan dan mitigasi di kawasan yang terdedah kepada bencana bagi melindungi nyawa serta meminimumkan gangguan terhadap pembangunan negara.

Pembaharuan Sektor Awam

Pembaharuan sektor awam penting dalam memperkukuh tata kelola dan kebertanggungjawaban serta menambah baik kecekapan dan penyampaian perkhidmatan awam. Dalam mendepani pelbagai cabaran ekonomi, pembaharuan fiskal secara menyeluruh penting untuk meningkatkan ketelusan, mengoptimumkan pengagihan sumber dan mengekalkan disiplin fiskal. Rangka kerja tadbir urus yang kukuh merupakan teras dalam meningkatkan kepercayaan terhadap institusi awam. Selain itu, penyampaian perkhidmatan awam yang lebih berkesan dapat memastikan perkhidmatan kerajaan mudah diakses, cekap dan responsif terhadap keperluan rakyat. Pada masa yang sama, pembaharuan parlimen penting dalam mengukuhkan kebertanggungjawaban, pengawasan perundangan dan tata kelola serta meningkatkan penglibatan awam dalam proses penggubalan dasar.

Pembaharuan Fiskal

Belanjawan 2025 dirangka untuk memperkukuh kemampuan fiskal serta menyokong pertumbuhan ekonomi secara seimbang dan inklusif dalam mendepani ketidakpastian global, ketegangan perdagangan dan ketidakstabilan pasaran kewangan yang berterusan. Justeru, Akta 850 menyediakan panduan yang jelas mengenai pengurusan dasar fiskal untuk meningkatkan disiplin dan tanggungjawab fiskal. Di bawah Akta tersebut, Kerajaan perlu mempelbagaikan sumber hasil,

mengoptimalkan perbelanjaan awam dan menguruskan tahap keberhutangan secara berkesan dengan memberikan penekanan terhadap pengurusan risiko fiskal yang cekap. Oleh itu, pelaksanaan inisiatif pembaharuan fiskal penting bagi memastikan kemampuan dan pengukuhan semula kapasiti fiskal serta daya tahan pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang di samping melindungi kesejahteraan rakyat.

Usaha konsolidasi fiskal akan disokong melalui peningkatan penjana hasil dan pengoptimuman perbelanjaan untuk mencapai kemampuan fiskal jangka masa panjang. Sehubungan itu, Kerajaan akan meluaskan asas cukai, mewujudkan sistem percukaian yang adil dan saksama, meminimumkan ketirisan dan meningkatkan tahap pematuhan cukai. Langkah untuk menambah baik pentadbiran cukai termasuk mempermudah tatacara, memperkemas mekanisme kutipan serta memanfaatkan teknologi termaju dan analitik data. Pengenalan e-Invois akan meningkatkan ketelusan dan pematuhan seterusnya membolehkan pihak berkuasa cukai memantau dan mengesahkan transaksi dengan berkesan serta membantu perniagaan mengurangkan beban pentadbiran dan meningkatkan kecekapan secara keseluruhan.

Di samping itu, Kerajaan sentiasa menyemak semula dasar perbelanjaan bagi memastikan kecekapan, keberkesanan dan nilai untuk wang. Dari segi pengagihan sumber, penerusan pelaksanaan dasar ke arah subsidi bersasar membolehkan Kerajaan mengurangkan pembaziran dan ketirisan serta menyediakan ruang fiskal untuk menambah baik bantuan kepada golongan rentan. Selain itu, penubuhan jawatankuasa khas bagi merasionalisasikan peranan dan fungsi badan berkanun persekutuan akan membantu menghapuskan pertindihan tugas seterusnya meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Tata Kelola

Kerajaan akan terus memberikan penekanan kepada prinsip tata kelola yang baik seperti kebertanggungjawaban, ketelusan dan keterangkuman untuk penyampaian perkhidmatan awam yang berintegriti. Tumpuan akan diberikan untuk memperkukuh integriti institusi dan kebertanggungjawaban sektor awam, menggalakkan penglibatan awam dalam proses tata kelola serta menangani isu birokrasi dan ketidakcekan. Belanjawan 2025 akan mengkaji semula proses pengawalseliaan dan pekeliling yang lapuk, mengukuhkan pendekatan Amalan Baik Peraturan (GRP) dan mempercepat proses kelulusan perniagaan bagi mempertingkatkan kebolehcapaian, kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam. Di samping itu, digitalisasi perkhidmatan awam melalui penggunaan teknologi dalam proses kerja akan dipertingkatkan bagi mempercepat proses pembuatan keputusan Kerajaan.

Kerajaan akan terus menggalakkan pelaburan swasta untuk membiayai pembangunan infrastruktur awam utama melalui Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 (PIKAS 2030) bagi tujuan perkongsian pulangan dan risiko dengan sektor swasta untuk meningkatkan keberhasilan perkhidmatan awam. Usaha ini dapat memacu pembangunan negara melalui penambahbaikan ekosistem perkongsian awam-swasta, penyelarasan berpusat, pembangunan pelbagai projek dan penyegeraan pelaksanaan projek.

Penyampaian Perkhidmatan Awam

Kerajaan komited untuk memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam bagi meningkatkan produktiviti, kecekapan dan daya saing seperti inisiatif STAR. Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 bertujuan untuk mewujudkan perkhidmatan

awam yang lebih dinamik, profesional dan cekap. Belanjawan 2025 akan menyediakan peruntukan kewangan bagi menyokong pelaksanaan SSPA dengan memberikan tumpuan kepada struktur gaji baharu berasaskan prestasi dan kecekapan. Langkah ini bukan sahaja dapat meningkatkan produktiviti bahkan menjadi daya tarikan untuk pembangunan kerjaya dalam sektor awam.

Pada masa yang sama, Kerajaan terus memperkukuh kerjasama antara agensi bagi mengelakkan pertindihan fungsi dan pembaziran sumber. Kerajaan akan merasionalisasikan program dalam dan luar negara serta memperkemas operasi perwakilan luar negara di samping melaksanakan pusingan kerja merentasi pelbagai kementerian dan jabatan bagi mengenal pasti potensi penjimatan kos.

Semua pihak berkepentingan dikehendaki menyertai inisiatif Teknologi Kerajaan (GovTech) yang sedang dilaksanakan bagi memastikan peningkatan kualiti data dan perkhidmatan awam secara menyeluruh. Platform digital yang lancar akan mewujudkan ekosistem kesalinghubungan digital serta membolehkan pelbagai perkhidmatan kerajaan beroperasi secara bersepadu dan selamat. Pangkalan Data Utama (PADU) akan terus berperanan sebagai sistem pengurusan data utama negara yang memusatkan data sosioekonomi daripada semua agensi kerajaan. Data berpusat ini akan dimanfaatkan oleh GovTech bagi membangunkan platform digital seterusnya membolehkan perkhidmatan awam yang lancar, telus dan boleh diakses secara meluas.

Pembaharuan Parlimen

Pembaharuan sedang dilaksanakan untuk memperkukuh peranan parlimen sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap kuasa eksekutif kerajaan bagi meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban tata kelola Kerajaan. Pelaksanaan pembaharuan ini bertujuan memperkukuh amalan demokratik,

memodenkan prosedur parlimen dan meningkatkan keyakinan awam terhadap Kerajaan. Agenda pembaharuan ini juga akan membangunkan instrumen integriti untuk memastikan tata kelola dan tingkah laku yang lebih baik pada semua peringkat pentadbiran kerajaan.

Kesimpulan

Permintaan domestik yang kukuh dan sektor luar negeri yang menggalakkan serta pelaksanaan langkah yang digariskan dalam Belanjawan 2025 akan memacu pertumbuhan ekonomi antara 4.5% hingga 5.5% pada 2025. Malaysia bermatlamat untuk meningkatkan daya saing global dan kualiti hidup rakyat serta memastikan manfaat ekonomi diagihkan kepada semua lapisan masyarakat. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada peluasan ekonomi hijau, pembangunan infrastruktur berkualiti, peningkatan keselamatan sempadan, penggalakan perdagangan serantau dan pengukuhan kemampuan fiskal. Pada masa yang sama, industri domestik akan diperkukuh melalui peningkatan penerimgunaan teknologi termaju, produktiviti dan daya saing.

Belanjawan 2025 akan memberikan tumpuan kepada penstrukturan semula asas ekonomi untuk terus memacu pertumbuhan, menarik pelaburan berkualiti serta meningkatkan inovasi dan kemampuan merentasi semua sektor. Pada masa yang sama, Kerajaan akan memberikan keutamaan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memperkukuh sistem perlindungan sosial, menyediakan peluang pekerjaan dengan gaji bermakna serta menambah baik dasar yang menyokong pengagihan kekayaan secara saksama. Kerajaan kekal optimis Belanjawan 2025 berupaya memacu Malaysia ke arah merealisasikan kerangka Ekonomi MADANI melalui pendekatan seluruh negara.

Rujukan

- American Association for the Advancement of Science. (2023, September 13). Towards a sustainable biochar market in Korea. *EurekAlert*. <https://www.eurekalert.org/news-releases/1001369>
- Aurino, E., & Giunti, S. (2021, Jun 18). Social protection for child development in crisis: A review of evidence and knowledge gaps. *The World Bank Research Observer*, 37(2), 229–263. <https://doi.org/10.1093/wbro/lkab007>
- Australia New Zealand Biochar Industry Group. (2023, Jun 1). *Australian Biochar Industry 2030 Roadmap*. <https://anzbig.org/biochar-industry-2030-roadmap/>
- Bank Dunia. (2014, November 19). *A model from Mexico for the world*. <https://www.worldbank.org/en/news/feature/2014/11/19/un-modelo-de-mexico-para-el-mundo>
- Bank Dunia. (2018, Mac 14). *The state of social safety nets 2018*. <http://hdl.handle.net/10986/29115>
- Bank Dunia. (2020). *Doing Business 2020*. <https://documents1.worldbank.org/curated/fr/688761571934946384/pdf/Doing-Business-2020-Comparing-Business-Regulation-in-190-Economies.pdf>
- Bank Dunia. (2021a, Mac 15). *Aiming high: Navigating the next stage of Malaysia's development*. <https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/publication/aiminghighmalaysia>
- Bank Dunia. (2021b, Jun 9). *Business regulatory environment*. <https://www.worldbank.org/en/topic/investment-climate/brief/business-regulatory-environment>
- Bank Dunia. (2024, April 23). *Malaysia Economic Monitor, April 2024: Bending bamboo shoots: Strengthening foundational skills*. <https://doi.org/10.1596/41465>
- Bank Negara Malaysia. (2020). Visi perlindungan sosial di Malaysia. *Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020*. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/3026377/emr2020_bm_box1_socialprotection.pdf
- Biochar Malaysia Association. (2021, November 9). *BMAIC 2021: 1st Biochar Malaysia Association International Conference*. <https://biocharmalaysia.com/2021/11/09/431/>
- Carbon Standards International. (2023, April 5). *European Biochar Certificate: Guidelines for a sustainable production of biochar*. https://www.european-biochar.org/media/doc/2/version_en_10_3.pdf
- Centre for Future Labour Market Studies. (2023). The need for escaping the wage curse. *Economic Outlook 2023*. <https://progressive-wage-hub.euera.org/wp-content/uploads/2023/07/Economic-Outlook-2023-The-Need-for-Escaping-the-Wage-Curse.pdf>
- Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation. (2022, November 30). *Australia's carbon sequestration potential report*. <https://research.csiro.au/tnz/australias-carbon-sequestration-potential/>
- European Education and Culture Executive Agency. (2024, Mei 30). Sweden: Social Inclusion – Access to quality services. In *YouthWiki*. European Commission. <https://national-policies.eacea.ec.europa.eu/youthwiki/chapters/sweden/46-access-to-quality-services>

- Global Center On Adaptation. (2024, Februari 20). *The biochar producers of Chiang Mai*. <https://lahub.gca.org/stories/672483c4-0b1f-4763-bc74-cc5adad2fe86>
- Hogarth, N. J., & Belcher, B. (2013). The contribution of bamboo to household income and rural livelihoods in a poor and mountainous county in Guangxi, China. *International Forestry Review*, 15(1), 71-81. <https://doi.org/10.1505/146554813805927237>
- IMD World Competitiveness Center. (2024). *IMD World Competitiveness Booklet 2024*. https://imd.widen.net/content/rjlc6fl2jl/pdf/booklet_wcy_2024.pdf
- International Biochar Initiative. (2024, Jun 11). *How to make biochar: Biochar technology*. <https://biochar-international.org/about-biochar/how-to-make-biochar/biochar-technology/>
- International Labour Organization. (2024, Mac 15). *ILO reaches agreement on the issue of living wages*. <https://www.ilo.org/resource/news/ilo-reaches-agreement-issue-living-wages>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024a). *Keluaran Dalam Negeri Kasar Kaedah Pendapatan 2023*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024b). *Keluaran Dalam Negeri Kasar (2015 - 2023)*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024c). *Laporan Survei Gaji dan Upah 2022*.
- Kementerian Ekonomi Malaysia. (2023a). *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 - 2025. Malaysia MADANI: Mampan, sejahtera, berpendapatan tinggi*.
- Kementerian Ekonomi Malaysia. (2023b). *National Energy Transition Roadmap*. <https://ekonomi.gov.my/sites/default/files/2023-08/National%20Energy%20Transition%20Roadmap.pdf>
- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia. (2023). *New Industrial Masterplan 2030*. <https://www.nimp2030.gov.my>
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. (2024). *Kajian pengesanan graduan (pelbagai tahun)*.
- Kementerian Perladangan dan Komoditi Malaysia. (2023, Disember 27). *Pelan Tindakan Biojisim Negara 2023-2030*. https://www.kpk.gov.my/kpk/images/mpi_biomass/27032024-NBAP-BOOK-MALAY.pdf
- Kementerian Sumber Manusia Malaysia. (2020) *Panduan Gaji Permulaan 200 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran*.
- Khalidi, J. R., Muthusamy, N., & Rahim, M. A. R. A. (2023a, Mac). *The returns to Malaysian labour - Part I, wage growth and inequality from 1995 to 2019*. (KRI Working Paper No. 3/23). Khazanah Research Institute. https://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/Working%20Paper_The%20Returns%20to%20Malaysian%20Labour%20-%20Part%20I.pdf
- Khalidi, J. R., Muthusamy, N., & Rahim, M. A. R. A. (2023b, September). *The Returns to Malaysian labour - Part II, Wage gaps within and between subgroups from 2010 to 2019* (KRI Working Paper No. 5/23). Khazanah Research Institute. <https://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/The%20Returns%20to%20Malaysian%20Labour%20Part%20II%20Final.pdf>

- Khalil, I. A., Ali, M. Y., & Shaiban, M. (2019, November). *Waqf fund management in Kuwait and Egypt: Can Malaysia learn from their experiences*. In *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)* (pp. 69-83). <https://conference.uis.edu.my/i-maf/e-proceedings/images/e-proceedings/2014/wakaf/w07-imaf-2014.pdf>
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2023). *Belanjawanku 2022/2023*.
- Meiwa Corporation. (2024). *Waste to black gold: Brief summary on environmental solutions by a biomass carbonization technology of Japan*. <https://www.mofa.go.jp/files/000268774.pdf>
- Microsoft Corporation. (2023, Jun). *Microsoft carbon removal: Observations from our third year*. <https://query.prod.cms.rt.microsoft.com/cms/api/am/binary/RW16V26>
- Ministry of Primary Industries, New Zealand. (2024). *Maori Agribusiness*. <https://www.mpi.govt.nz/dmsdocument/53421-Maori-Agribusiness-Fact-sheet>
- Mottain, M. (2021, Mei 22). Malaysia on track to achieve high-income nation status. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/05/22/malaysia-on-track-to-achieve-high-income-nation-status>
- Moya, B. (2023, November 23). *Biochar is carbon removal's jack of all trades. Here's why*. World Economic Forum. <https://www.weforum.org/agenda/2023/11/biochar-carbon-removals-jack-of-all-trades-for-immediate-climate-action/>
- Muzamir, M. Y. (2024, Ogos 18). MTUC: Revise Employment Act to mandate wage increases for private sector. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2024/08/1093098/mtuc-revise-employment-act-mandate-wage-increases-private-sector>
- Naning, H., & Shafie, N. (2022, Oktober 3). *An inclusive social protection for all: Malaysia's Social Protection Project launched*. United Nations Development Programme. <https://www.undp.org/malaysia/blog/inclusive-social-protection-all-malaysias-social-protection-project-launched>
- Núñez, P. S. (2024, April 11). Sustaining wealth for future generations through Norway's oil surplus (1990–ongoing). *New York University Center on International Cooperation*. <https://www.sdg16.plus/policies/sovereign-wealth-fund-norway/>
- Offset8 Capital. (2024, Februari 27). *Offset8 announces the first transaction from Abu Dhabi to finance Sawa's \$50m carbon credit project in Indonesia*. <https://offset8capital.com/news/offset8-announces-the-first-transaction-from-abu-dhabi/>
- Ogawa, M. (2024). *Introduction to the pioneer works of charcoal uses in agriculture, forestry and others in Japan*. Japan Biochar Association. <https://biochar.jp/en/biochar-in-japan/>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2023, Julai 27). *Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat*. <https://www.pmo.gov.my/ms/2023/07/ekonomi-madani-memperkasa-rakyat/>
- Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia. (2024a). *Salary survey for executives (various years)*.
- Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia. (2024b). *Salary survey for non-executives (various years)*.
- Qi, H. E. (2024, Jun 18). Malaysia ranks 34th most competitive economy in 2024, down seven places. *The Edge Malaysia*. <https://theedgemaalaysia.com/node/715786>

- Segal, M. (2024, Mac 25). Microsoft signs 95,000 ton biochar carbon removal deal with climate solutions startup The Next 150. *ESG Today*. <https://www.esgtoday.com/microsoft-signs-95000-ton-biochar-carbon-removal-deal-with-climate-solutions-startup-the-next-150/>
- Social Wellbeing Research Centre. (2023, April). Protect, Promote and Prevent: Spearheading social protection initiatives for all. *SWRC Social Protection Bulletin*, 3(2). Universiti Malaya. <https://swrc.um.edu.my/bulletin/SWRC%20Social%20Protection%20Bulletin%20Vol%203%20No%202%20April%202023.pdf>
- Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (2018, Februari 26). *Children without: A study of urban child poverty and deprivation in low-cost flats in Kuala Lumpur*. https://www.unicef.org/malaysia/sites/unicef.org.malaysia/files/2019-04/UNICEF-ChildrenWithout-EnglishVersion-Final26.2.18_0.pdf
- Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (2024). *Key findings living on the edge: Longitudinal study on post-COVID-19 impact assessment among low-income households in Kuala Lumpur*. [https://www.unicef.org/malaysia/media/4626/file/Living on the Edge \(key findings\)\(ENG\).pdf](https://www.unicef.org/malaysia/media/4626/file/Living%20on%20the%20Edge%20(key%20findings)(ENG).pdf)
- The Next 150. (2024a). *Our projects*. <https://thenext150.com/projects/>
- The Next 150. (2024b, Mac 21). *The Next 150 inks 6-year agreement with Microsoft for 95,000 high-quality biochar carbon removal credits*. <https://thenext150.com/the-next-150-inks-6-year-agreement-with-microsoft-for-95000-high-quality-biochar-carbon-removal-credits/>
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia. (2021). *Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025. Malaysia makmur, inklusif, mampan*.
- US Biochar Initiative. (2023). *About us*. <https://biochar-us.org/us-biochar-initiative>
- Wang, H. (2020, October 4). *Bamboo, roads and tourism help a Guizhou village shake off poverty*. CGTN. <https://news.cgtn.com/news/2020-10-04/Bamboo-roads-and-tourism-help-a-Guizhou-village-shake-off-poverty-UjIS6psTSw/index.html>
- Wetzel, D., & Economico, V. (2013, November 4). *Bolsa Família: Brazil's Quiet Revolution*. World Bank. <https://www.worldbank.org/en/news/opinion/2013/11/04/bolsa-familia-brazil-quiet-revolution>
- World Bamboo. (2024, April 30). *12th World Bamboo Congress Taiwan a great success!* <https://www.worldbamboo.net/news-1/12th-world-bamboo-congress-taiwan-a-great-success!>

BAB 2

Tinjauan Makroekonomi

61 PERSPEKTIF KESELURUHAN

62 EKONOMI 2024

EKONOMI GLOBAL

Rencana 2.1 – Malaysia sebagai Gerbang Kemakmuran ASEAN

EKONOMI DOMESTIK

Sisipan 2.1 – Pelan Tindakan KL20: Memperkasakan Kuala Lumpur sebagai Hub Syarikat Pemula Global

Sisipan 2.2 – Pengukuhan Industri Semikonduktor melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030

Rencana 2.2 – Analisis Sensitiviti Perdagangan Malaysia terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar dan Impak Senario Ekonomi di China dan AS terhadap Eksport Kasar Malaysia

100 TINJAUAN 2025

TINJAUAN GLOBAL

TINJAUAN DOMESTIK

Rencana 2.3 – Menggalakkan Mobiliti Hijau dalam Memacu Negara ke Hadapan

Sisipan 2.3 – Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura: Memperkukuh Kerjasama Dua Hala ke Arah Meningkatkan Potensi Pertumbuhan

Rencana 2.4 – Memperkasakan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan Malaysia: Membuka Peluang Pelaburan untuk Memacu Pertumbuhan dan Pembangunan Sosial

121 KESIMPULAN

123 RUJUKAN

BAB 2

Tinjauan Makroekonomi

Perspektif Keseluruhan

Kerangka Ekonomi MADANI melonjak pertumbuhan ekonomi Malaysia

Ekonomi global dijangka kekal kukuh pada 2024 dan 2025 berikutan pertumbuhan stabil dalam kebanyakan ekonomi utama. Kadar inflasi terus mereda selaras dengan harga tenaga dan pasaran buruh yang menyederhana. Perdagangan antarabangsa dijangka mengukuh meskipun terdapat peningkatan ketegangan perdagangan dan ketidaktentuan dasar.

Ekonomi Malaysia meneruskan momentum pertumbuhan disokong oleh prestasi ekonomi yang memberangsangkan walaupun berhadapan cabaran berterusan dalam persekitaran luar. Keadaan ini menunjukkan asas ekonomi negara yang kukuh, kepelbagaian aktiviti ekonomi dan keyakinan pelabur terhadap pasaran domestik serta diperkukuh oleh dasar Kerajaan yang jelas. Tambahan pula, kerangka Ekonomi MADANI yang memberikan tumpuan kepada penstrukturan semula dan pembaharuan agenda ekonomi Malaysia serta pelaksanaan pelan dasar utama seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) telah mula menunjukkan keberhasilan yang positif. Pada separuh pertama 2024, ekonomi negara mencatat pertumbuhan menggalakkan sebanyak 5.1% didorong oleh permintaan domestik yang kukuh di samping eksport yang terus berkembang serta pertumbuhan positif dalam semua sektor ekonomi. Momentum

pertumbuhan ini dijangka berterusan pada separuh kedua tahun ini meskipun pada kadar yang sederhana. Secara keseluruhan, KDNK benar pada 2024 disemak naik antara 4.8% hingga 5.3% melebihi sasaran awal antara 4% hingga 5%.

Pada 2025, ekonomi diunjur berkembang antara 4.5% hingga 5.5%. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan yang disumbangkan oleh aktiviti pelancongan, eksport yang berterusan serta aktiviti berkaitan ICT yang rancak. Industri berkaitan pelancongan terutamanya segmen makanan & minuman, penginapan dan perdagangan runcit dijangka terus meningkat manakala segmen perdagangan borong serta pengangkutan udara dan air akan mendapat manfaat daripada aktiviti berkaitan perdagangan yang berterusan. Industri seperti utiliti dan perkhidmatan profesional dijangka berkembang seiring dengan kepesatan perkembangan ICT terutamanya pusat data. Sektor pembuatan dijangka terus berkembang berikutan prestasi lebih baik dalam industri berorientasikan eksport terutamanya segmen E&E didorong oleh permintaan luar untuk semikonduktor yang semakin meningkat. Selain itu, industri berorientasikan domestik dijangka kekal menggalakkan selaras dengan penggunaan dan pelaburan domestik yang lebih tinggi. Sektor pembinaan dijangka mengukuh disumbangkan oleh pertumbuhan dalam semua subsektor. Prospek bagi sektor pertanian kekal positif disokong oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) dan permintaan daripada industri berkaitan makanan. Sebaliknya, sektor perlombongan

dijangka merosot secara marginal disebabkan oleh penutupan loji berjadual bagi tujuan penyelenggaraan.

Dari sudut permintaan, pertumbuhan akan disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang kukuh dan perdagangan global yang stabil. Penggunaan swasta yang menyumbang sekitar 60% kepada ekonomi diunjur terus menerajui pertumbuhan disokong oleh pasaran buruh dan pertumbuhan pendapatan yang kukuh dalam persekitaran inflasi yang terkawal. Pembentukan modal tetap kasar atau jumlah pelaburan kekal tinggi didorong oleh pelaburan swasta yang direalisasikan, penyegeraan pelaksanaan projek strategik sektor awam dan inisiatif di bawah Program Pengaktifan dan Reformasi Badan Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) serta projek baharu dan sedia ada yang berbilang tahun dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Sektor luar negeri diunjur terus berkembang pada 2025 disokong oleh permintaan global yang stabil. Aktiviti perdagangan yang menggalakkan dijangka menyumbang kepada lebihan dalam akaun barangan manakala akaun perkhidmatan dijangka mencatat defisit lebih kecil disumbangkan oleh aktiviti pelancongan yang lebih kukuh. Akaun pendapatan diunjur terus merekodkan aliran keluar bersih berikutan peningkatan aktiviti pelaburan. Sehubungan itu, akaun semasa dijangka mencatat lebihan sebanyak RM49.1 bilion atau 2.4% daripada pendapatan negara kasar (PNK).

Dari sudut pendapatan, pampasan pekerja (PP) dijangka meningkat disokong oleh antaranya pelaksanaan kadar gaji minimum

baharu dan pelarasan kenaikan gaji penjawat awam. Peningkatan PP juga disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang mampan seterusnya menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

Malaysia yang mengamalkan ekonomi terbuka kekal terdedah kepada ketidaktentuan persekitaran global yang berupaya menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Keadaan tersebut termasuk ketegangan geopolitik yang meruncing, gangguan rantai bekalan, turun naik pasaran kewangan dan prospek pertumbuhan ekonomi yang tidak sekata antara negara. Justeru, Kerajaan kekal komited dalam melaksanakan langkah dan inisiatif pragmatik yang berterusan demi mengukuhkan lagi ekonomi negara.

Ekonomi 2024

Ekonomi Global


Pertumbuhan kekal berdaya tahan dalam ketidaktentuan

Ekonomi global diunjur stabil pada kadar 3.2% pada 2024 berikutan penajajaran pertumbuhan dalam kalangan ekonomi maju. Negara maju dijangka kekal mencatat pertumbuhan sebanyak 1.7%. Ekonomi AS dijangka berkembang sebanyak 2.6% didorong oleh penggunaan domestik yang berterusan manakala kawasan euro dianggar meningkat secara marginal sebanyak 0.9% dengan pertumbuhan dipacu oleh sektor perkhidmatan dan eksport yang lebih tinggi. Sementara itu, Jepun dijangka mencatat pertumbuhan lebih perlahan pada kadar 0.7% disebabkan oleh

gangguan rantaian bekalan dan pelaburan domestik yang lembap. Pertumbuhan pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun (EMDE) dianggarkan berkembang sebanyak 4.3% disokong oleh kemampuan penggunaan swasta dan eksport di Asia. Ekonomi China dijangka meningkat pada kadar 5% didorong oleh perbelanjaan pengguna dan eksport manakala India diunjur mencatat pertumbuhan menggalakkan sebanyak 7% disokong oleh permintaan domestik yang teguh. Pertumbuhan dalam kalangan ASEAN-5 diunjur terus mengukuh pada kadar 4.5%.

Perdagangan dunia dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 3.1% pada 2024 sejajar dengan kestabilan pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh pengukuhan aktiviti perdagangan terutamanya dalam sektor berkaitan teknologi. **Inflasi global** terus mereda kepada 5.9% disumbangkan oleh harga tenaga dan pasaran buruh yang menyederhana. Walau bagaimanapun, kadar inflasi dianggarkan kekal tinggi dalam kalangan EMDE berbanding ekonomi maju.

RAJAH 2.1. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar, Perdagangan dan Inflasi Global 2023 - 2025 (% perubahan)



¹ Anggaran
² Unjuran
Nota: Perdagangan bagi Ekonomi Maju serta Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Sengah Membangun merujuk kepada purata volum eksport dan import bagi barangan dan perkhidmatan
Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook Update (Julai 2024)

RENCANA 2.1

Malaysia sebagai Gerbang Kemakmuran ASEAN

Pengenalan

ASEAN merupakan model kerjasama dan integrasi serantau yang berpengaruh dalam memacu pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan pembangunan budaya di Asia Tenggara. Sejak ditubuhkan pada 1967, ASEAN telah berkembang merangkumi 10 negara anggota yang memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan dan kemakmuran rantau ini. Visi ASEAN dizahirkan melalui moto "Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti" yang menggerakkan usaha mewujudkan komuniti bersatu dan berdaya tahan seterusnya mampu bersaing di persada global. ASEAN sedang melalui fasa transformasi yang menjanjikan pertumbuhan inklusif dan kemakmuran kepada negara anggota. Organisasi antara kerajaan serantau ini menjadi asas kepada kerjasama ekonomi dan integrasi di Asia Tenggara dan kini bersedia melonjak ke tahap pembangunan ekonomi yang lebih tinggi.

ASEAN dijangka terus kekal sebagai antara rantau ekonomi global yang paling pesat berkembang dalam dekad akan datang. ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi ASEAN meningkat sebanyak 4.7% pada 2024 berbanding 4.2% pada 2023. Bank Pembangunan Asia pula menjangkakan rantau ini bakal menjadi ekonomi keempat terbesar

dunia menjelang 2030. Dalam tempoh 2013 hingga 2023, jumlah perdagangan barangan ASEAN dengan rakan dagang serantau dan global mencatat purata pertumbuhan tahunan yang stabil sebanyak 3.5% iaitu daripada USD2,533.1 bilion pada 2013 kepada USD3,560.1 bilion pada 2023. Di samping itu, ASEAN mencatat aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang kukuh bernilai USD165.1 bilion dalam tempoh sebelum COVID-19 dengan Malaysia menerima pelaburan sebanyak USD7.8 bilion. Pascapandemik, FDI ASEAN melonjak dengan ketara kepada USD223.5 bilion pada 2022 dengan pelaburan yang diterima oleh Malaysia meningkat lebih dua kali ganda kepada USD16.9 bilion. Perkembangan tersebut bukan sahaja menyerlahkan daya tahan ASEAN sebagai destinasi pelaburan utama tetapi juga kepentingan strategik dalam rantaian nilai global.

Kelebihan Daya Saing Malaysia: Memanfaatkan Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025

Malaysia sebagai antara negara anggota pengasas ASEAN menawarkan pelbagai peluang merentas sektor. Kedudukan strategik dan asas ekonomi Malaysia yang kukuh dilihat pelabur sebagai gerbang ASEAN yang menawarkan kelebihan unik dalam bidang strategik seperti elektrik dan elektronik (E&E), kecerdasan buatan (AI), pelancongan perubatan serta inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Menjelang kepengerusian ASEAN pada 2025, Malaysia akan memberikan tumpuan kepada pengukuhan kerjasama serantau dalam bidang tersebut. Usaha ini melibatkan penyertaan sektor swasta dan usahawan tempatan untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan yang mencerminkan komitmen Malaysia dalam menggalakkan inovasi dan pertumbuhan ekonomi.

Selaku Pengerusi, Malaysia akan memperkenalkan Konsep Komuniti ASEAN 2045 bagi meningkatkan kerjasama dalam kalangan negara anggota, mengeratkan perpaduan, merapatkan jurang perbezaan serta memupuk keharmonian untuk kemakmuran ekonomi serantau. Selain itu, Konsep ini akan memperluas lagi kerjasama komuniti ASEAN bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi turut meliputi aspek ketersambungan, pengagihan tenaga dan infrastruktur. Kepengerusian ini juga mencerminkan hala tuju Malaysia ke arah merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI untuk menjadi peneraju ekonomi Asia.

Elektrik dan Elektronik

Industri E&E Malaysia merupakan antara penyumbang utama kepada KDNK, pelaburan dan peluang pekerjaan. Lokasi yang strategik serta infrastruktur yang komprehensif membolehkan Malaysia menawarkan akses kepada pasaran global yang merangkumi lebih empat bilion penduduk melalui pelbagai perjanjian perdagangan bebas (FTA). Kedudukan strategik dalam rantaian bekalan semikonduktor Asia memberikan kelebihan kepada Malaysia dalam menarik pelaburan yang besar dan berkualiti serta meningkatkan peluang pekerjaan dalam industri ini.

Malaysia kini menyumbang 13% daripada pasaran pengujian dan pembungkusan semikonduktor global dan menjadi pengeksport semikonduktor keenam terbesar dunia. Industri ini merangkumi 60% daripada jumlah eksport E&E negara. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025, Kerajaan menyasarkan sumbangan industri E&E sebanyak RM120 bilion kepada KDNK menjelang 2025. Pada 2023, industri E&E telah menyumbang sebanyak 7.5% kepada KDNK bernilai RM117.7 bilion. Di samping itu, Malaysia telah melancarkan Strategi Semikonduktor Kebangsaan yang bertujuan mengukuhkan peranan negara dalam rantaian bekalan semikonduktor global. Strategi ini disokong oleh peningkatan permintaan terhadap produk E&E yang dipacu oleh perkembangan sektor kenderaan elektrik (EV), tenaga boleh baharu (TBB), aeroangkasa dan ekonomi digital.

Kecerdasan Buatan

